

**PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 35</b>	<b>Rabu</b>	<b>13 Disember 2023</b>
----------------	-------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023	(Halaman 66)
Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023	(Halaman 99)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Dilantik)
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Dilantik)
3. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Johor)
5. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
6. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
7. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
8. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
9. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
10. “ Tuan Amir bin Ghazali (Pulau Pinang)
11. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman (Dilantik)
12. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah (Dilantik)
13. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan (Dilantik)
14. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
15. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
16. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
17. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
18. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
19. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob (Dilantik)
20. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Datuk Noraini binti Idris, (Sabah)
23. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
24. “ Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
25. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
26. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)

**AHLI HADIR (samb/-)**

27. Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
28. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
29. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
30. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
31. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah (Dilantik)
32. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda (Dilantik)
33. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Dilantik)
34. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
35. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (DUN Melaka)
36. “ Dato’ Dr. Nelson a/l Renganathan (Dilantik)
37. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (DUN Kelantan)
38. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
39. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
40. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
41. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
42. “ Datin Hajah Ros Suryati binti Alang (Dilantik)
43. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
44. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak)
45. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran (Dilantik)
46. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
47. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
48. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
49. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
50. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Hal Ehwal Agama]
5. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] (Dilantik)
6. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
7. “ Dr. Zulkifli Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dilantik)]

**TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
2. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Samy Vellu (Dilantik)
3. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan (Dilantik)
4. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
5. “ Puan Noorita binti Sual (Dilantik)
6. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Putrajaya)

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad [Menteri Kesihatan] (Kuala Selangor)
2. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)
3. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
4. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
5. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
6. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi](Pensiangan)
7. “ Datuk Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
8. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
9. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
10. “ Tuan Wong Kah Who [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
11. “ Dato Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 13 Disember 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.02 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam sejahtera.

Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

**1. Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kerajaan mempunyai suatu kerangka pelan pembangunan khusus di sepanjang jajaran ECRL dan jajaran LPT3 di negeri-negeri Pantai Timur.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jajaran ECRL bakal membentuk tulang belakang pengangkutan melalui perkhidmatan rel bagi menghubungkan kawasan-kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar utama di Pantai Timur. Projek ini akan memberi kesan aglomerasi yang dapat meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan dan pusat-pusat ekonomi bagi merangsang aktiviti ekonomi di sepanjang Koridor ECRL untuk pengagihan peluang sosioekonomi yang lebih seimbang.

Antara usaha-usaha kerajaan dalam pembangunan di sepanjang Koridor ECRL juga diterjemahkan oleh PLANMalaysia melalui Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rail Pantai Timur (PeGTaECRL) yang telah disahkan di peringkat Majlis Perancang Fizikal Negara pada 18 September 2023.

Pelan Induk ini bertujuan untuk memastikan pembangunan guna tanah di sepanjang jajaran ECRL dan sekitar stesen ECRL termasuklah pembangunan pelaburan Projek Pemacu

Ekonomi ataupun, dengan izin, *Economic Accelerator Project* (EAP) dapat dikenal pasti dan potensi ECRL dalam menyokong pertumbuhan wilayah dan negara dapat dioptimumkan. EAP merangkumi taman perindustrian hab logistik dan pembangunan *Transit Oriented Development* (TOD).

Selain itu, sebarang projek pembangunan yang dalam lingkungan 15 kilometer daripada jajaran ECRL yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta agensi berkaitan seperti hab kargo, pusat pelancongan dan lain-lain aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan penggunaan rel dan kargo, boleh diambil kira sebagai pembangunan EAP.

Cadangan projek pembangunan EAP yang berpotensi telah dikenal pasti di negeri-negeri sepanjang jajaran ECRL terutama di Pantai Timur adalah seperti berikut.

Di Kelantan- di Kelantan antara cadangan utama bagi stesen ECRL di Negeri Kelantan iaitu pembangunan Bandar Baharu Tunjong yang merupakan perbandaran baharu untuk kawasan Ketereh. Cadangan pembangunan hab logistik di Pasir Puteh dan cadangan pelabuhan darat di Bandar Baharu Tok Bali mampu memperkukuhkan Stesen Pasir Putih sebagai hab kargo di negeri Kelantan dan utara negeri Terengganu.

Di negeri Terengganu pula, cadangan pembangunan bagi stesen ECRL di negeri Terengganu merupakan pembangunan bandar lestari bagi lokasi-lokasi terpilih yang berdekatan dengan stesen seperti Stesen Jerteh dan Stesen Kuala Terengganu. Pengukuhan pembangunan bagi stesen-stesen ini merupakan gerbang pelancongan di negeri Terengganu.

Di negeri Pahang pula, Pelan Cadang bagi stesen ECRL di negeri Pahang merupakan pembangunan bandar aeroangkasa di Stesen Cherating. Pembangunan Bandar KotaSAS, pembangunan Bandar Baharu Maran dan Temerloh *Smart City* di Stesen Temerloh antara pembangunan bandar-bandar baharu yang dijangka akan membangun dengan adanya jajaran ECRL.

Pembangunan setempat juga akan membangun seperti di Stesen Kuantan Port City untuk pembangunan bandar industri Gebeng, kawasan Paya Besar dengan Pelan Pembangunan Bandar *Education and Sport City* serta Bentong yang fokus kepada pembangunan bandar ekopelancongan.

Stesen-stesen ini- sikit lagi Tan Sri Yang di-Pertua, sedikit sahaja- *a very one short paragraph*. Stesen-stesen ini dengan perancangan pembangunan yang mampan akan dijangka dapat memberi manfaat kepada pembangunan sekitar dan sosioekonomi setempat.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya, cadangan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), sedang diteliti di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS). Dalam hal ini, kerajaan komited untuk menjayakan Projek LPT3 melalui sesi libat urus bersama wakil

kerajaan negeri dan wakil Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan Tan Sri Yang di-Pertua. Kerana satu soalan- boleh saya buat tiga dalam satu?

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Yang pertama Tan Sri Yang di-Pertua terkait dengan yang tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang jadi masalah ini kalau yang utama, yang kedua, yang ketiga ini. Kalau hendak buat, tanya. Alihkan nampak tidak jelas sangat buat kesilapan itu.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Okey saya cuba... *[Ketawa]*

Tan Sri Yang di-Pertua, terkait dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, Kemaman, Kerteh adalah- merupakan kawasan industri *tak* kah termasuk satu daripada transit di kawasan terbabit? Sebab itu pelabuhannya di situ dan industri minyaknya pun di situ.

Keduanya, ialah terkait dengan kawasan laluan ECRL ini. Apakah ada kajian yang teliti berhubung dengan kemungkinan berlaku di tempat-tempat bencana seperti banjir dan lain-lain?

#### ■1010

Ketiga, saya mohon perkembangan tentang LPT3 dari Gemuruh ke Pengkalan Kubor kalau tak silap saya. SI dan juga *surveyor* sudah siap tetapi *final alignment* itu, apakah statusnya sekarang? Terima kasih.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan Kerteh dan Kemaman ini tadi, memang kalau tak silap saya sudah disebut tadi lah ya. *This is* antara *plan* yang telah pun dimasukkan dan telah pun dibincangkan di peringkat pembangunan fizikal negara. Jadi di sebalik itu juga, kita ada *the National-* sekejap ya. Sebenarnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu iaitu jalan sisihan ke Kerteh dan Pelabuhan Kemaman. Ia memang akan di- sebahagian daripadanya itu di Pelabuhan Kemaman dan juga di Stesen Kemasik, Kerteh dan Chukai.

Jadi, ia nya memang akan dimasukkan juga dalam pelan ini dan di sebalik itu sebagaimana saya katakan pada awal tadi iaitu dalam *Plan National Industry*, *I think* ini sebelah MITI. Memang sudah ada pelan yang menunjukkan di mana kawasan-kawasan lagi yang akan dimasukkan di bawah MITI ini sebab mereka sendiri pun juga memberikan penerangan kepada kami di MOT. *What are the things* yang akan dibuat di sepanjang jajaran ini selain daripada apa yang disebut itu dalam Pelan Industri Negara kita di sepanjang jajaran.

Keduanya ialah tentang iaitu pasal bencana ini sudah pastinya sepanjang masa *design stage* dulu saya yakin benda ini sudah diambil kira semuanya tetapi ya lah, apa yang berlaku seperti tempoh hari di mana tanah telah pun di jalan raya di kawasan ada yang berkaitan juga dengan terowong. Walaupun kajian dibuat sebagai *technical man* selama ini,



*but still* kadang-kadang kesan-kesan yang boleh berlaku juga. Tapi saya yakin semua ini dapat diatasi, *insya-Allah* dengan *the engineering* punya *capability* kita, semua perkara ini dapat diatasi.

Berkaitan dengan LPT3 ini, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bahawa *the details for that* bersama dengan Kementerian Kerja Raya. *I mean*, boleh dirujuk kepada Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih. Oleh sebab Yang Berhormat Dato' Sivaraj tidak hadir, maka saya ingin menjemput Dato' Haji Aziz bin Ariffin.

*[Soalan No.2 – Yang Berhormat Dato' Sivaraj a/l Chandran tidak hadir]*

**Dato' Haji Aziz bin Ariffin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Makan nasi berulam pegaga;  
soalan saya Yang Berhormat nombor tiga.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

3. **Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) status terkini penangguhan pengeluaran kad pengenalan kanak-kanak (MyKid) ekoran masalah bekalan mikrocip, dan;
- (b) apakah inisiatif kerajaan bagi memastikan masalah ini dapat diselesaikan memandangkan penggunaan MyKid penting di jabatan-jabatan kerajaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan sahabat saya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz Ariffin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mula mencetak 160,000 permohonan kad pengenalan kanak-kanak (MyKid) yang tertunggak mulai bulan Oktober dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2023 ini. Serahan kepada pemohon akan dilaksanakan secara berperingkat sebaik sahaja proses cetakan MyKid ini selesai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa komited untuk menyelesaikan isu tunggakan permohonan kad MyKid. Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga boleh menggunakan sijil kelahiran bagi sebarang urusan dengan pihak kerajaan ataupun pihak swasta sementara menunggu kelulusan permohonan MyKid. Ini kerana sijil kelahiran merupakan satu- dokumen pengenalan diri yang sah, dikeluarkan oleh kerajaan dan agensi kerajaan dan swasta juga telah pun dimaklumkan

untuk mengutamakan penggunaan sijil kelahiran, sementara menunggu kad MyKid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Aziz bin Ariffin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Aziz bin Ariffin:** Apakah faktor berlakunya kehabisan stok MyKid? Bilakah dijangka akan selesai sepenuhnya isu ini serta dari manakah bekalan MyKad yakni mikrochip dihasilkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, bekalan cip untuk MyKid ini adalah dari negara Eropah, di mana ia berpusat di Belanda. Untuk makluman, masalah kehabisan stok ini berlaku disebabkan isu krisis kekurangan cip global sekitar tahun 2020-2023 lalu akibat pandemik COVID-19. Penutupan industri, kilang dan sebagainya dan juga begitu tinggi permintaan daripada negara-negara hingga menjejaskan bekalan kepada kita.

Namun demikian, JPN telah pun melaksanakan pelbagai usaha dan untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun menyelesaikan 140,000 MyKid yang tertunggak bagi tahun 2021 dan tahun 2022. Kita ada berbaki lebih kurang 15,000 MyKid yang masih belum dicetak dan dijangka selesai pada penghujung Disember 2023.

Bagi tahun 2023, JPN juga sedang melaksanakan proses perolehan berkaitan bekalan MyKid. Lebih kurang tiga juta kita akan sediakan untuk menampung kerana anggaran kita mengikut kebiasaan kadar kelahiran setahun antara 400,000 hingga 500,000 keperluan perlu disediakan. Dalam apa keadaan pun, kita sentiasa berusaha untuk memastikan dan kita jangkakan bahawa selepas isu ini selesai, maka mulai tahun 2024, masalah ini tidak akan timbul lagi. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cip itu bukan ke dulu dibuat di sini oleh Iris Scope *ker* apa Yang Berhormat? Tidakkah kita boleh *manufacture* di sini, di negara ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Kita harus ingat bahawa isu-isu soal keselamatan kad juga penting dan perlu diberi perhatian dan pelbagai pertimbangan telah pun dibuat dan kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan juga JPN mengambil kira semua aspek. Sebab itu bekalan yang kita peroleh adalah daripada *Europe* dan tidak dari tempat lain, terutama dari Belanda. Ini mengambil kira semua aspek bekalan. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tak ada yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Saya fikir soal cip dalam MyKad, MyKid dan lain-lain ini ialah isu keselamatan negara. Isu data yang boleh di-*exploit*-kan. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk memastikan bahawa cip ini nanti bakal dikeluarkan sendiri oleh kerajaan demi keselamatan kita sendiri seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Kita ambil kira aspek-aspek sebagaimana yang disebutkan tadi, soal keselamatan dan sebagainya. Cuma saya boleh sebut bahawa buat masa ini keputusan kita iaitu menggunakan bekalan cip daripada *Europe* iaitu Belanda. Ini mengambil kira semua aspek. Untuk tujuan akan datang, mungkin pertimbangan pada waktu lain, tetapi saya hanya sebut pada waktu ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya untuk Kementerian Kesihatan, nombor 4.

**4. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta Menteri Kesihatan menyatakan, komitmen kementerian dalam menjaga kebajikan Pegawai Perubatan dengan mengkaji semula Elaun Tugas Atas Panggilan atau *on-call* untuk Doktor Perubatan yang telah sekian lama tidak dinaikkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Berkenaan tentang soalan yang telah dibangkitkan.

■1020

Tan Sri Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam sedang melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan turut menyertai kajian ini dengan membekalkan maklumat dan input-input yang diperoleh daripada pegawai, kesatuan dan persatuan bagi menambah baik kebajikan kakitangan di sektor kesihatan. Oleh yang demikian, salah satu input yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan kepada agensi pusat melalui SSPA ini iaitu mengenai isu kadar elaun tugas atas panggilan- *on call*.

Untuk makluman Senator juga, permohonan kenaikan kadar elaun tugas dan panggilan *on call* ini juga telah diangkat kepada agensi pusat pada tahun 2022 dan tahun 2023. Juga untuk makluman Yang Berhormat Senator, kali terakhir kadar Elaun Tugas Atas Panggilan ini di-*review*, dengan izin, adalah pada tahun 2012. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tan Sri, soalan tambahan. Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Isu *On-Call Allowance*, dengan izin, zaman kami dulu Tan Sri tak timbul, kerja sahaja tak dapat elaun apa-apa, tapi memang *tough*-lah sikit. Saya rasa usaha ini bagus bagi menaikkan semangat. Bukan susah sangat kita nak menilai. Cuma kalau boleh kementerian ini *engage* sikit dengan doktor. Doktor ini bolehlah kita katakan tonggak

perkhidmatan walaupun jawatan-jawatan lain sama penting tapi doktor ini penting. Sudi apalah kiranya Tan Sri kalau *engagement* ini diperbanyakkan, kerapkan sikit dan dengan penambahan belanjawan untuk kementerian ini, saya yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera. Sejak 2012, ini kali pertama nak naikkan. Saya cadang disegerakan... [*Tepuk*] Terima kasih.

**Dato Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tan Sri Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator berkenaan tentang sesi libat urus yang perlu dilaksanakan secara kerap dan juga berdasarkan maklumat ataupun sejarah, kadar elaun ini memang pernah kita naikkan sejak tahun 1994 ke tahun 2001, 2005 dan juga 2012.

Kalau kita lihat dari tempoh 2012 sehingga 2023 ini, hampir 10- dah 11 tahun kadar elaun ini tidak dinaikkan. Juga kita telah mendapati isu-isu ini banyak sekali dibangkitkan bukan sekadar melalui sesi libat urus, tetapi melalui sosial-sosial media sehinggakan mencetuskan rasa kurang senang di kalangan pegawai dan juga penjawat awam terutama Pegawai Perubatan.

Juga sepanjang tahun di bawah pentadbiran Kerajaan Madani melalui mantan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kita telah menganjurkan Sesi Libat Urus atau sesi *Town Hall* bersama Pegawai Perubatan. Juga di situ kita jelas, dilihat pegawai-pegawai perubatan menuntut agar kadar elaun *on call* ini dinaikkan.

Juga kita telah mengemukakan cadangan-cadangan kepada agensi pusat iaitu JPA dan juga Sesi Libat Urus bersama Yang Berbahagia KPPA telah dilaksanakan. Walaupun demikian, keputusan muktamad berkenaan tentang *review* kadar *on call* ini belum dapat dicapai dan kita telah mengemukakan semula dan juga melalui pelaksanaan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam ini, saya cukup yakin cadangan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menaikkan kadar *on call* ini akan diterima dengan baik oleh pihak Agensi Pusat.

Juga isu *engagement* ini, selain daripada bersama dengan pegawai perubatan, kita telah mengadakan lima kali sesi dengan MMA dan juga kita telah mengumpul banyak input, hampir 5,261 input yang telah kita dapat dan juga kita telah hantar kepada pihak agensi pusat. Perkara-perkara ini kita harap Agensi Pusat dan juga dengan adanya jiwa besar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meluluskan tuntutan ataupun permohonan daripada pegawai-pegawai perubatan kerana kami sangat-sangat menghargai pegawai-pegawai perubatan di dalam KKM. Sekian, terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Tan Sri Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua, setahu saya elaun Pegawai Perubatan RM9 sejam di mana lebih rendah daripada *Grab driver*. Ini menyebabkan ramai pegawai perubatan terasa teraniaya dan juga terpaksa keluar ke sektor swasta yang menyebabkan *brain drain*.

Adakah kerajaan memang serius nak selesaikan isu ini? Sebab setiap kali kita *dok* cakap tentang isu ini tak *settle*, *settle* dah. Adakah- bolehkah kerajaan menyatakan adakah *review* ini akan dilakukan dengan segera, tahun 2024 ataupun 2025? Perkara ini sudah lama dibincangkan tapi setakat ini tiada penyelesaian. So, mohon YB Menteri menjawab.

**Dato Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Selain daripada gaji dan juga imbuhan tetap, pegawai perubatan juga turut menerima pelbagai elaun sebenarnya. Antara tugas-tugas yang mereka- elaun yang mereka terima adalah seperti:

- (i) bayaran insentif perkhidmatan kritikal;
- (ii) bayaran insentif pakar;
- (iii) elaun bertugas pegawai perubatan semasa waktu pejabat di klinik kesihatan dan jabatan kecemasan;
- (iv) elaun pembedahan; dan
- (v) elaun tugas atas panggilan adalah bergantung pada tempoh masa bekerja di luar waktu.

Juga adalah wajar- saya memang bersetuju secara peribadi dan juga secara dasar kita kena lihat berkenaan tentang elaun yang bernilai RM9 ini. Walaupun memang terdapat elaun-elaun yang lain tetapi tempoh masa bekerja ini Tan Sri Yang di-Pertua bukannya sejam, dua, tetapi memakan tempoh hampir berbelas-belas jam.

Saya pun menerima baru-baru ini ada seorang pakcik inilah yang memberitahu saya ucapkan terima kasih kepada Pegawai Perubatan, "*Saya lihat pagi tadi saya jumpa doktor itu, esok pagi saya jumpa doktor yang sama juga.*" Macam tak tidur, macam *zombie* pula- dia orang cakap. Saya berharap agar betapa seriusnya kami iaitu kami telah mengemukakan sejak hari pertama Yang Berhormat masuk dan sebentar tadi saya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri yang baharu, Menteri Kesihatan yang baharu, komitmen untuk melihat perkara ini akan diperhalusi dengan teliti dan juga kita telah mengemukakan cadangan-cadangan yang terbaik seperti apa yang kami peroleh daripada input-input *Town Hall* yang telah kita laksanakan. Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu keseimbangan kehidupan kerja, *work-life balance* amat penting, tapi saya melihat dalam bidang perubatan ini merupakan satu perkara yang amat perlu ditangani.

Jadi soalan saya, siapakah yang dipertanggungjawabkan oleh kementerian di peringkat hospital untuk memastikan pegawai perubatan tidak bekerja berlebihan? Sebab apa yang dimaklumkan kepada saya, kalau di Semenanjung ini rata-rata *round* dibuat selepas pukul 8, tetapi di Hospital Umum Sarawak ada sesetengah jabatan di mana *rounds* bermula pada pukul 7 pagi.

Jadi kalau pukul 7 pagi Pegawai Perubatan terpaksa turun kerja 6.30 pagi dan balik pukul 7 malam. Jadi kalau kita lihat *work-life balance* itu tidak ada, itu melebihi daripada *on call* yang tadi disebut. So, siapa yang dipertanggungjawabkan *to make sure* ada *work-life balance* kepada Pegawai-pegawai Perubatan kita.

Ada sesetengah ketua- itu dia tidak ada keluarga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang sangat.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Ya, *sorry*. Jadi masa itu seakan-akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita. Tan Sri Yang di-Pertua, dalam Sesi Libat Urus yang kita jalankan, memang banyak perkara seperti *work-life balance* ini dibangkitkan terutama doktor-doktor muda ataupun pegawai-pegawai perubatan yang baru sahaja memasuki perkhidmatan.

Juga berkenaan tentang pelaksanaan waktu bekerja di Kementerian Kesihatan, kita berpegang kepada peraturan berkaitan tempoh waktu bekerja bagi pegawai perkhidmatan awam adalah sebagai mana ditetapkan di dalam Perintah Am, Bab G 1974, Waktu Bekerja dan Lebih Masa dan Pekeliling Sumber Manusia.

Peraturan ini terpakai kepada semua perkhidmatan awam termasuk anggota kementerian kesihatan yang bertugas di fasiliti kesihatan, tetapi untuk menjawab Yang Berhormat Senator Puan Rita, isu-isu ini berbangkit adalah juga bergantung kepada bekalan ataupun bergantung kepada jumlah kakitangan Pegawai-pegawai Perubatan dan juga kakitangan kesihatan yang berada di fasiliti.

#### ■1030

Ketika ini kita sedang menjalankan satu kajian yang komprehensif berkenaan tentang *maldistribution of doctors*, dengan izin, dan juga keperluan-keperluan *doctors* yang perlu kita optimumkan di dalam fasiliti kesihatan. Walaupun demikian, kita juga turut mengkaji berkenaan tentang perkara-perkara yang lain sebagai contoh, di mana hospital ataupun hospital fasiliti kesihatan ini menyediakan ruang tempat rehat dan juga ruang tempat *on-call* kepada doktor-doktor ini yang lebih selesa, yang lebih dapat memberikan kesenanganlah untuk bekerja.

Pengarah-pengarah hospital juga turut dinasihatkan untuk melihat jadual dan juga pusingan kerja ini bersesuaian dan juga tidak memberikan tekanan yang sangat-sangat tinggi kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kadang-kadang hasil dan juga kesan daripada beban

tugas ini, sebahagian Pegawai-pegawai Perubatan melihat ini merupakan isu buli yang agak serius di dalam kementerian kami.

Maka, kami telah meneliti dan juga kita telah menghantar pegawai-pegawai untuk melihat dan juga mendapatkan pandangan serta menasihatkan ketua-ketua jabatan, ketua-ketua, pengarah-pengarah di hospital untuk memberikan satu *environment* kerja yang sangat kondusif dan juga tidak memberikan tempoh masa yang panjang kepada pegawai perubatan untuk berada di fasiliti. Sekian, terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang disoal oleh- semua menyoal di bawah persoalan ini, memang betul Yang Berhormat. Saya dulu dalam polis tujuh tahun jadi pegawai penyidik ya, penyiasat. Doktor hospital itu dia 24 jam. Selepas 24 jam dia *off* 24 jam tetapi sebelum dia pergi *off* itu dia akan hendak menyerah tugas dia itu. Sepanjang hari sampai pukul 4, pukul 5 petang. Itu menyerah tugas katanya. Satu persatu *patient* kena di *brief* dengan yang doktor yang mengambil alih.

Selepas itu bila dia *standby* selepas itu dia kerja balik itu. Memang tidak ada *rest*. Orang jadi doktor ini memang macam robotlah. Yang Berhormat kena cecutkan benda-benda ini. Realiti ini, *reality of life...* [*Tepuk*] Bayangkan saya 70-an dulu itu. Sekarang lebih teruk lagi, penyakit makin banyak. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya menjemput Tuan Isaiah a/l D Jacob.

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

**5. Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, bolehkah golongan OKU mendapat pinjaman tanpa faedah bagi pembelian rumah pertama.

**Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahumma Sholli Ala Sayyidina Muhammad Wa Ala Ali Sayyidina Muhamad.*

Tan Sri Yang di-Pertua, dua hari yang lepas saya berdiri di sini untuk menjawab soalan Senator bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hari ini saya sekali lagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, tetapi bagi peringkat kementerian yang lain... [*Tepuk*] Tetapi apa pun saya ucapkan tahniah kepada Senator kerana sangat memberi tumpuan kepada Orang Kurang Upaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan ini amat prihatin terhadap kebajikan golongan Orang Kurang Upaya, termasuklah dalam urusan pemilikan rumah mampu milik. KPKT telah pun mengambil inisiatif dengan menetapkan satu peratus pengisian Program Perumahan Rakyat ataupun PPR bagi golongan Orang Kurang Upaya serta keutamaan diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya bagi pengisian di tingkat bawah.

PPR yang baru juga yang akan dibina akan diletakkan syarat supaya kemudahan mesra OKU disediakan untuk keperluan penduduk-penduduk PPR. Selain daripada itu, kerajaan juga sentiasa komited untuk keperluan membela nasib rakyat dan telah menyediakan inisiatif pembiayaan untuk menggalakkan pemilikan rumah termasuklah kumpulan Orang-orang Kurang Upaya.

Bagi tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan bagi pembelian rumah pertama, kerajaan menyediakan Inisiatif i-Biaya yang menyediakan jaminan pembiayaan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan. Inisiatif SJKP ini telah pun menyediakan jaminan pembiayaan bagi pembelian rumah pertama bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap ataupun tidak ada penyata gaji seperti mana golongan *gig economy* dan juga termasuklah rakan-rakan kita, Orang Kurang Upaya. Di bawah inisiatif ini, SJKP menyediakan jaminan RM5 bilion nilai pinjaman dan juga inisiatif ini telah ditambah baik menerusi pengumuman Ekonomi Madani dengan lagi tambahan RM5 bilion.

Baru-baru ini melalui Belanjawan 2024, kerajaan juga telah bersetuju untuk meningkatkan lagi jaminan pembiayaan dengan nilai tambahan jaminan sejumlah RM10 bilion. Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 40,000 orang peminjam daripada kalangan B40 dan juga M40. Jaminan pembiayaan yang disediakan di bawah SJKP ini adalah tertakluk kepada kadar pinjaman yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan yang juga menyertai inisiatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah turut melaksanakan inisiatif penyediaan rumah mampu milik melalui program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Program Rumah Mesra Rakyat ini merupakan program untuk memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah, kelompok B40 dengan pendapatan bulanan isi rumah RM5,000 ke bawah untuk membina rumah di atas tanah sendiri atau rumah di atas tanah milik keluarga yang diberikan kebenaran berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan terbuka kepada semua kelompok termasuklah rakan-rakan kita, Orang Kurang Upaya.

Kos pembangunan RMR ini adalah sebanyak RM75,000 seunit di bawah program ini dan sebahagian daripada kos ini akan ditanggung oleh kerajaan iaitu sejumlah RM20,000 subsidi. Sebahagian baki kos pembangunan tersebut akan ditampung oleh pemilik rumah berkenaan melalui kemudahan pinjaman tanpa faedah. Soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi tanya tanpa faedah. Yang ini boleh pergi ke arah ini sebab ini adalah tanpa faedah yang disediakan oleh SPNB.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga terdapat beberapa buah kerajaan negeri melalui agensi di bawah kerajaan negeri yang menyediakan pembiayaan dengan faedah yang lebih rendah ataupun tanpa faedah bagi menggalakkan pemilikan rumah. Namun, ia adalah



tertakluk kepada syarat dan terma yang telah ditetapkan di bawah skim masing-masing. Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Terima kasih Menteri yang beri penjelasan yang terbaik. Terima kasih, tiada soalan tambahan... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Tan Sri Yang di-pertua. Soalan saya nombor 6.

**6. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan:

- (a) status pelaksanaan dan pencapaian untuk Program Jualan Rahmah bergerak termasuk untuk kawasan pedalaman dan Sabah serta Sarawak; dan
- (b) apakah petunjuk-petunjuk untuk mengukur inisiatif-inisiatif yang dijalankan bawah program ini untuk memastikan program ini berkesan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran.

Tan Sri Yang di-Pertua soalan ini saya ingin memaklumkan bahawa Rahmah merupakan satu jenama yang kukuh, satu *strong brand name*, dengan izin, dan sangat popular yang pernah dicipta oleh KPND dan juga mahupun sesebuah kerajaan.

Nama "Rahmah" sinonim kepada satu nilai murni di mana masyarakatnya saling membantu, demi kesejahteraan hidup rakyat bagi menangani kos sara hidup dalam iklim inflasi dan harga dunia yang penuh mencabar.

Justeru, setelah "Rahmah" dicipta oleh Almarhum Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, mantan Menteri KPND, "Rahmah" banyak digunakan di mana-mana. "Harga Rahmah" melambangkan harga patut yang lebih murah dari harga pasaran. Program Rahmah dalam Inisiatif Payung Rahmah yang telah menjadi jenama yang popular iaitu "Jualan Rahmah" dan "Menu Rahmah" di kalangan Inisiatif Payung Rahmah ini. Jualan Rahmah menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita tahu bahawa ada Jualan Keluarga Malaysia. Jadi, apakah bezanya Jualan Rahmah ini? Apakah *unique selling proposition*-nya?

Tan Sri Yang di-Pertua, di sini kita mencari pendekatan di mana apa bezanya daripada jualan-jualan murah sebelum ini. Maka, bermula dari Mei tahun ini apabila lulus Bajet 2023,

saya telah memperkenalkan penambahbaikan kepada Program Jualan Rahmah ini di mana selain daripada rakyat datang ke lokasi Program Jualan Rahmah, kini kedai yang mencari rakyat sehingga terciptanya “*Kedai Cari Rakyat*” ataupun Jualan Rahmah Bergerak. Ini Yang Berhormat Dr. Lingesh ya.

Jadi, lori Jualan Rahmah Bergerak ini terdiri dari lori 3 tan sehinggalah ada yang 10 tan, ada yang 5 tan dan ia membawa barang-barang keperluan itu sehingga mencari rakyat di dalam kampung, di PPR, di kawasan B40 dan mereka membawa barang-barang perlu dan menawarkan sehingga 10 hingga 30 peratus diskaun.

#### ■1040

Jadi, sehingga kita lihat bahawa program ini memang mendapat tempat di hati rakyat dan mereka sanggup berbaris dalam hujan dan panas untuk menunggu jualan ini. Jadi sehingga 11 Disember 2023, Program Jualan Rahmah Bergerak telah menjangkau 1,873-lokasi di seluruh negara. Di Sabah 40- lokasi, di Sarawak 25- lokasi dan Labuan di dua buah lokasi. Jumlah kehadiran pengunjung ke Jualan Rahmah Bergerak dicatatkan seramai RM1.5 juta orang.

Berkenaan dengan kajian, bagi mengukuh keberkesanan program di bawah inisiatif Payung Rahmah, KPND melancarkan satu kajian impak. Tajuknya Kajian Impak Program Payung Rahmah untuk melihat kepada keberkesanan sistem penyampaian.

Jadi, saya kongsi sedikit ada 1,600 orang responden dan daripada 1,600 tersebut, kita dapati bahawa 73 peratus responden bersetuju Inisiatif Payung Rahmah dapat mengurangkan kos sara hidup mereka. 81 orang responden atau majoriti responden mengatakan mereka berpuas hati dengan pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah dan 64 peratus responden menyatakan Jualan Rahmah Bergerak telah memberi impak terus kepada mereka. Jadi *alhamdulillah*, secara keseluruhan kita dapati bahawa Program Jualan Rahmah terutamanya Jualan Rahmah Bergerak telah memberi impak langsung dan dapat dirasai terus kepada rakyat dan mampu mengurangkan kos sara hidup. Terima kasih Tan Sri Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam:** Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Adakah kerajaan berhasrat untuk bekerjasama dengan kedai runcit tempatan sebagai langkah masa panjang untuk menawarkan barang keperluan asas pada harga Rahmah. Setahu saya, Jualan Rahmah bergerak ini agak menyusahkan rakyat kerana terpaksa beratur di bawah cahaya matahari dan juga Jualan Rahmah menyusahkan pembeli sebab ada hari tertentu sahaja yang jualan tersebut dilakukan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, apa yang menjadi masalah ialah apabila kita tidak ada- dalam kawasan pedalaman itu tidak ada kedai runcit. Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator, tetapi apabila tempat itu tiada kedai runcit, dan mereka susah untuk pergi keluar

untuk mencari kedai tersebut, inilah di mana Jualan Rahmah Bergerak ini berfungsi untuk mencari mereka.

Pada saya tidak susah kerana kedai yang cari rakyat, bukan rakyat yang cari kedai. Kalau rakyat yang nak cari kedai itu yang lagi susah, tetapi kita juga Jualan Rahmah Bergerak bukan satu-satunya model Jualan Rahmah. Kita tetap ada Jualan Rahmah dalam premis, dalam *supermarket* dan sebagainya.

Jadi- tetapi ada masa-masa yang tertentu yang ditawarkan Jualan Rahmah dalam premis, luar premis dan model bergerak- tiga model Jualan Rahmah Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Tan Sri Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

Ya, saya sangat gembira dan menyokong Jualan Rahmah ini dan nampaknya saya melihat soalan 6(a) ini seolah-olah tidak terjawab. Jadi, saya harap kerana kalau boleh Jualan Rahmah ataupun kedai cari rakyat ini perlu benar-benar pergi ke pedalaman. Contohnya di Sarawak, Tegulung ataupun Metalung. Jadi, kalau dibuat di Pekan Belaga, mereka juga kena keluar dari Tegulung ke Pekan Belaga. Jadi, kosnya melebihi barang yang murah yang mereka hendak beli. Ini merupakan kemurnian daripada kerajaan, kerajaan kena bawa ke tempat mereka yang penempatannya yang agak ramai. Jadi, pergilah ke tempat pedalaman ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Abun. Sebenarnya ada data, saya boleh kongsi datanya, tetapi saya tidak bacakan sebab habis masa di setiap negeri pecahan-pecahan Jualan Rahmah Bergerak tersebut.

Tan Sri Yang di-Pertua, berkenaan dengan pedalaman, kita akui bahawa amat sukar untuk sampai kepada rakyat, cabarannya besar. Antaranya seperti tempat yang disebut oleh Yang Berhormat Senator, lori pun tidak sampai. Jadi, kita pun sedang mencari jalan macam mana hendak sampai ke situ. Mungkin pakai sampan, mungkin satu ketika nanti, tetapi itulah *challenge*, cabaran yang kami hadapi. Namun, apabila "*Kedai Cari Rakyat*" ini lebih dapat *reach out* berbanding dengan kita mengadakan Jualan Rahmah di premis, *but insya-Allah that's the way forward*, dengan izin Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** aya setuju dengan Yang Berhormat Senator itu Yang Berhormat. Saya ingat boleh bincang dengan YB tempatan, mungkin mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai. Terima kasih.

Saya menjemput Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian.

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** *Assalamualaikum* Tan Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7. Terima kasih.

7. **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk meningkatkan perjanjian perdagangan atau kerjasama ekonomi khususnya antara Indonesia dan Malaysia di Wilayah Borneo.

**Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Jaziri Alkaf Abdillah Suffian.

Tan Sri Yang di-Pertua, hubungan perdagangan antara Malaysia dan Republik Indonesia terjalin melalui wadah dua hala dan serantau. Bagi serantau iaitu melalui ASEAN. Malaysia bersama Indonesia sentiasa meneroka peluang dan merencana usaha-usaha yang dapat meningkatkan perdagangan dan kerjasama ekonomi, sama ada secara dua hala atau serantau.

Perdagangan barangan antara Malaysia dengan Republik Indonesia termasuk negara-negara anggota ASEAN lain dilaksanakan melalui Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN, dengan izin, *ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA)* dan juga Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas FTA antara ASEAN dan rakan-rakan dialog seperti Jepun, India, Republik China, Republik Korea, Hong Kong, Australia, New Zealand dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Di peringkat dua hala, khususnya bagi menyokong aktiviti ekonomi di Borneo, Malaysia dan Republik Indonesia telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Sempadan atau, dengan izin, *Agreement between the Malaysian Government and the Government of Republic of Indonesia on Border Trade (BTA)* pada tahun 1970. BTA ini telah dikaji semula dan dirunding sejak tahun 2009 bagi memastikan ia nya tetap relevan dan sesuai dengan peredaran masa. BTA yang telah diperkemas dan ditambah baik ditandatangani pada 8 Jun 2023 di Putrajaya dan dijangka akan memudah cara dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Indonesia dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf sosioekonomi penduduk di kawasan sempadan Malaysia dan Indonesia di Wilayah Borneo serta memperkukuh dan mengerat hubungan Malaysia dengan Indonesia.

Tan Sri Yang di-Pertua, selain daripada kerjasama-kerjasama perdagangan tersebut dari sudut pandang kerjasama ekonomi, *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines, East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)* dengan izin, merupakan satu- platform kerjasama serantau yang ditubuhkan pada tahun 1994 meliputi Wilayah Brunei Darussalam, empat buah Wilayah di Indonesia iaitu Sulawesi, Kalimantan, Maluku dan Irian Jaya, dua buah negeri di Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak dan dua buah wilayah di Filipina iaitu Mindanao dan Palawan.

Selain itu, pihak kerajaan melalui MITI telah menerajui perbincangan dua hala bagi meneroka potensi pelabur dan pelaburan bersama- *co-investment* bagi syarikat-syarikat Malaysia di Nusantara semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke

Indonesia pada bulan Januari 2023. MITI telah menyerah sebanyak 10 Surat Niat daripada syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk terlibat dalam pembangunan Nusantara kepada pihak kerajaan Indonesia yang terlibat bidang elektrik dan elektronik, automotif, pembuatan produk pembinaan, pengurusan sisa, teknologi bandar pintar, perumahan, penjagaan kesihatan, kejuruteraan, utiliti dan tenaga boleh diperbaharui.

Melalui MITI, Malaysia juga menandatangani memorandum persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia mengenai kerjasama promosi pelaburan dengan Republik Indonesia pada 8 Jun 2023. Terima kasih Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap Yang Berhormat ya.

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Tan Sri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Oh, duduk. Terima kasih Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. *A good morning Honorable Members. It is with great pleasure, I would like to inform the Upper House that together with us today is the delegation led by His Excellency Lukas Sinimbo Muha, Chairperson of the National Council of The Republic of Namibia... [Tepuk]*

#### ■1050

*To H.E Lukas Sinimbo Muha and delegation, welcome to the Senate of Malaysia. We hope that this visit will future strengthen friendship and relation between Malaysia and The Republic of Namibia. Thank You*

#### ■1051

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Soalan tambahan saya Tan Sri Yang di-Pertua. dalam konteks memperkasakan ekonomi Borneo, khususnya Sarawak- *Gold King Solar* daripada China ingin berhasrat untuk melabur di Malaysia Yang Berhormat. Mereka telah berjumpa dengan pihak MIDA dan MIDA telah pun membawa mereka ke beberapa buah lokasi di Semenanjung.

Malangnya, Yang Berhormat tidak ada diuar-uarkan atau tidak ada dipromosikan investasi atau *investment* di sebelah Sabah dan Sarawak. So, disebabkan mereka kenal saya, so mereka berkata bertanya kepada saya boleh tidak bawa kita ke Sarawak? Jadi, saya hari-bulan lepas telah membawa mereka ke *Invest Sarawak*. So, *alhamdulillah because of a certain fact...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan Yang Berhormat?

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Sekejap... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua. So, mereka telah membawa pelaburan sebanyak RM3.5 bilion dengan peluang pekerjaan sebanyak 1,300 peluang pekerjaan Tan Sri Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Soalan saya Tan Sri Yang di-Pertua, boleh tidak *any investment* yang ingin berhasrat masuk Malaysia, kita sertakan bersama pihak Sabah dan Sarawak? Saya cadangkan jawapannya, "Boleh". Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Saya setuju dengan Senator dan sebenarnya MIDA ataupun agensi-agensi di bawah MITI tidak memihak kepada mana-mana negeri. Semua wilayah dan negeri dirangkumi dan kalau ada minat daripada pelabur, memang pihak kementerian dan MIDA akan fasilitasikan. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi ada menyebut tentang BIMP-EAGA. Inisiatif yang ditubuhkan dalam tahun 1994. Jadi, soalan saya- apa *main outcome* nya, keberhasilan utama yang telah tercapai daripada inisiatif ini, khususnya di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Memang banyak aktiviti telah diadakan di antara empat-empat kawasan atau wilayah di antara negeri-negeri yang dirangkumi oleh BIMP-EAGA. *BIMP-EAGA Vision 2025* yang telah dirangka juga merencanakan lebih banyak aktiviti supaya wilayah-wilayah ini boleh dapat menjalinkan aktiviti ekonomi dan juga perniagaan yang lebih erat.

Saya harap *regional integration* ini boleh atau integrasi wilayah di kawasan BIMP-EAGA boleh dapat aktiviti dan juga program yang lebih banyak selepas dengan lawatan-lawatan yang diadakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Nampaknya kita ada peluang untuk tambah baik program ataupun aktiviti dalam BIMP-EAGA. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kerana sudi menjawab soalan saya. Walaupun RUU ini akan dibentangkan petang ini.

Soalan saya nombor 8.

**8. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa halangan-halangan yang menyebabkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 tidak dapat dibentangkan pada sesi ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Lukanisman bin Awang Sauni]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tan Sri Yang di-Pertua, petang ini Yang Berhormat Menteri sendiri, Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang baharu akan membentangkan rang undang-undang. Juga, seeloknya

saya menjawab juga soalan-soalan kerana soalan-soalan ini merupakan hak kepada Yang Berhormat Senator.

Antara cabaran yang telah kami hadapi berkenaan tentang pembentangan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok ini adalah berkenaan tentang isu penolakan pelbagai pihak daripada masyarakat, daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada pihak industri.

Walaupun demikian, terdapat juga sebahagian besar masyarakat dan rakyat dan juga *netizen* di sosial media menyokong sepenuhnya berkenaan tentang sokongan kepada Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok berasaskan GEG. Kita telah membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 pada 30 November yang lepas. Telah dipersetujui secara sebulat suara *by partisan* oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Walaupun demikian, rang undang-undang tersebut tidak mengandungi elemen *generational-end-game* ataupun generasi penamat. Tetapi, penambahbaikan dan juga keperluan rang undang-undang ini dibentangkan dan dipersetujui adalah kerana rang undang-undang ini mengandungi *regulation* ataupun kaedah-kaedah bagaimana untuk kita mengawal selia produk-produk rokok ataupun merokok ini seperti *vape* yang juga merupakan ancaman terbaharu dalam sektor kesihatan.

Dengan adanya rang undang-undang ini, sudah pasti kita dapat sekurang-kurangnya menghalang penjualan *vape* atau pun *smoking device*, dengan izin, kepada golongan kanak-kanak. Dengan rang undang-undang ini kita akan dapat menguatkuasakan dan juga mengawal selia kaedah-kaedah *packaging*, penjualan, *marketing* untuk produk-produk *vape*.

Seperti yang saya telah ulang kali menyebut penyakit yang berasaskan daripada *vape* ini ataupun menghisap *vape* ini adalah sangat besar impaknya kepada produktiviti negara. Dengan satu orang pesakit yang menghadapi EVALI jangkitan paru-paru, kita memerlukan hampir RM150,000 untuk rawatan 14 hari.

Selain daripada itu, petang ini juga kita akan membentangkan secara komprehensif fasal-fasal yang menyentuh berkenaan tentang kawalan merokok demi kesihatan awam. Saya telah dimaklumkan dan Dewan ini terdapat seramai 25 penyertaan Ahli Senator dan juga ini merupakan satu jumlah yang lebih banyak berbanding Dewan Rakyat.

Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator... [*Tepuk*] Saya berharap agar sesi perbahasan pada petang ini adalah merupakan satu sesi yang komprehensif dan juga *vibrant* untuk semua. Sekian, terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Hajah Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Walaupun RUU ini sudah diluluskan di Dewan Rakyat, namun masyarakat

masih lagi membahaskan isu ini dan MMA juga telah memberi ulasan kerana mereka bimbang hasrat untuk melihat berakhirnya generasi perokok ini tidak dapat dicapai.

Soalan saya, bagaimana kerajaan memastikan penguatkuasaan undang-undang tersebut dapat membendung peningkatan perokok dalam kalangan generasi muda kerana *prevalence* merokok dalam kalangan dewasa Malaysia kekal melebihi 21 peratus sejak berpuluh-puluh tahun dahulu. Terima kasih.

**Dato' Lukanisman bin Awang Sauni:** Okey, satu soalan yang baik dan merupakan satu perkara yang perlu kita lihat dengan serius untuk menjayakan Kempen Anti Menolak Rokok ataupun Henti Rokok ini perlukan kerjasama bersama masyarakat, pemimpin dan juga kerajaan.

Saya lihat penguatkuasaan ini perlu diambil langkah yang serius. Kalau kita lihat sebaik sahaja Yang Berhormat Menteri Kesihatan melaporkan diri pagi tadi dan semalam diumumkan nama beliau, saya melihat terdapat sedikit sinar daripada masyarakat yang yakin bahawa penguatkuasaan ini akan diperkasakan kerana beliau sangat sinonim dengan penguatkuasaan rokok.

Saya juga sendiri akan menyokong kempen-kempen dan juga Tan Sri Yang di-Pertua, saya memohon khidmat dan nasihat Tan Sri Yang di-Pertua yang lebih berpengalaman tentang saranan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara agar tidak merokok di kawasan yang berdekatan dengan Dewan kita ini Tan Sri Yang di-Pertua.

Saya sangat minta-mintalah supaya perkara-perkara ini kita memberi contoh di mana kita merupakan penggubal dasar jangan pula kita memberikan satu contoh yang tidak baik kepada masyarakat. Ini kerana banyak gambar, cerita-cerita bahawa masih ramai lagi perokok-perokok di Dewan ini. Maksud saya di kedua-dua Dewan ini.

*Keyword* dia merupakan penguatkuasaan dan juga literasi dan kita akan cuba untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain terutama sekali Kementerian Pendidikan untuk mengadakan literasi berkenaan tentang masalah dan juga gejala merokok ini supaya kita dapat memulakan dari peringkat awal dan juga sehingga ke peringkat yang dewasa. Itu sahaja Tan Sri Yang di-Pertua.

■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Saya seterusnya menjemput Senator Puan Noorita binti Sual. Tak ada?

**[Soalan No. 9 – Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya, saya menjemput Senator Dato' Haji Husain bin Awang.



**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

**10. Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, usaha proaktif yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) untuk meningkatkan pasaran industri perabot kayu getah tempatan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

**Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Tan Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui RISDA amat berterima kasih ke atas keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap peningkatan pendapatan pekebun kecil getah melalui industri perabot kayu getah tempatan. Pembangunan industri perabot kayu adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Kementerian Perladangan dan Komoditi sebagai penyelaras dalam merangka polisi dan strategi industri perindustrian negara.

RISDA pada masa ini tidak terlibat secara langsung dengan industri perabot kayu. RISDA telah membuat kajian kebolehlaksanaan projek dalam pembangunan pasaran perabot kayu getah. Namun, adalah didapati penglibatan dalam sektor ini sangat berisiko tinggi untuk RISDA terlibat secara langsung. Walau bagaimanapun, bagi menyokong industri perabot kayu getah, RISDA melaksanakan Program Penanaman Semula Tanaman Getah dengan membekalkan benih getah jenis klon lateks balak ataupun *latex timber clone* (LTC) kepada pekebun kecil yang menyertai Program Tanam Semula Getah. Klon ini adalah daripada benih kumpulan satu dan kumpulan dua seperti mana yang disyorkan oleh Lembaga Getah Malaysia.

Klon LTC menghasilkan kayu getah balak yang mampu membesar dengan cepat dan boleh ditebang untuk mendapat hasil kayu getah selepas mencapai umur 15 tahun. Pokok getah tua daripada klon LTC yang ditanam semula oleh pekebun kecil boleh menjana pendapatan tinggi yang diperolehi daripada penjualan kayu pokok getah tersebut nanti. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Lim Pay Hen:** Soalan tambahan Tan Sri, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Datuk.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Apakah kementerian ada melaksanakan kajian mengenai potensi pegun di bawah RISDA mengusahakan tanaman buluh dan insentif yang boleh dibantu berikutan terdapat permintaan yang tinggi serta kesediaan pekebun ke atas industri tersebut? Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini RISDA tidak melaksanakan apa-apa kajian berkaitan tanaman buluh yang mana pada masa ini RISDA memfokuskan kepada tanaman getah yang mana lebih kepada pengeluaran susu getah bagi memastikan *supply* ataupun keluasan dan juga pendapatan pekebun getah dapat dijaga pada masa akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebenarnya kajian terhadap tanaman buluh ini dilaksanakan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang telah dilaksanakan kalau tidak silap saya dalam lima tahun yang sebelum ini. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

*Bunga raya kembang segar berseri,  
langit membiru di bawah Kerajaan Madani;  
Terima kasih peluang bertanya diberi,  
soalan sebelas untuk Menteri Dalam Negeri... [Tepuk]*

**11. Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, rasional cadangan kerajaan untuk mengeluarkan seksyen 1(e) di Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan iaitu peruntukan untuk mengelak ketidakwarganegaraan di Malaysia dan sejauh manakah kajian kebolehlaksanaan mengenainya telah dilakukan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:** Tan Sri, minta maaf tak sempat nak jawab pantun dia. Saya bagi jawapan bertulis nanti...  
*[Ketawa]*

Tan Sri, rasional pindaan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan peruntukan ini yang perlu dibaca bersama dengan seksyen 2(3) Bahagian II Jadual Kedua disalah erti dan disalah guna untuk mendapatkan kewarganegaraan bagi individu yang tidak berkelayakan seperti golongan anak tidak sah taraf dan mendakwa mereka tidak memiliki mana-mana kewarganegaraan semasa kelahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pindaan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan berkaitan perkara kewarganegaraan sedang dalam peringkat penyediaan rang undang-undang. Rang undang-undang ini seterusnya akan dibentangkan dan dibahaskan di Dewan Rakyat dalam persidangan akan datang.

Sebagai maklumat tambahan, kajian ini telah melalui kajian perbandingan antara negara. Misalnya, kita buat kajian dengan United Kingdom, dengan Singapura, dengan Jepun dan beberapa buah negara lain dan sesi libat urus secara holistik yang melibatkan pihak-pihak

berkepentingan seperti ahli akademik, Ahli-ahli Parlimen terutamanya, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak terutamanya.

Cadangan pindaan ini secara keseluruhannya melibatkan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan mengenai kewarganegaraan iaitu hak kesamarataan bagi anak yang dilahirkan kepada wanita dan lelaki warganegara Malaysia serta perkara lain yang berkaitan bagi memastikan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia dianugerahkan kepada individu yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat sahaja. Terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih atas jawapan. Sebagai negara yang menjunjung tinggi Perlembagaan, pertubuhan dan aktivis seperti *Lawyers for Liberty*, Badan Peguam Malaysia, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan pelbagai lagi pertubuhan begitu lantang menyuarakan gesaan supaya kerajaan menggugurkan cadangan pindaan ini bagi mendukung semangat Perlembagaan yang mengiktiraf hak kewarganegaraan dan jaminan bahawa tiada seorang pun akan terabai tanpa kerakyatan.

Soalan, sejauh mana kesedaran kerajaan terhadap kerisauan yang dibangkitkan mengenai cadangan pindaan ini yang hanya akan mewujudkan kumpulan yang besar individu tanpa warganegara di negara ini yang akhirnya akan menyebabkan lebih banyak mereka ini hilang peluang untuk mendapat pendidikan, akses kepada penjagaan perubatan dan peluang pekerjaan dan mungkin terpaksa hidup melarat akibat status ketiada-negaraan mereka ini. Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara ini?

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Tan Sri Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa peka dan memahami isu-isu sama ada dibangkitkan oleh NGO dan juga pihak-pihak lain. Justeru itu, kita dengan begitu teliti melaksanakan apa juga perubahan dan pindaan-pindaan yang nak kita lakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dijelaskan, kementerian ini telah menjalankan kajian secara menyeluruh. Sudah disebut tadi, perbandingan antara negara dan pelbagai sesi libat urus yang holistik yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan. Bukan hanya pertubuhan bukan kerajaan, malah ahli-ahli akademik.

Mungkin saya boleh menyebut beberapa sesi libat urus yang kita buat, misalnya dengan ahli akademik, ahli politik dan NGO. Kita laksanakan di Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur antara 14 April dan Mei 2023 yang lalu. Kita juga buat Sesi Libat Urus dengan Ahli-ahli Parlimen terutamanya termasuk Ahli Dewan Negara dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada Jun tahun ini, kita lakukan Sesi Libat Urus. Isu-isu yang melibatkan di negeri Sabah ditangani dalam Sesi Libat Urus ini.

Dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak kita telah juga buat pada 12 Jun juga menangani isu-isu yang melibatkan negeri Sarawak. Maknanya, banyak sesi libat urus, termasuklah bersama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya, Reformasi Institusi dan Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat Parlimen juga kita buat dan juga pelbagai pihak lain, termasuklah kita juga menemui Ketua-ketua *Whip*, baik pihak kerajaan atau pembangkang untuk kita tangani. Proses yang kita laksanakan begitu teliti.

Oleh sebab itu untuk maklumat Dewan, panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua soalan ini sebab soalan tadi pun nampak panjang juga. Saya nak jawab sedikit sahaja lagi. Saya hendak sebut bahawa ini perkara yang memang kita sentiasa jaga. Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran itu berlaku.

Selaras dengan peruntukan Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, peraturan Imigresen dan juga hal-hal lain.

Taraf warganegara Malaysia tidak diberi sewenang-wenangnya. Permohonan bagi individu yang layak boleh dikemukakan jika memenuhi syarat, maka ia akan diberi berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, banyak inisiatif yang kita buat melalui Program Kasih Rakyat Mekar, Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Sarawak, Jawatankuasa Khas Kewarganegaraan Peringkat Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Khas Warganegara Asing Sabah. Ini semua platform yang kita buat untuk menangani isu-isu yang berbangkit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya memahami kenapa ia terlambat, sebab implikasi pemindaan kepada Perlembagaan itu bukan satu- tempat saja untuk mengisi keperluan anak yang dilahirkan oleh ibu warganegara Malaysia di luar negara sahaja, tetapi ada pindaan-pindaan lain. Jadi maknanya, banyak pindaan kepada Perlembagaan bakal dibentangkan di Dewan Parlimen ini. Jadi Yang Berhormat, ingat Parlimen ini Dewan Negara, Dewan Rakyat ya. Kalau nak perjelas, jangan Dewan Rakyat sahaja, kami boleh berhenti dekat sini juga. Perjelaskan kepada Ahli Dewan Negara juga...  
[Tepuk] Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 12.

**12. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, situasi terkini syarikat penerbangan negara yang dilihat semakin membimbangkan dan hala tuju strategik bagi membangunkan sebuah sektor penerbangan awam yang mampan dan berdaya tahan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, sektor penerbangan awam menunjukkan perkembangan yang positif dan mampan dalam tahun 2023 ini. Bagi 10 bulan pertama 2023, trafik penumpang Malaysia telah berkembang secara konsisten dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 7.6 peratus suku ke suku.

Sehingga Oktober 2023, trafik penumpang telah mencapai 69.9 juta- trafik penumpang. Disebabkan prestasi trafik penumpang yang lebih baik daripada jangkaan pada tahun 2023 ini, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun MAVCOM telah menyemak naik ramalan trafik penumpang udara pada tahun ini dari antara 74.6 juta hingga 80.8 juta kepada antara 84.5 juta hingga 86.5 juta. Ini bersamaan dengan antara 54 peratus hingga 58 peratus peningkatan dari tahun 2022.

Dalam hubungan ini, trafik penumpang dijangka akan pulih ke tahap 2019 iaitu pra COVID-19 pada tahun 2024 ini *insya-Allah*. Di samping itu, prestasi kewangan syarikat-syarikat penerbangan berjadual Malaysia yang sedang beroperasi juga bertambah baik pada separuh tahun pertama 2023. Di mana secara keseluruhannya, syarikat penerbangan berjadual telah mencatatkan keuntungan operasi ataupun *operating profit* berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2022.

Ini membolehkan syarikat-syarikat penerbangan menambah lebih banyak kapasiti untuk tahun 2024, terutamanya ke destinasi domestik Asian dan China untuk memenuhi permintaan pasaran. Selain itu, permohonan hak trafik udara ataupun *air traffic rights* (ATR), dengan izin, turut meningkat sebanyak 87.8 peratus bagi laluan antarabangsa daripada 41- laluan antarabangsa pada setengah tahun pertama tahun 2022 kepada 77 laluan antarabangsa pada setengah tahun pertama tahun 2023 ini.

Permohonan *air traffic rights* untuk laluan domestik turut menunjukkan peningkatan sebanyak 154.5 peratus daripada 11 *air traffic rights* kepada 28 *air traffic rights* bagi tempoh yang sama. Ini menandakan momentum yang lebih kukuh dalam sektor penerbangan. Peningkatan ketara dalam permohonan dan kelulusan *air traffic rights* pada setengah tahun pertama 2023 berbanding tempoh sama pada tahun 2022 membuktikan daya tahan industri penerbangan yang sedia ada serta keupayaan industri untuk mengubah suai dan berkembang maju. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh:** *Airlines* atau penerbangan ini merupakan satu- industri yang sangat sensitif dan juga bergantung kepada kompetensi penyampaian perkhidmatan. Ia adalah satu *service industry*. Sudah tentu servis kita perlu *tip top*, perlu tingkatkan lagi. Saya hendak *refer* kepada *national airlines* kita iaitu Malaysia Airlines. Hari ini, *Malaysia Airlines* berada di sini sudah beberapa tahun dan kita tahu berbagai-bagai masalah yang dihadapi. Nampaknya daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sudah meningkat. Namun demikian, saya naik hairan kerana antara perkara yang penting ialah destinasi. Ada destinasi-destinasi popular hari ini, *Malaysia Airlines* kita rasa tidak logik tidak terbang ke sana.

Apabila ia terbang ke sana, bukan sahaja kita boleh pergi ke sana dengan *Malaysia Airlines* tetapi juga kita boleh membawa pelancong dari tempat itu ke negara kita. Sekali gus, kalau kapal terbang kita pergi ke sana, ia juga satu- iklan mempopularkan negara kita ini. Contoh, antara destinasi popular yang akan nama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berucap, Yang Berhormat. Ini berucap ini. Soalan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh:** Sekejap. ...ialah Dubai dan Ghuangzhou. Ini membawa banyak. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kita tidak dapat *landing rights* dan apakah usaha kerajaan untuk mendapat *landing rights* ini? Saya rasa ini merupakan satu kerugian bagi kita kalau tidak dapat pergi ke sana. Terima kasih.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang dilihat daripada data daripada MAVCOM yang saya jawab tadi bahawa memang penerbangan ini memang bertambah dan sekarang ini banyak juga yang walaupun penerbangan kita tidak ada kapal kita sendiri tetapi banyak *co sharing* telah pun dibuat bersama-sama dengan *airlines-airlines* yang lain.

Akan tetapi baru-baru ini yang sebenarnya syarikat kita telah pun menambah juga beberapa - belum lama ini iaitu beberapa buah lagi kapal terbang kita sendiri di bawah MAS. Memang datang untuk dibeli. Ini juga akan menambah kapasiti kita seperti 757 MAX dan sebagainya yang baru kita- sampai ke negara kita dan banyak lagi dalam tempahan pada masa ini.

*Insya-Allah* semua tempat kita pembangunan kapasiti ini saya yakin dengan penambahan kapal terbang-kapal terbang yang baru ini, kita memang mencuba untuk sampai kepada destinasi-destinasi yang pastinya, *loadingnya* boleh menguntungkan kitalah.

#### ■1120

*Load factor* itu memang adalah antara yang menjadi kriteria utama kita. *Load factor* dan juga di mana baru-baru ini berkenaan dengan *landing right* ini, negara kita dan khususnya Bahagian Udara daripada MOT tidak berhenti. Kami sedang senantiasa berbincang dengan negara-negara lain dan baru-baru ini juga, baru di *International Aviation*

*Negotiation* (ICAN) di Riyadh baru-baru ini, di mana kita telah pun banyak berbincang *negotiate* tentang untuk penambahan *air right-air right* ini, *landing right-landing right* ini.

Di samping itu juga. menambah penerbangan-penerbangan. Contohnya, ambillah contoh ya *Saudi Airlines*. Kita telah pun mendapat persetujuan daripada 49 kepada 75, Malaysia 75, Saudi 75 ini sebagai yang paling besarlah yang baru kita bincang. Jadi, perkara ini memang senantiasa dibuat. Perbincangan *negotiation* ini tidak berhenti bukan hanya setakat ini, banyak lagi *airline-airline* kita, saya tidak dapat sebutkan di sinilah semasa perbincangan tersebut. Ini yang *latest* ya.

Jadi, ertinya usaha ini tidak berhenti. Kita melihat daripada *load factor* dalam perbincangan kita, dalam *negotiation* kita, *load factor* ini memainkan peranan yang utama. Kita tak mahu juga pergi ke kawasan-kawasan yang mungkin pada masa, pada pandangan kasar kita ini boleh menarik tetapi yang sebenarnya kita melalui kajian yang *detail* daripada *airline* dan sebagainya. Memang *load factor* inilah yang menjadi kriteria utama kita. Kita tak naklah beroperasi kepada kawasan-kawasan yang belum pasti akan menguntungkan kita, *airline* kita tetapi *it will go on especially* dalam hal *tourist*...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Minta maaf, Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu, tunggu kalau ada soalan selepas ini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Ya, *because* soalan tadi tidak dijawab. Fasal *landing right* kat Dubai. Ada *ker takda* dan kenapa *takda* Etihad dengan Emirates memang ada datang ke sini, ada tak kita pergi sana? Terima kasih.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Ya, memang, memang. Memang tak ada, memang tak ada kita tahu, tetapi yang saya sebut awal tadi ialah tentang *code sharing* ini. Kita tak beroperasi sendiri, tetapi kita *code sharing* dengan mereka. Kita *code sharing* dengan mereka. Di sanalah kenapa kita tidak beroperasi ke sana tetapi *we go for code sharing*.

Sebab kita fikirkan, kalau kita sendiri hendak pergi ke sanalah contohnya, kita belum dapat kemampuan itu untuk menandingi Emirates dan juga Etihad dan sebagainya dan *Qatar Airline* kita bersaing dengan mereka yang *major airline* ini, tetapi *code sharing* kita, kita teruskan bersama-sama dengan mereka. Ya, bukan semestinya *physically we fly there*, tidak semestinya. Kalau *load* kita tidak banyak, kalau *load* kita tidak banyak jadi kita lebih baik *ber-code sharing* daripada menghantar kapal terbang kita yang mempunyai *load* yang sedikit yang akan merugikan operasi kita ke sana, ya. Rasanya itulah jawapan yang saya dapat berikan tetapi secara *detail*-nya boleh lagilah kita boleh *go through together* dengan MAVCOM untuk melihat perkara ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Maaf, Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Sri, tak bolehlah soal dua tiga kali itu.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** [Ketawa] Sebab dia..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tak menjawab soalan... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Kita dahulu ada MAS ada pergi ke Dubai. Selepas itu perundingan buat *code sharing*. Ini yang masyarakat di luar sana melihat, kenapa kita tamatkan kita punya *landing right* itu beri kepada Emirates, itu yang ditanya ini... [Tepuk] Kenapa tak jawab?

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Jadi yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang salahnya siapa CEO masa itu serahkan kepada Emirates buat *code sharing*. *Code sharing* itu dapatlah untung sedikit tetapi *the fact remain*, MAS tidak pergi ke Dubai.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. *Now, I am sharing for both sides*. Jadi perkara ini juga tentang *code sharing* ini, saya rasa sudah pastinya Yang di-Pertua Tan Sri, iaitu kita melihat semua ini mungkin dapat dilihat semula *when our load factor is getting better*-lah bagi saya. Melihat di sini, perkara ini mengikut kajian yang dibuat oleh MAVCOM ini. Mungkin bila sudah *load factor*-nya bertambah lagi, kita rasanya *insya-Allah* boleh mungkin beroperasi dengan kapasiti kapal terbang kita sendiri juga. Pertambahan kapal terbang dan sebagainya di bawah *MAS Airline* ini.

Jadi *anyway* Yang Berhormat Tan Sri, bahawa untuk lebih *detail* lagi *we don't mind* kita menjemputlah YB Senator dan sebagainya boleh duduk bersama-sama dengan MAVCOM dan sebagainya untuk melihat perkara ini. Ya, melihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat. Ini ringkas sahaja cerita. Jemput Ahli Dewan Negara ini satu sesi penjelasan.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Boleh, *no problem*. Itu saya cakap tadi secara *detail*-nya lah, bagaimana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara *detail*. Kenapa CEO itu serah dengan Emirates dahulu.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Yes.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu dia sendiri masuk Emirates. [Ketawa] [Dewan riuh] Itu kita tahu itu. Saya sendiri memerhati benda itu daripada dahulu lagi. Dia serahkan *our landing right* kepada Emirates, selepas itu dia berhenti daripada MAS, masuk Emirates.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** *Anyway Sir*. Jadi, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat punya salahlah ini.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** *No, no. I know it is not this one*. Ini ceritanya panjanglah. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] *Takpa, takpa*, tak payah. Nanti jelaskan jumpa kami orang ini.



**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** *Just a little bit*, saya baru balik daripada Riyadh juga. Saya jumpa juga bekas CEO yang di sini dulu *in other the new airline* lah. Terima kasih. Nanti kita akan buat sesi untuk penjelasan, peneranganlah kepada semua Ahli Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Boleh soalan tambahan tak, Tan Sri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Memang kita mengharapkan sektor penerbangan kita ini yang *first class*, Tan Sri tetapi saya nak tanya satu soalan berkenaan *MyAirline*. Seperti yang kita sedia maklum, bahawa telah memberhentikan operasi syarikat ini dan seramai-ramai yang sudah beli tiket ini lebih RM20 juta. Jadi, apakah status sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih, Tan Sri.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Yang Berhormat Tan Sri, semalam Menteri Pengangkutan menggulung di sinilah dan telah pun menyebut tentang *MyAirline*. *So, I'm reading* kalau saya jawab ini, apa yang telah pun disebut beliau semalamlah untuk hari ini. Berhubungan dengan *MyAirline* ini. Ini nak cerita *the everything* tak ada. Ini mengikut apa yang telah pun digulung semalam iaitu tentang sekarang ini persoalan bayaran balik tiket penerbangan kepada pelanggan yang terkesan, ekoran penggantungan operasi *MyAirline*.

Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM akan memastikan semua aduan terhadap *MyAirline* diambil tindakan dan diselesaikan sepertimana ditetapkan di bawah Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 iaitu di bawah *Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016* (MACPC) yang telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2016. Jadi, berdasarkan perenggan 12 MACPC, para penumpang yang terjejas hendaklah ditawarkan bayaran balik, *refund* dalam masa 30 hari pada harga yang dibeli termasuk cukai dan fi, bagi sebahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilaksanakan.

Pihak MAVCOM sedang memantau situasi ini dengan rapat dan akan memastikan semua aduan serta isu yang dibangkitkan oleh penumpang yang terjejas disebabkan penggantungan operasi *MyAirline* dapat diselesaikan sepenuhnya. *MyAirline* telah memberi jaminan kepada MAVCOM bahawa mereka akan menunaikan kewajipan untuk membuat bayaran balik kepada penumpang yang terjejas. Ada banyak lagi ini, *it's okay Sir, I just read*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Terima kasih, terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Selain itu, MAVCOM juga telah mengadakan perbincangan dengan bersama pihak Bank Negara Malaysia berkenaan isu pembayaran balik kepada pelanggan yang terjejas dalam hal ini. Dalam hal ini, pihak Bank Negara Malaysia telah mengesahkan bahawa bagi penumpang yang telah membeli tiket melalui kad kredit, kad

debit dan *direct debit* (FPX), penumpang boleh menuntut bayaran balik melalui proses caj balik dengan menghubungi bank atau pengeluaran kad debit atau kad kredit mereka.

Di samping itu juga, bagi pengguna yang membeli tiket penerbangan dengan ejen pelancongan dan ejen pelancongan dalam talian, bayaran balik adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang ditempah melalui ejen pelancongan.

#### ■1130

Bagi penumpang yang telah membeli insurans pekerjaan perjalanan *MYAirline*, penumpang boleh menyemak dengan *Zurich Malaysia*, penyedia insurans perjalanan *MYAirline* mengenai terma dan syarat insurans perjalanan yang telah diberi. *Zurich Malaysia* juga menawarkan pembayaran muhibah bagi mereka yang telah membeli insurans perjalanan dengan mereka.

Jadi, berdasarkan penglibatan dengan Bank Negara, MAVCOM telah membangunkan soalan lazim mengenai bayaran balik penggunaan *MyAirline* melalui proses caj balik. Soalan lazim tersebut diterbitkan dalam web dan juga di platform media sosial MAVCOM. Pengguna yang telah menulis pada MAVCOM telah menerima e-mel dengan soalan lazim untuk rujukan pengguna memulakan bayaran balik mereka secepat mungkin. Ini yang berkaitan dengan *MyAirline* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan lazim itu Yang Berhormat?

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dalam senarai itu, sebab ada *questionnaire* dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu macam ayat lazim juga Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ya lah... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada istilah.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *I think this one is the answer* sebab sekarang ini ialah isu penggunalah, yang telah pun membeli tiket dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan pada hari ini.

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.31 pg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]:** Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga jam 7 petang.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Saya menyokong Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti telah dikemukakan Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.32 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tan Sri. Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Duti Hiburan 1953, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998, Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi Pelepasan 2019 dibacakan kali kedua sekarang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023 yang dicadangkan adalah bagi menguatkuasakan langkah cukai yang telah diumumkan dalam

Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu. Antaranya pelaksanaan cukai keuntungan modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai, cukai minimum global dan elektronik invois atau *e-invoice*.

Selain itu, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menambah baik pentadbiran cukai langsung dan cukai tidak langsung yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan. Secara keseluruhannya, rang undang-undang ini mengandungi 142 fasal yang dibahagikan kepada 15 bab bagi meminda 14 akta cukai langsung dan cukai tidak langsung seperti yang telah dinyatakan. Saya mohon untuk menghuraikan setiap bab dalam rang undang-undang ini seperti berikut.

Bab I. Bab ini mengandungi fasal 1 yang menyatakan tajuk ringkas akta iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No.2) 2023.

Bab II, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab ini mengandungi 32 fasal iaitu fasal 3 hingga 34 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi melaksanakan langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024, di samping pindaan bagi menambah baik pentadbiran cukai.

Fasal 3 bertujuan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa pelaksanaan cukai keuntungan modal iaitu mulai 1 Januari 2024. Pelaksanaan *e-invois* secara berperingkat mulai 1 Januari 2024. Layanan cukai bagi pembayar cukai korporat dan individu yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 mulai tahun taksiran 2024 dan cukai minimum global yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2025.

Fasal 4 bertujuan memasukkan takrif baharu bagi *capital asset* atau *stock exchange*, berhubung kenaaan cukai keuntungan modal. Takrifan *electronic invoice* yang mengehendaki mana-mana orang untuk mengeluarkan *invoice electronic* atau apa-apa dokumen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri tentang barang yang dijual ataupun perkhidmatan yang dilaksanakan dan meminda takrif *foreign tax* untuk menjelaskan bahawa bagi maksud kenaaan cukai ke atas pendapatan di bawah undang-undang negara luar Malaysia, hendaklah merujuk kepada negara luar Malaysia, di mana pendapatan yang sama itu terbit.

Fasal 5 dan 6 memperuntukkan bahawa laba ataupun keuntungan daripada pelupusan aset modal sebagai kelas pendapatan yang boleh dikenakan cukai, manakala fasal 7 memperuntukkan bahawa pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi pelupusan aset modal oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi adalah tertakluk kepada kadar cukai, sebagaimana yang dinyatakan di bawah bahagian baharu iaitu Bahagian XXI dalam Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 8 pula memperuntukkan bahawa laba atau keuntungan daripada pelupusan saham oleh sebuah syarikat terkawal yang diperbadankan di luar Malaysia hendaklah disifatkan diperoleh dari Malaysia sekiranya syarikat itu memiliki harta tanah yang terletak di

Malaysia, yang mana harga pasaran harta tanah itu adalah lebih daripada 75 peratus daripada nilai aset ketaranya.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa had penggunaan dana terkumpul untuk menjalankan perniagaan atau mengambil bahagian dalam perniagaan oleh institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) dinaikkan daripada tidak melebihi 25 peratus kepada tidak melebihi 35 peratus.

Seterusnya, fasal 10 bertujuan untuk menjelaskan pelepasan cukai individu yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024 iaitu:

- (i) skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan diperluas meliputi pemeriksaan dan rawatan pergigian untuk diri sendiri, pasangan atau anak, terhad kepada RM1,000;
- (ii) skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan untuk ibu bapa diperluas meliputi pemeriksaan perubatan lengkap terhad kepada RM1,000;
- (iii) skop pelepasan cukai bagi gaya hidup diperluas meliputi perbelanjaan untuk apa-apa kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri selain kursus yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia;
- (iv) perbelanjaan bagi pembelian peralatan sukan dan yuran keahlian gimnasium dikeluarkan daripada skop pelepasan gaya hidup, namun ia dimasukkan ke dalam pelepasan cukai baharu yang merangkumi pembayaran yuran latihan sukan bagi menjalankan aktiviti sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan dengan had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000;
- (v) tempoh pelepasan cukai bagi perbelanjaan yuran kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2026; dan
- (vi) tempoh pelepasan cukai bagi bayaran pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa beli peralatan atau langganan penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2027.

Fasal 11 memperuntukkan bahawa keuntungan yang terbit daripada realisasi pelaburan suatu unit amanah dianggap sebagai pendapatan badan amanah. Manakala, realisasi harta tanah sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 tidak boleh dianggap sebagai pendapatan badan amanah itu.

Fasal 12, 13, 14, 18, 19, 20, 21, 23 dan 25 bertujuan memperjelas peruntukan mengenai pentadbiran Cukai Keuntungan Modal seperti pengemukaan Borang Nyata Cukai

secara elektronik dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan. Kesalahan, penalti, rayuan *relief*, kutipan dan bayaran balik cukai.

#### ■1140

Fasal 15 dan 16, bertujuan memasukkan peruntukan baharu berhubung pelaksanaan *e-invoice* seperti kewajipan kepada perniagaan untuk mengeluarkan *e-invoice* bagi transaksi jualan barang atau perkhidmatan yang dilaksanakan dan kewajipan untuk memberikan maklumat serta mengemukakan dokumen melalui medium elektronik.

Fasal 17, untuk mengecualikan majikan daripada mengemukakan notis sekiranya pekerja masih meneruskan penggajian selepas pemberhentian. Pindaan juga memperuntukkan bahawa dokumen penyata di bawah seksyen 83 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri melalui medium elektronik.

Fasal 22, bertujuan untuk membolehkan syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi untuk mengemukakan anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar dalam bulan ke-6, bulan ke-9 atau bulan ke-11 atau ketiga-tiga bulan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Fasal 26, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk mengeluarkan garis panduan bagi memperjelas peruntukkan dalam akta atau memudah cara pematuhan undang-undang berkaitan.

Fasal 27, memberikan akses kepada Ketua Pengarah Kastam ke atas maklumat *e-invoice* setakat yang perlu bagi menjalankan fungsinya. Pindaan ini juga bertujuan untuk meluaskan taksiran orang yang dikelaskan untuk termasuk mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat *e-invoice*.

Fasal 28, mengadakan peruntukan yang membolehkan pengurusan syarikat untuk memberi kebenaran secara bertulis kepada pekerjaanya untuk mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan bagi pihaknya mengikut cara yang diperuntukkan di bawah akta.

Fasal 29 dan 30, bertujuan memasukkan bahagian baharu XI yang mengandungi peruntukkan bagi melaksanakan GMT di Malaysia dengan menggunakan *globe rules* yang ditetapkan oleh *Organization of Economic Cooperation and Development* (OECD). GMT adalah merujuk kepada pengenaan kadar cukai efektif minimum di peringkat global pada kadar 15 peratus yang akan dikenakan kepada kutipan perusahaan *multinational* yang mempunyai pendapatan global tahunan, sekurang-kurangnya 705 juta euro.

Fasal 31, memasukkan bahagian baharu XXI ke dalam Jadual 1 bagi memperuntukkan kadar cukai keuntungan modal.

Fasal 32, menetapkan bahawa Elaun Modal Khas yang diberikan tanpa hak bagi aset bernilai kecil tidak layak dituntut oleh PMKS jika 20 peratus atau lebih modal berbayarnya dimiliki oleh satu atau lebih syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh satu atau lebih individu yang bukan warga negara Malaysia.

Fasal 33, bertujuan meminda peruntukkan mengenai pendapatan suatu- institusi, organisasi atau dana yang diluluskan di bawah sub seksyen 44(6) adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan selagi mana ia mematuhi syarat kelulusan yang ditetapkan.

Manakala fasal 34, bertujuan meminda takrif '*foreign income*' bagi mengasingkan taksiran pendapatan asing antara kredit sehalu- *unilateral credit*, dengan kredit dua hala- *bilateral credit*.

Bab ketiga pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab ini terdiri daripada 16 fasal iaitu fasal 35 hingga fasal 50 yang bertujuan meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Fasal 35, menyatakan tarikh kuat kuasa pindaan bagi melaksanakan cukai keuntungan modal mulai 1 Januari 2024 dan sistem taksir sendiri cukai keuntungan harta tanah mulai 1 Januari 2025.

Fasal 36, memasukkan takrif baharu mengenai 'amanah perniagaan' dan untuk menjadikan satu amanah perniagaan, termasuklah dalam takrif syarikat.

Fasal 37 hingga 49, memperuntukkan pindaan berkaitan sistem taksir sendiri cukai keuntungan harta tanah. Antaranya seperti mewajibkan pengiraan cukai sendiri dan mengemukakan borang nyata cukai keuntungan harta tanah dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan. Memperuntukkan bahawa nilai pasaran diambil kira bagi maksud membuat suatu penyata, nilai pasaran itu adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh seorang penilai.

Borang nyata cukai yang dikemukakan iaitu disifatkan sebagai suatu notis taksiran yang telah diserahkan kepada pembayar cukai pada tarikh taksiran disifatkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Bagi satu taksiran ke atas penyata yang dibuat di bawah sub seksyen 14(1), cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan dan akhirnya dokumen hendaklah disimpan bagi tempoh tujuh tahun daripada akhir tahun taksiran dalam mana taksiran tersebut telah dibangkitkan.

Fasal 50, bertujuan meminda jadual dua bagi memasukkan takrif koperasi dan Badan Amanah serta memperuntukkan perolehan dan pelupusan saham syarikat harta tanah di bawah akta ini adalah tidak terpakai kepada syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

Namun, pelupusan aset oleh entiti Labuan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 masih tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Bab IV pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab ini terdiri daripada 20 fasal iaitu fasal 51 hingga fasal 70 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

Fasal 51, menyatakan bahawa tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat dalam akta ini iaitu mulai 1 Januari 2024.

Fasal 52, memasukkan takrif baharu mengenai *writing or written* yang memperuntukkan bahawa surat cara adalah termasuk surat cara elektronik.

Fasal 53, 54, 55, 58, 59, 69 dan 70 bertujuan meminda seksyen dan jadual berkaitan bagi menghentikan penggunaan setem pelekat serta mesin *franking post* dan digital untuk setem tertera.

Fasal 56, bertujuan untuk menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi menjalankan bidang kuasa asalnya dan bukannya bidang kuasa rayuan semasa, mendengar rayuan terhadap keputusan pemungut di bawah seksyen 38A Akta Setem 1949.

Fasal 57, memperuntukkan bahawa tarikh penerimaan surat cara secara penghantaran elektronik hendaklah ditentu sahkan dengan pengemukaan satu- salinan atau cetakan penghantaran elektronik itu.

Fasal 60 hingga 67, bertujuan mengemas kini peruntukkan berkaitan susulan daripada pemberhentian setem pelekat serta mesin *franking post* dan digital.

Fasal 68, bertujuan untuk meminda jadual pertama bagi memperuntukkan bahawa hak duit setem RM2 ribu ke atas surat cara pinjaman atau pembiayaan patuh syariah dalam mata wang asing dimansuhkan. Duit setem bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan oleh syarikat asing atau seorang yang bukan warga negara dan buka pemastautin tetap adalah pada kadar empat peratus dan duit setem bagi pelepasan hak oleh *beneficiary* harta pusaka si mati kepada *beneficiary* lain yang berhak di bawah harta pusaka yang sama adalah RM10.

Bab V, pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab ini terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 71 hingga fasal 78 yang bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Fasal 71, menyatakan tarikh kuat kuasa pelaksanaan *e-invoice* mulai 1 Januari 2024. Pindaan berhubung layanan cukai bagi operasi petroleum yang berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan pelaksanaan cukai minimum global atau GMT mulai 1 Januari 2025.

Fasal 72, bertujuan meminda seksyen dua untuk memasukkan takrif baharu bagi elektronik *invoice* yang menghendaki mana-mana orang untuk mengeluarkan *invoice* elektronik menggantikan takrif *secondary recovery* bagi membenarkan elaun modal dipercepatkan layak dituntut ke atas pembelajaran bagi kaedah *secondary recovery* dan memperuntukkan bahawa jika suatu perkongsian menjalankan operasi petroleum di bawah dua atau lebih perjanjian petroleum dan kawasan di bawah perjanjian tersebut adalah bersempadan. Operasi petroleum dalam kawasan tersebut hendaklah dikira sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum.

#### ■1150

Dalam hal ini, semua anggota kepada perkongsian itu pihak asal yang sama di dalam perjanjian petroleum dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.



Fasal 73 bertujuan memperuntukkan penggunaan *GloBE Rules* bagi pelaksanaan GMT di Malaysia ke atas syarikat yang membayar cukai di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Peruntukan ini adalah selaras dengan peruntukan berhubung pindaan berkaitan GMT yang dibuat dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 74 bertujuan untuk menjelaskan bahawa pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleum mana-mana orang selain daripada Petroliam Nasional Berhad ataupun Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand hendaklah ditentukan dalam rujukan kepada setiap perjanjian petroleum secara berasingan.

Fasal 75 hingga 77 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu bagi pelaksanaan *e-invoice* oleh syarikat petroleum hulu. Peruntukan ini adalah selaras dengan peruntukan berhubung invois elektronik yang dibuat dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Seterusnya, fasal 78 memperuntukkan bahawa pengurusan syarikat boleh memberikan kebenaran secara bertulis kepada pekerjanya untuk mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan bagi pihaknya mengikut cara yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Bab VI, pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab ini terdiri daripada 8 fasal iaitu fasal 79 hingga fasal 86 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 berhubung pelaksanaan e-invois dan GMT.

Fasal 79 menyatakan tarikh kuat kuasa pelaksanaan e-invois mulai 1 Januari 2024 dan pelaksanaan GMT mulai 1 Januari 2025.

Fasal 80 memasukkan takrif baharu bagi "*invois elektronik*" yang merujuk kepada definisi di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 81 memperuntukkan penggunaan *GloBE Rules* bagi pelaksanaan GMT ke atas entiti Labuan yang membayar cukai di bawah LDATA 1990. Peruntukan ini adalah selaras dengan peruntukan berhubung pindaan berkaitan GMT yang dibuat dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 84 hingga 86 pula bertujuan memasukkan seksyen baharu bagi pelaksanaan e-invois, selaras dengan peruntukan sama yang dibuat dalam pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab VII hingga Bab XV, pindaan kepada akta-akta cukai tidak langsung. Datuk Yang di-Pertua, secara keseluruhannya terdapat sembilan akta cukai tidak langsung yang dipinda dalam Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023 iaitu Akta Duti Hiburan 1953, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Levi Kenderaan Barang 1983, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998, Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi Pelepasan 2019.

Pindaan utama yang dilaksanakan dalam setiap akta adalah bertujuan untuk memansuhkan peruntukan berkaitan tempoh 120 hari ataupun tiga bulan untuk mendapatkan

pengesahan ke atas perintah atau perundangan subsidiari lain yang telah dibentangkan sebagai *risalat* dalam Dewan Rakyat.

Di bawah kesemua akta cukai tidak langsung yang terlibat, Parlimen telah memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk membuat perintah atau perundangan subsidiari lain bagi mengenakan, menaikkan, menurunkan atau meremitkan cukai melalui peruntukan dalam akta-akta tersebut.

Pemansuhan peruntukan berkaitan tempoh 120 hari atau tiga bulan untuk mendapatkan pengesahan adalah bertujuan untuk memudahkan pentadbiran cukai. Ini memandangkan perintah atau perundangan subsidiari tersebut adalah bersifat *negative resolution procedure* di mana perkara yang diwartakan melalui perintah atau perundangan subsidiari telah pun berkuat kuasa dan dilaksanakan lebih awal sebelum ia dibentangkan sebagai *risalat* di Dewan Rakyat.

Selain itu, pindaan turut dilaksanakan ke atas Akta Cukai Jualan 2018 berhubung pelaksanaan cukai jualan ke atas barang bernilai rendah seperti tafsiran kepada terma platform atas talian sendiri. Memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian dan membuat bayaran balik cukai serta memasukkan seksyen baharu bagi memastikan cukai jualan import tidak dikenakan ke atas barang bernilai rendah yang telah dikenakan cukai jualan.

Jadual kepada Akta Cukai Jualan 2018 juga dipinda berkenaan tempoh bercukai dan menggantikan terma barang bercukai kepada barang bernilai rendah. Pindaan bersifat pentadbiran di bawah akta yang sama turut dilaksanakan bagi membolehkan Ketua Pengarah Kastam meluluskan permohonan secara bertulis bagi menggugurkan mana-mana butiran yang perlu dalam nota kredit atau nota debit.

Seterusnya, pindaan lain di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam bagi meluluskan permohonan oleh orang berdaftar yang meminda amaun cukai perkhidmatan yang telah terlebih bayar dan telah diakaunkan dalam penyata bagi tujuan bayaran balik cukai perkhidmatan kepada pelanggannya.

Terdapat juga pindaan bagi memberi kemudahan kepada orang berdaftar asing untuk mempunyai tempoh bercukai yang sepadan dengan bulan terakhir pada akhir tahun kewangan syarikat. Ini bagi memastikan tempoh bercukai yang lebih tersusun dan sistematik bagi awal tempoh pendaftaran.

Pindaan sampingan turut dilaksanakan ke atas Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bagi menambah baik pentadbiran cukai dengan meminda borang atau butiran yang ditetapkan kepada bentuk dan cara yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam. Pelbagai jenis borang kastam yang digunakan pada masa ini tidak lagi perlu ditetapkan di bawah peraturan, sebaliknya boleh diterbitkan

dalam bentuk ketetapan umum yang disiarkan melalui portal rasmi Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Secara tidak langsung, pindaan ini akan memudahkan pihak industri membuat rujukan dan sebarang perubahan dan pengemaskinian borang tersebut boleh dibuat lebih cepat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Datuk Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tahniah kepada kedua-dua Timbalan Menteri yang menyandang portfolio yang baharu... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis merupakan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Duti Hiburan 1953, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998, Akta Cukai Pelancongan 2017, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Levi Pelepasan 2019 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 13 orang yang hendak berbahas. Maka saya buat ketetapan bahawa masa yang diberikan iaitu lima minit seorang. Kita ada beberapa *bill* yang kita perlu selesaikan hari ini ya.

Jadi, untuk tidak melengahkan masa lagi, dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah untuk berbahas.

**11.59 pg.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, saya amat berbesar hati diberikan peluang untuk berbahas sebagai pembahas pertama pada hari ini mengenai Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023.

Datuk Yang di-Pertua, tanpa membuang masa, saya nak ucap tahniah kepada Timbalan Menteri yang baharu. Semalam bahas kementerian lain, hari ini menjawab kementerian lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Saya ingin terus kepada inti pati perbahasan saya pertama kali mengenai penguatkuasaan mandatori pelaksanaan *e-invoice*. Kita sedia maklum bahawa kerajaan berusaha keras untuk membanteras ketirisan yang berlaku dalam sektor ekonomi lantas memperkenalkan mekanisme *e-invoice*.

■1200

Persoalan sekarang para pembayar cukai mempunyai maklumat secukupnya mengenai penggunaan platform e-invois kerana pelaksanaan ini akan dilancarkan tidak lama

lagi. Adakah masa yang berbaki beberapa bulan lagi memadai untuk kementerian untuk bersedia menangani segala *technical glitch*, dengan izin, yang mungkin timbul? Pelaksanaan yang mungkin luas buat kali pertama yang akan mengundang trafik yang begitu tinggi selain daripada kekalutan yang lain.

Saya ingin tahu, alhamdulillah kadang-kadang ini kita sememangnya mahu buat yang terbaik untuk negara, mengejar yang paling baik untuk rakyat. Namun kadang-kadang kita terleka dan tidak sedia secara sistematik dalam menangani isu-isu yang bakal timbul. Usahlah mengambil pendekatan yang membuat dahulu, kemudian kita fikir macam mana nak selesaikan.

Dalam menongkah arus globalisasi dan digitalisasi dalam Pelan Rangka Sektor Awam, cara kerja kita juga harus berubah menjadi lebih efisien, sistematik mengikut keadaan seiring peredaran zaman menjadi negara maju. Pada perspektif lain, sejauh manakah manfaat pencukaaian yang dilaksanakan mandatori ini dapat menguntungkan kerajaan? Apa pelan intervensi yang telah dirangka oleh pihak kementerian, andainya pelaksanaan cukai ini tidak mencapai objektif yang disasarkan yang sewajarnya?

Pelaksanaan e-invois ini dilakukan secara berperingkat. Bagaimana pula peniaga-peniaga kecil seperti di kampung, golongan B40 yang tidak mempunyai akses Internet dan kemudahan platform digital? Sejauh manakah kementerian telah perhalusi perkara ini? Jangan kerana kita nak dilaksanakan di bandar, sehingga di luar bandar kita terlepas pandang. Dalam mengejar cukai berjuta dan berbilion-bilion Ringgit daripada syarikat-syarikat mega ini, jangan kita lupa kepada peniaga-peniaga kecil sehingga mereka tertindas langsung sehingga terpaksa 'gulung tikar' kerana tidak mampu memenuhi kriteria yang disyaratkan oleh pihak kerajaan dalam menjalankan perniagaan.

Datuk Yang di Pertua, tidak lama lagi kita tahu kita akan laksanakan SST kembali. Hangat di kalangan rakyat memperkatakan isu SST daripada enam peratus menjadi lapan peratus. Apakah kajian hasil telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dan membuat keputusan kenaikan cukai SST ini meletakkan nilai sehingga lapan peratus? Rata-rata rakyat beradaptasi dengan segala kenaikan harga cukai yang dikenakan oleh pihak kementerian demi meneruskan kelangsungan hidup.

Adakah pihak kerajaan sedar ramai rakyat yang tertekan dalam situasi ekonomi hari ini? Tekanan demi tekanan saban hari melahirkan rakyat dan generasi yang sakit daripada segi mental, emosi dan jiwa dan untuk mengemudi negara kita untuk masa hadapan. Apakah pilihan yang ada di tangan mereka setelah mandat diberikan oleh kerajaan untuk membela nasib mereka?

Keluhan ini saya suarakan kerana hari-hari kita dapat baca di lapangan sosial media di lapangan mereka risau dengan mengembalikan cukai SST kepada kadar lapan peratus. Mereka mengatakan bahawa perbezaan yang sungguh ketara, implementasi antara GST dan

SST. Melalui GST mereka mempunyai kuasa membeli yang lebih tinggi dalam memenuhi keperluan hidup. Walau bagaimanapun, cukai SST dibayarkan oleh rakyat akan dikembalikan semula dalam bentuk kemudahan, fasiliti, bantuan bersasar yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat.

Namun apa yang diminta oleh rakyat hari ini iaitu hak kuasa memberi lebih baik dalam menguruskan ekonomi dan perbelanjaan negara. Bolehkah pihak kementerian memberikan justifikasi mengenai perkara ini? Kerana suara rakyat didengar oleh pihak rakyat, perlu didengar dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang di Pertua, T20. T20 hari ini golongan yang dilihat- samar-samar dilihat oleh pihak kerajaan. Kadar cukai progresif yang bakal dilaksanakan dilihat banyak memberi manfaat kepada golongan B40. Sejajarnya ramai golongan T20 juga tersepit dengan implementasi cukai yang dikenakan kepada mereka. Mereka turut terganggu, mengganggu. Cukai-cukai yang dikenakan kepada mereka tidak sejajar dengan kos sara hidup, yang jauh lagi menetap di bandar-bandar utama. Sikit lagi.

Mereka berasa amat dibebani dengan pelbagai cukai tanpa menerima manfaat yang sewajarnya pada pihak kerajaan. Kalangan T20 merupakan golongan yang menjalankan perniagaan. Kebanyakan memberi respons yang baik kepada negara, beralih ke negara-negara serantau untuk memberikan keuntungan dan manfaat. Secara tidak langsung, pelaksanaan cukai progresif ini memberi ancaman kepada pengeluaran keluar dan hasil negara. Apakah langkah yang dikenal pasti oleh pihak kementerian agar perkara ini membendung pengeluaran keluar hasil negara? Datuk Yang di Pertua, sedikit sahaja yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti jadi panjang sedikit.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Saya tertarik hendak komen tentang apa kenyataan yang telah dikeluarkan pada 4 Disember yang lalu mengenai Kongres Ekonomi Bumiputera. Sebelum saya akhiri perbahasan saya di Dewan mulia ini, saya ingin maklum Kongres Ekonomi Bumiputera ini ditubuhkan sejajar dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memberikan Yang di-Pertuan Agong sebuah tanggungjawab menjaga keistimewaan orang-orang Melayu, Orang Asli, bumiputera Sabah dan Sarawak.

Artikel ini bagi susulan kepada undang-undang yang dibuat dahulu melindungi hak asal Tanah Melayu. Justeru itu, saya ingin menyatakan pendirian saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker mengenai kata-kata yang telah dikeluarkan oleh beliau yang meninggalkan kesan kepada setiap rakyat Malaysia yang mendengar. Kita sentiasa perlu beringat ketika kita berucap.

Sama halnya dengan isu ini, orang-orang Melayu dan bumiputera mempunyai ramai cendekiawan dan intelek Melayu serta bumiputera yang boleh mengemudi hal ehwal

bumiputera dan Melayu tanpa dicampuradukkan urusan luar. Selama ini kita masih di Malaysia isu dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera jangan dipermainkan untuk apa-apa niat terutama dalam segi untuk mendapatkan populariti walaupun niat yang ingin dizahirkan.

Kongres ini boleh dilaksanakan Kongres Melayu Bumiputera, boleh juga jadi di Kongres Bumiputera Cina, India dan sebagainya, tidak ada kesalahan. Justeru itu, saya mohon agar janganlah sekali lagi diungkit isu hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera seperti mana yang telah di maktub dalam Perlembagaan.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Minta laluan, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak boleh mencelah.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Sila mencelah. Saya cuma memberikan pandangan. Nanti kita mencelah di Dewan- di ruang makan boleh berdebat, tak ada masalah.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tetapi saya cuma tidak mahu...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Sila duduk, sila duduk. Saya...

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** ...Benda yang saya tidak kata, tapi dikatakan saya kata...

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Sila, sila duduk. Sila duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ti, *the floor is* YB Arman.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Sila duduk, saya nak habis sudah. Malaysia ini amat terkenal sebagai sebuah negara majmuk yang harmoni Yang Berhormat Senator. Kita mahu semua menjadi contoh kepada rakyat untuk saling menghormati antara satu sama lain. Kepelbagaian budaya, kepelbagaian agama, bangsa terutama isu Raja perlu diteruskan dan diharmonikan dalam negara mendukung aspirasi Kerajaan Perpaduan. Hormatilah mandat yang diberikan oleh rakyat. Jangan kuasa yang ada usah dijadikan isu sensitif sebagai polemik di pentas politik dalam Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali, jangan kita rugikan Kerajaan Perpaduan yang kita ada hari ini. Ayuh kita sama-sama bangkit dan sama pertahankan Kerajaan Perpaduan demi negara kita. Jangan kita rugikan kenyataan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab hanya mengejar- orang cakap publisiti murahan dalam Dewan yang mulia ini. Datuk Sri Yang di Pertua, sekali lagi perbincangan saya, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Tolong sejujukan balik keadaan... *[Ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya, ya. Saya sedia.

**12.08 tgh.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Saya *neutral* sahaja. Terima kasih Datuk Sri Yang di Pertua. Sebagai inti pati pertama perbincangan, saya ingin membangkitkan mengenai

pindaan seksyen 46 yang menggariskan tentang peluasan pengecualian cukai bagi pemeriksaan kesihatan lengkap serta rawatan pergigian. Sebagai individu yang peka terhadap soal kesihatan sendiri, saya secara peribadi menyambut baik dan menyokong secara prinsip peluasan pelaksanaan pengecualian cukai bagi kedua-dua tujuan tersebut.

Secara dasarnya, peluasan pengecualian cukai tersebut merupakan tanda keprihatinan Kerajaan Perpaduan terhadap soal penjagaan kesihatan sendiri, ahli keluarga termasuk ibu bapa. Pengecualian cukai tersebut merupakan satu bentuk galakkan daripada kerajaan kepada rakyat yang selama ini mengeluarkan duit poket sendiri untuk membawa mana-mana ahli keluarga mereka menjalani pemeriksaan kesihatan lengkap atau *full medical check-up* di klinik atau hospital swasta, terutamanya bagi warga emas yang berdepan dengan risiko yang tinggi untuk menghidap penyakit kronik.

Peluasan pengecualian cukai tersebut sedikit sebanyak akan menggalakkan lebih ramai lagi individu pembayar cukai untuk memastikan tahap kesihatan ibu bapa mereka dipantau secara berkala, di mana-mana institusi perubatan yang diiktiraf.

#### ■1210

Berdasarkan laporan yang dibentangkan pada 10 November 2022 oleh *Malaysian National Health Account* (MNHA), trend perbelanjaan perubatan menggunakan duit poket sendiri atau *out of pocket* (OOP) telah meningkat sebanyak 9 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021, sebanyak RM24.6 bilion telah dibelanjakan oleh rakyat Malaysia untuk perbelanjaan perubatan di hospital swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM9.98 bilion dan RM6.062 bilion OOP masing-masing dibelanjakan oleh pesakit luar- *out patient* dan pesakit dalam- *in patient*.

Berdasarkan laporan tersebut, saya dapat simpulkan bahawa rakyat Malaysia pada hakikatnya mengeluarkan duit poket sendiri untuk membiayai rawatan kesihatan di klinik atau hospital swasta. Buktinya, pada tahun yang sama, rakyat Malaysia telah membelanjakan masing-masing sebanyak RM11.423 juta dan RM4.632 juta untuk perkhidmatan hospital swasta dan klinik swasta. Selain itu, penetapan nilai siling bagi pengecualian cukai juga penting untuk disemak semula, untuk mengambil kira trend kaedah pembiayaan rawatan kesihatan swasta yang digunakan oleh majoriti pesakit di negara ini. Semakan semula tersebut adalah wajar berdasarkan dapatan MNHA yang melaporkan bahawa sebanyak RM24.643 juta duit poket (OOP) dibelanjakan oleh isi rumah bagi tujuan perkhidmatan kesihatan swasta.

Angka tersebut mempunyai perbezaan ketara jika dibandingkan dengan angka RM5.535 juta bagi kaedah pembiayaan menerusi insurans perubatan pada tahun yang sama. Biarpun wang yang telah dibelanjakan untuk menampung kos satu-satu rawatan kesihatan tidak boleh dibuat tuntutan, namun pengecualian cukai pada kadar maksima baharu yang lebih signifikan mampu mengurangkan komitmen pembayaran cukai tahunan seseorang

penerima rawatan kesihatan. Penjimatan tersebut boleh dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan penting yang lain seperti perbelanjaan ubat-ubatan yang melibatkan kekerapan yang tinggi dengan kos yang mahal.

Berhubung dengan perihal yang saya bangkitkan tadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan pertama, bagi tahun taksiran 2024, berapakah jumlah anggaran individu pembayar cukai yang akan menerima manfaat daripada pelaksanaan potongan cukai bagi pemeriksaan kesihatan lengkap dan rawatan pergigian?

Kedua, dengan mengambil kira ketiadaan kepakaran atau spesialis bagi satu-satu rawatan penyakit di negara ini, adakah Kementerian Kewangan menerusi LHDN akan mempertimbangkan satu bentuk kelonggaran atau fleksibiliti untuk pengecualian cukai- inilah yang tak suka ini- untuk rawatan kesihatan pakar di mana-mana- setengah minit...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sikit atau panjang sikit?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** ...Sikit, sikit, atau fleksibiliti untuk pengecualian cukai bagi rawatan kesihatan pakar di mana-mana negara luar.

Ketiga, berdasarkan data yang dikelolakan oleh Bank Negara Malaysia, jumlah individu pembayar cukai dari segmen pendapatan M40 dan B40 yang aktif membayar premium bulanan insurans perubatan bagi tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022?

Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah individu yang aktif memanfaatkan insurans mereka untuk membiayai kos rawatan berkala di hospital swasta bagi keempat-empat tahun tersebut? Adakah Bank Negara Malaysia mempunyai perancangan untuk menaikkan kadar premium insurans perubatan bagi tahun-tahun mendatang dan apakah justifikasi kenaikan tersebut jika ia akan dilaksanakan?

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya, Rang Undang-undang Kewangan 2023. Saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**12.15 tgh.**

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa pindaan kepada akta ini perlu dilakukan bagi menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024, termasuk cukai keuntungan modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai, cukai minimum global dan invois elektronik.

Selain itu, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menambah baik keperluan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang memerlukan pindaan akta-akta yang berkaitan. Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1997 dilaksanakan menunjukkan kesungguhan



kerajaan dalam usaha untuk menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024, termasuk cukai keuntungan modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai, cukai minimum global dan cukai invoice elektronik yang sangat penting dalam memastikan kestabilan dan kemampanan dasar kewangan negara.

Bagi fasal 4 hingga fasal 8 yang bertujuan meminda seksyen 2, Akta 53, bersama seksyen 2(1) adalah bertujuan untuk menambah baik pendapatan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan. Cukai keuntungan modal daripada pelupusan saham tidak tersenarai dapat menjadi sumber pendapatan yang signifikan bagi negara.

Penguatkuasaan cukai ini dapat meningkatkan pendapatan kerajaan yang juga akan dapat digunakan untuk membangunkan ekonomi, menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan awam yang lain. Cukai keuntungan modal boleh digunakan sebagai alat untuk mencapai penyamaan pendapatan dengan memastikan keuntungan daripada penjualan aset modal yang sering dimiliki oleh golongan yang lebih kaya, juga dikenakan cukai secara adil.

Cukai ini juga boleh membantu mengurangkan spekulasi dalam dagangan jangka pendek dalam aset. Ini boleh meminimumkan turun naik pasaran yang tidak stabil dan membantu mengekalkan kestabilan ekonomi. Justeru, cukai keuntungan modal dan langkah-langkah cukai yang bersifat adil dapat membantu mencipta persekitaran perniagaan yang lebih stabil dan adil. Saya berpendapat, sudah tentu pindaan ini boleh menyokong pelaburan dalam negeri dengan menarik pelabur dan menggalakkan pertumbuhan perniagaan tempatan. Manakala, bagi fasal 30 di bawah seksyen baharu 157 sehingga seksyen 239 yang mengandungi 19 Bab mengenai cukai minimum global.

Tujuan pindaan ini adalah untuk mengurangkan kehilangan hasil fiskal yang disebabkan oleh strategi pengelakan cukai oleh syarikat multinasional. Cukai minimum global iaitu salah satu kaedah baharu yang dilaksanakan di seluruh dunia kepada syarikat multinasional. Kadar yang mungkin akan dikenakan iaitu pada kadar minimum- 15 peratus bermula tahun hadapan. Dengan penguatkuasaan cukai minimum global ini, tentunya kerajaan dapat memastikan syarikat-syarikat pembayar cukai yang wajar dibayar serta menyumbang kepada pengurangan defisit fiskal dan kestabilan kewangan negara.

Penguatkuasaan langkah-langkah cukai ini juga akan dapat meningkatkan kepatuhan di kalangan pembayar cukai. Ini termasuk penambahbaikan sistem pematuhan, peningkatan pengauditan dan penalti yang lebih ketat bagi mereka yang tidak mematuhi peraturan cukai.

Kepatuhan yang tinggi dapat membantu mengurangkan kehilangan hasil negara. Di samping itu, dengan penguatkuasaan cukai yang relevan, kerajaan dapat mengurangkan risiko kewangan dan meningkatkan kestabilan ekonomi. Ini kerana pendapatan yang diperolehi melalui cukai dapat digunakan untuk menguruskan keadaan ekonomi yang tidak stabil atau untuk mengatasi cabaran-cabaran ekonomi yang mungkin timbul.

Bagi fasal 15 dan fasal 16 pula bertujuan untuk memastikan seksyen baharu 2A dan 2B dalam seksyen 82, Akta 53. Tujuannya agar invois elektronik yang sangat penting diterima sebagai representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. Sistem e-invois yang dihasilkan LHDN ini bakal menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG dan DOC serta yang lain-lain. Saya yakin penggunaan invois elektronik ini juga dapat membantu meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan cukai. Sistem ini dapat meminimumkan penipuan dan kesilapan, mempercepat proses pematuhan dan memberikan data yang lebih tepat kepada pihak berkuasa. Keperluan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan di Malaysia boleh dilihat dari pelbagai faktor seperti faktor ekonomi, sosial dan perubahan dalam keadaan perniagaan.

Pindaan kepada undang-undang cukai pendapatan sering kali dilakukan untuk memastikan keseragaman, keadilan dan keselarasan dengan perkembangan semasa. Selain daripada itu, tujuan pindaan ini dilakukan adalah untuk meningkatkan pendapatan negara, terutamanya jika terdapat keperluan untuk membiayai perbelanjaan awam, projek pembangunan serta merangsang pertumbuhan ekonomi. Datuk Seri Yang di-Pertua, pindaan akta ini panjang. Masa lima minit... *[Ketawa]*

#### ■1220

So, selain daripada itu, reformasi sesuatu cukai yang akan dilaksanakan tentunya bertujuan menjadikan sistem ini lebih efisien, adil dan sesuai dengan objektif pembangunan jangka panjang. Demikian juga jika terdapat perubahan dalam standard cukai antarabangsa atau keperluan untuk menyelaraskan peraturan cukai dengan piawaian global, pindaan kepada undang-undang tempatan mungkin diperlukan.

Jadi saya dengan itu, mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob.

#### 12.21 tgh.

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang baharu.

Saya ingin berbincang, nak bawa isu yang tadi yang sebenarnya cukai yang pendapatan yang dikenakan bayar. Saya risau, amat risau keadaan golongan istimewa OKU, bagaimana mereka akan terlibat dan apakah reaksi akan berlaku kepada golongan istimewa apabila pindaan cukai yang bertambah, yang akan dinaikkan. So, saya mohon pihak kerajaan, Timbalan Menteri untuk memberi sedikit pengulasan tentang golongan istimewa, penglibatan mereka dalam cukai, akta yang baharu ini.

Juga, sebagai saya tidak nak ulang perkara isu yang tadi sahabat saya YB Senator Dato' Kesavadas kemukakan khususnya cukai perkhidmatan kesihatan. Ia akan membebankan banyak golongan istimewa OKU. Bagaimanakah kerajaan nak mengatasi ataupun ingin membantu golongan istimewa OKU apabila cukai ini dikenakan?

Juga kepada keluarga-keluarga OKU yang menjaga anak-anak OKU seperti ibu-ibu yang menjaga yang golongan istimewa OKU yang lanjut itu di mana ibu-ibu yang tak ada tidak pergi ke kerja, bagaimanakah implikasi mereka dengan adanya cukai-cukai seperti ini? So, saya mohon kepada kerajaan memberi lebih penerangan kepada golongan istimewa. So, kami pun akan memahami sistem ini lebih dalam. Dengan ini saya ucapkan terima kasih dan saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

**12.22 tgh.**

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan. Pendek-pendeknya. Keduanya, saya sokong RUU Kewangan. Dengan harapan *insya-Allah* beberapa perkara perlu ditambahbaikkkan untuk kepentingan bersama. Mungkin *based* kepada beberapa cadangan dan pandangan. Seterusnya saya ingin hari ini antara dualah. Baca, campur dengan bahas Tuan Yang di-Pertua.

Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [Akta 592]. Berkenaan dengan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [Akta 592], adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji dan menambah baik kaedah pengenaan levi termasuk menyemak semula kadar levi dan paras nilai ambang keuntungan dengan mengambil kira peningkatan kos pengeluaran minyak sawit mentah serta kelangsungan industri? Selain itu, apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan kecekapan kutipan hasil levi untuk subsidi minyak masak bagi menstabilkan harga minyak masak?

Keduanya, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Akta Petroleum ataupun Cukai Pendapatan 1967 iaitu Akta 543. Apakah strategi kerajaan untuk memastikan pindaan akta ini tetap kekal dan relevan dengan keperluan-keperluan semasa industri hulu petroleum dan gas?

Sahabat-sahabat Ahli Senator yang dihormati, saya juga ingin mengangkat satu soalan, mungkin saya sebut perkara ini berulang-ulang tapi saya fikir tidak salah untuk saya suarakan. Di mana lagi nak disuarakan kalau tidak di institusi tertinggi negara Dewan Negara ini.

Ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian, Kerajaan Negeri Terengganu menerima akhir ihsan, bukan royalti. Duit ihsan pada Oktober 2023 berjumlah RM510. Ikut kadar biasa, dijangkakan sekitar dalam RM1.5 bilion. Itu hanya baru satu per tiga. Dah nak hujung akhir dah ini. Bilakah lagi? Mungkin baki hampir RM1 bilion itu bakal dilunaskan atas nama apa pun, royalti kah ataupun nama wang ihsan kah atau nama-nama lain yang mungkin boleh lagi diberikan.

Saya ingin menyentuh sedikit Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan, semalam bila ada Menteri yang menyebut kenapa kadang-kadang perkara yang sama berulang, diulang-ulang. Ada sahabat saya Senator menyebut, patut dia noktahkan dah isu royalti. Saya ingin sebutkan sahabat-sahabat saya, yang berulang, berulang, berulang ini antara puncanya yang pertama, soalan belum dijawab.

Bila belum dijawab, disoal lagi sebab contoh, bila saya tanya tentang isu perolehan 21.9 peratus daripada perolehan negara untuk belanjawan tahun ini. Saya bertanya jumlah 21.9 peratus itu sekitar dalam RM86 bilion, minta dicerakinkan tapi saya dah ingat saya dah sebut ini kali yang ketiga diulang-ulang tapi hari ini sehingga sekarang, saya harap Menteri Kewangan dapat mencerakinkan jumlah-jumlah pinjaman daripada mana, dari luar kah, dari dalam. Dari luar, daripada mana, daripada siapa dan seumpamanya.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, seingat saya isu MA63... *[Disampuk]* Akta MA63. Sejak tahun 1963, tak pernah Sarawak memberhentikan bicara dan tuntutan tentang MA63. Sarawak dan Sabah. Bilakah berhenti? Apabila tuntutan disempurnakan. Betul. Sama juga isu Terengganu. Kes yang sudah 40 tahun lebih, 22 tahun diberi atas nama yang sama seperti Sabah dan Sarawak. Masuk tahun yang ke-23 dia nafi. Sekarang dah hampir 23 tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat, selagi tidak disempurnakan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Minta nanti dia tambah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Tan Sri, saya benarkan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. MA63 ini memanglah rapat di hati orang-orang Sabah dan Sarawak.

Saya sendiri telah mengemukakan dalam beberapa forum dan telah pun menyampaikan memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dulu tapi malangnya sampai hari ini, masih cakap demi cakap, janji demi janji. Kita di Sabah ini seolah-olah macam tidak diiktiraf sebagai satu buah negeri yang mempunyai hak yang termaktub dalam Perlembagaan. Itu *the basis of our agreement in joining Malaysia*.

Jadi, apa agaknya Yang Berhormat *direct* Sabah dan Sarawak, apa tindakan yang sewajarnya untuk supaya kita mendapat nikmat, bukan nikmat, hak kita yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan? Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sangat berterima kasih kepada Tan Sri atas poin yang sama, kita bicara tentang hak dan juga atas keputusan perjanjian. Itu akta yang Terengganu juga, Sarawak, Sabah, Terengganu, Kelantan dan negeri yang bakal ada petroleum. Saya sebut itu boleh tanya nanti kenapa. Mungkin juga nanti akan terus menuntut perkara ini. Jadi atas *base* akta, Akta Petroleum, akta MA63, kita bicara tentang akta perjanjian dan perjanjian dan perjanjian.

Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, bagi sikit saya masa sebab tadi Tan Sri mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Kalau saya sebutkan tentang MA63. Mungkin Ahli Yang Berhormat sebut- sekarang ini juga tentang yang lain-lain. 1978-2000. 2000 sampai sekarang, dah masuk tahun yang ke-23. Kita sebenarnya selepas semasa PRU yang lepas, kita terasa cukup seronok sebab kita dijanjikan 20 persen. Sama dengan Tan Sri. Bukan 20 persen, 5 persen. Sarawak mungkin dapat. Terengganu sampai sekarang tak dapat. Kelantan tak dapat.

Jadi, apa salah saya mengungkit dan apakah jemu Ahli-ahli Yang Berhormat mendengar bicara ini dan saya fikir saya kena terus untuk menyatakan ini bagi mewakili negeri Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri yang terkait sepertinya Sarawak dan Sabah terus mempersoalkan dan menuntut.

#### ■1230

Jawapannya senang saja, sempurnakanlah janji tuan-tuan. Apabila janji ini- dia ada dua- benda, tetapi saya tak ulaslah sebutkan. Orang katakan syarat janji, apa hukumnya, tapi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semalam kata ini keputusan mahkamah, tapi kena ingat ada lagi mahkamah-mahkamah yang lain. Mahkamah yang kedua ialah mahkamah rakyat. Inilah hasil yang ada di Terengganu. Hasil ketidakpuasan terhadap janji yang tidak disempurnakan.

Selepas mahkamah rakyat, ada lagi mahkamah yang lain iaitu mahkamah Allah SWT. Mampukah kita jawab di hadapan Allah SWT tentang suatu peruntukan yang dijanjikan yang diikrarkan selama panjang tempoh- apakah selama 22 tahun itu, Kerajaan Malaysia tidak terurus daripada segi menginterpretasikan undang-undang sehingga 22 tahun kemudian menjadi pentafsiran yang lain.

Tuan-tuan, saya menghormati masa. Saya cuma nak tuntutan satu- benda, nak sebut satu- benda. Kalau kita orang Islam, Allah SWT tak pernah jemu untuk kita umat-Nya menuntut berkali-kali- 17 kali sehari semalam, 17 kali sehari semalam kita baca... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Tunjukkanlah aku ke jalan yang lurus...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat, boleh tambah masa 15 minit lagi.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Dengan izin boleh Tan Sri?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya menghormati pandangan Tan Sri.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Okey, *Alhamdulillah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab tadi dia nak betulkan kenyataan YB- tuntutan MA63 untuk Sabah belum berakhir.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Maknanya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dan dia sekarang nak kan panduan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagaimana- nak akhirkannya...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Jadi apa yang saya- saya terima kasih banyak lagi kepada Tan Sri, ertinya kita ni senasib lagi. Kita masih senasib. Sarawak, Sabah dalam kes petroleum sudah berbeza tapi dalam kes Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri yang lain belum lagi tersempurna.

Saya sebut tadi tuan-tuan, saya pernah membaca satu *report* yang dibuat oleh *company* CMOji dari Jepun yang membuat kajian tentang *possibility* untuk adanya- untuk kedapatan petroleum di darat dari Pasir Puteh ke Kelantan sampai Rompin di Johor. Kajiannya ada tetapi *exploration* sekarang di laut. Saya tak dapat nak katakan *yes 100 percent*, tetapi kajian itu andai sampai ke Pahang, apakah kata orang Pahang? Andai sampai ke Johor pertemuan, apakah kata orang Johor? Jadi saya fikir kembalikan hak ini sebagai hak seperti yang dituntut oleh perjanjian.

Saya nak sebut oleh sebab sikit diberikan masa tuan-tuan. Saya semalam sebut bahawa perjanjian kita menganggotai perjanjian antarabangsa, *United Nations on Sea Water Convention* tahun 1982. Apabila suatu- kita dah tandatangan kenapa kita tidak iktiraf persetujuan yang kita buat dan andainya 12 kilometer ini sebahagian besar apa yang terdapat dalam *exploration* minyak di laut sekarang ini menjadi maksud termaktub di dalam Akta Pelantar Benua yang disebut di dalam Perlembagaan.

Tadi saya sebut- yang akhir lah saya tak nak lebih daripada itu. Saya sebut tadi kalau Allah SWT sebut beri ruang kita menuntut kepada dia, Allah SWT yang maha menerima doa. Allah beri ruang kita menuntut kepada dia 17 kali, satu hari satu malam, berapa lama? Ada noktakah tidak...? Tak ada noktah, sepanjang hayat sehingga mati. Apakah kita yakin Allah SWT tak beri jaminan bahawa tuntutan itu bakal diterima?

Allah SWT beri jaminan tetapi kita ni terus menuntut sebab sehingga hari ini kita masih belum diberi jaminan untuk hak rakyat bagi negeri-negeri yang ada minyak dan gas dan negeri mungkin bakal ada minyak dan gas ini dapat dikembalikan seperti perjanjian Akta Petroleum 1974, Perjanjian Petroleum 1975 dan saya sebut semalam tolonglah ambil kira rasa semangat *Federalism*. Tolong ambil kira rasa apa yang nak disebut- sangka baik yang negeri-negeri menandatangani perjanjian-perjanjian sama di seluruh negeri itu kemudian tuan-tuan, sangka baik itu dinodai.

Kembalikan semangat Persekutuan. Saya yakin *insya-Allah*, kalau semangat ini dikembalikan banyak perkara yang boleh diselesaikan. Jadi sekali lagi saya sebut bahawa kesimpulan saya satu saja penyelesaian, kembalikan hak kepada yang berhak. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya tadi membenarkan masa tambahan kerana tuntutan ini ada kena mengena dengan mesyuarat COP28 dan juga mesyuarat COP akan datang di mana penggunaan *fossil fuel* hendak ditamatkan atau nak dikurangkan di dunia. Jadi kena cepat sebelum resolusi *United Nations* itu beroperasi.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih banyak Datuk Yang di-Pertua. Mudah-mudahan ada dukungan Dewan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

### 12.36 tgh.

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dato' Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan juga peluang untuk sama-sama membahaskan RUU Kewangan Nombor 2, Tahun 2023.

Datuk Yang di-Pertua, RUU Kewangan ini kali ini adalah antara lain bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tahun 1976 [*Akta 169*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*] dan juga akta-akta lain yang berkaitan.

Di sini ingin saya menyentuh berkaitan dengan e-invois dengan keperluan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, enam fasal, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 empat fasal, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, lima fasal. Sistem e-invois ini ada banyak kelebihannya terutamanya dalam menjaga bahagian, menjaga ketulusan dan menjadikan penilaian risiko, pematuhan yang lebih tepat. Ketua Pegawai Eksekutif LHDN mengatakan sistem e-invois ini dapat menangani isu ketirisan pendapatan negara akibat ekonomi bayangan.

Di sini menjadi persoalan berapa banyak ketirisan dihadapi oleh kerajaan akibat daripada sistem ekonomi bayangan ini dan apakah dengan pelaksanaan sistem e-invois ini dapat meningkatkan pendapatan negara apabila isu ekonomi bayangan ini berjaya diatasi.

Datuk Yang di-Pertua, yang ke-dua sistem e-invois ini syarikat manakah yang mendapat manfaat melaksanakan agenda pendigitalan terutamanya dalam melaksanakan sistem e-invois ini? Adakah ia nya dilakukan secara tender terbuka atau tender tertutup?

Seterusnya berkaitan dengan kesalahan-kesalahan bagi kegagalan mengeluarkan e-invois iaitu denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara

tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Bagaimanakah penguatkuasaan ataupun mekanisme yang dilakukan bagi yang gagal mengeluarkan e-invois? Tidakkah ia nya akan menyebabkan kesalahan baharu seperti cubaan merasuah bagi mengelakkan pengeluaran e-invois atau mungkin akan mengeluarkan e-invois palsu yang sememangnya memberi impak negatif terutamanya kepada hasil pendapatan negara.

#### ■1240

Datuk Yang di-Pertua, selain cukai- seterusnya berkaitan dengan cukai korporat. Bagi syarat layanan cukai PMKS subseksyen 107C(4B) dan subseksyen 19A, Jadual 3 Akta Pendapatan 1967. Syarikat yang mempunyai lebih 20 peratus atau lebih modal berbayar saham biasa yang dimiliki oleh syarikat diperbadankan di luar Malaysia atau individu yang bukan warganegara Malaysia adalah tidak layak. Tidak layak menikmati pengecualian dan mengemukakan anggaran cukai dalam tempoh dua tahun taksiran yang tidak layak menikmati elaun khas aset bernilai tanpa had.

Saya berpandangan pindaan ini, seksyen 43B ini adalah penting dalam meningkatkan pendapatan negara terutamanya bagi syarikat-syarikat yang diperbadankan di luar negara dan syarikat individu yang bukan warganegara Malaysia. Ia nya bakal menambah pendapatan negara secara lebih signifikan. Adakah kerajaan yakin dengan meletakkan syarat baharu dalam seksyen 43B ini mampu menarik syarikat-syarikat luar negara terutamanya *multinational company* untuk mula bertapak di Malaysia? Adakah dengan pelaksanaan ini juga mampu untuk menjaga mana-mana syarikat bukan Malaysia untuk terus bertapak dan berniaga di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Datuk Lim Pay Hen.

#### 12.41 tgh.

**Datuk Lim Pay Hen:** Salam sejahtera. Salam Madani. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana diberi peluang dan ruang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2023.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pindaan yang dibuat pada subseksyen 2(1) Akta 53 untuk memasukkan tarif baru elektronik invois. Pindaan ini menghendaki mana-mana orang untuk mengeluarkan invois elektronik berkenaan dengan barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan. Pindaan ini akan mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

Saya berpendapat yang sama dengan beberapa Ahli Senator tadi. Berdasarkan daripada tarikh kuat kuasa yang telah ditetapkan oleh kerajaan, saya kira daripada tarikh pembentangan belanjawan hanya terdapat dua bulan sahaja. Jadi ia mungkin akan menimbulkan kesulitan buat sesetengah pihak yang berkait. Apakah insentif dan bantuan



yang akan diberikan oleh kerajaan bagi memastikan setiap pihak yang terlibat dapat menyempurnakan sistem ini dalam masa dua bulan sahaja?

Datuk Seri Yang di-Pertua, selain itu saya juga ingin bertanya sistem *e-invoice* ini dulu cuba dikuatkuasakan bagi melengkapkan sistem GST yang dijangka dapat mengutip cukai sebanyak RM180 bilion. Jadi memandangkan kerajaan kini menggunakan sistem tersebut untuk SST, berapakah anggaran tambahan kutipan cukai yang boleh diperolehi dengan memanfaatkan sistem ini? Kerajaan juga memaklumkan penguatkuasaan sistem *e-invoice* ini secara tidak langsung dapat mengawal *black economy*, tetapi sejauh manakah ia dapat di aplikasi memandangkan sistem SST tidak bersifat menyeluruh seperti GST?

Datuk Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan duti eksais yang dikenakan ke atas alat peranti rokok atau *vape* yang telah mula dilaksanakan sejak Mei lalu. Kerajaan sebelum ini telah mengumumkan bahawa bagi setiap milimeter cecair nikotin dalam *vape* akan dikenakan duti eksais sebanyak RM0.40. Jadi sehingga akhir tahun ini berapa banyak kah kutipan duti eksais dari industri *vape* telah berjaya dipungut?

Adakah kerajaan melihat kutipan tersebut adalah setimpal dan munasabah dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi membiayai rawatan pesakit yang merokok di hospital-hospital awam khususnya yang melibatkan golongan belia remaja? Bagaimanakah kerajaan akan memastikan jumlah duti eksais yang dipungut dari industri *vape* sekurang-kurangnya tiga kali ganda lebih tinggi berbanding kos yang perlu ditampung oleh Kementerian Kesihatan bagi mengubati pesakit yang muncul akibat penggunaan *vape*?

Seterusnya, fasal 2 Datuk Seri Yang di-Pertua memperuntukkan bahawa keuntungan yang terbit daripada realisasi pelaburan suatu unit amanah dianggap sebagai pendapatan badan amanah. Bagi pindaan ini saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian sama ada cukai yang sebelum ini dikenakan kepada badan amanah sebelum agihan kepada pemegang unit akan dilupuskan? Sebagai contoh, adakah realisasi pelaburan yang dilakukan bagi Amanah Saham Nasional oleh Permodalan Nasional Berhad akan dikenakan cukai?

Jika aktiviti merealisasikan pelaburan unit amanah ini tidak lagi dikenakan cukai, maka saya ingin berterima kasih kepada kerajaan kerana saya berpandangan rakyat perlu dilindungi daripada cukai realisasi unit amanah bagi melindungi pelaburan rakyat dan meningkatkan pendapatan boleh guna mereka. Sebagaimana kerajaan perlu menjaga kepentingan pelaburan asing, begitu juga pentingnya menjaga pelaburan individual rakyat.

Datuk Seri Yang di-Pertua, yang akhir sekali- sikit sahaja. Berkaitan dengan skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan yang diperluaskan meliputi pemeriksaan rawatan pergigian untuk diri sendiri. Pasangan atau anak terhad kepada RM1,000. Adakah amaun RM1,000 ini untuk satu- kepala atau keseluruhan keluarga? Saya minta agar kementerian melihat kembali pada angka ini memandangkan kos pergigian pada hari ini sangat mahal mencecah RM200 minimum bagi satu kali rawatan. Maka saya berfikir

pelepasan sebanyak RM1,000 sahaja tidak mencukupi bagi mana-mana ibu bapa yang mempunyai anak lebih daripada satu.

Ini kerana jika seseorang ibu atau bapa mempunyai tiga orang anak, maka jumlah RM1,000 itu hanya RM200 setiap seorang yang bermaksud hanya sekali rawatan sepanjang tahun. Jadi kita boleh- pelepasan tersebut diberikan bagi setiap satu- kepala dan ini lebih munasabah dengan kos rawatan yang semakin meningkat pada hari ini. Datuk Seri Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

**12.48 ptg.**

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih pada Datuk Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan tentang RUU Kewangan ini. Sebagaimana kita tahu RUU Kewangan ini ialah pindaan sebahagian besarnya untuk membolehkan langkah cukai yang diumumkan dalam belanjawan kita itu dapat dilaksanakan.

Saya ingin menyentuh hanya ada beberapa perkara sahaja. Yang pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih pada kerajaan atas pindaan untuk seksyen 12 ya, Akta Duti Hiburan 1953 yang memberikan pengurangan dan pengecualian kepada duti hiburan ya di Wilayah Persekutuan yang melibatkan beberapa persembahan. Dalam persembahan-persembahan ini, kadar yang sebelum ini 25 peratus dikenakan untuk persembahan artis tempatan dikurangkan, dikecualikan terus ke kosong peratus.

Untuk yang lain, umpamanya zoo. Zoo ini diberikan pengecualian daripada 25 peratus ke-10 peratus. Kalau boleh dicadangkan saya ingat zoo ini kita bagi sifar juga lah. Sebab saya tengok zoo kita ini satu dia punya kadar dia kadang-kadang tak masuk akal. Terlalu mahal. Kita nak masuk itu nak tengok binatang-binatang yang tidaklah begitu menarik ya tapi tidak begitu berbaloi dengan kadar yang ditetapkan.

Kalau kita boleh kurangkan kita punya duti hiburan untuk zoo itu, saya percaya caj yang dikenakan untuk pengunjung itu juga akan dapat dikurangkan. Itu yang pertama lah. Yang keduanya juga, ini memberikan sedikit kelegaan kepada artis-artis kita kerana dalam usaha kita untuk menggalakkan pembangunan industri kreatif ini, menggalakkan mempererat hubungan kekeluargaan dan sebagainya, kita tidak hanya mahu konsert itu dimonopoli oleh antarabangsa semata-mata.

■1250

Kita nak supaya artis-artis kita mendapat ruang yang lebih dan pengecualian ini saya percaya akan membantu ke arah itu. Itu yang pertamalah.

Yang keduanya saya sentuh tentang perubahan kadar cukai perkhidmatan yang kita tahu dinaikkan daripada enam ke-8 peratus. Cuma saya nak tanya Menteri. Berapa kah jangkaan pertambahan cukai yang boleh kita pungut daripada perubahan ini? Daripada sembilan kumpulan perkhidmatan yang ada dalam pencukaian kita ini, kerajaan memberikan pengecualian untuk item (B) dan juga (I). Item (B) iaitu makanan dan item (I) itu walaupun kita tak tahu apa lain-lain perkhidmatan itu secara keseluruhannya, tetapi kerajaan menyebut bahawa pengecualian itu diberikan untuk telekomunikasi, parkir dan juga logistik.

Logistik ini skop baharu yang baru dimasukkanlah. Cuma saya nak tanya Menteri. Skop ini tak beri pengecualian kepada penginapan. Maknanya untuk hotel, *homestay* dan sebagainya kita naikkan juga kepada lapan peratus. Kalau boleh saya nak cadangkan kepada kerajaan supaya pengecualian juga diberikan kepada skop Kumpulan A ini, penginapan supaya industri perhotelan kita ataupun tempat inap desa dan sebagainya itu dapat kita terus pulihkan selepas pandemik beberapa tahun yang lepas.

Saya juga ingin tanya tentang kad kredit ataupun kad caj. Kalau sebelum ini dia bukan pada *rate* 6 peratus. Dia memang caj RM25. Adakah selepas perubahan ini, kad kredit kita juga akan ada perubahan ataupun kekal RM25 sebagaimana yang sebelum ini?

Saya juga ingin mendapatkan pengesahan daripada Menteri. Kita biasa cerita tentang cukai perkhidmatan, jualan dan sebagainya tetapi ada satu bayaran selalu mengelirukan kita dan kadang-kala mengecewakan kita iaitu bayaran caj perkhidmatan. Yang kalau di negara lain itu, mereka mungkin buat tip untuk kita punya pelayan tetapi dalam negara kita ni, kadang-kadang kita tengok banyak restoran yang bukan restoran yang mewah pun. Kadang-kadang restoran, kedai-kedai biasa pun turut mengenakan caj perkhidmatan 10 persen ini.

Jadi soalan saya pada kementerian ataupun Menteri yang berkaitan. Adakah ada kawalan kepada mana-mana restoran untuk menetapkan ataupun memang kadarnya 10 peratus ataupun terserah pada mana-mana restoran untuk kenakan kadar itu ikut suka hati dia?

Kalau boleh dicadangkan, saya ingat kadar perkhidmatan ini- caj perkhidmatan ini kita buat satu peraturanlah supaya kadang-kadang pengunjung bukan semuanya senang. Bukan semuanya kaya. Jadi, bagi restoran yang nak kenakan 10 persen, dia ada dia punya label di luar kedai dia tu yang menyebut bahawa restoran ini mengenakan caj perkhidmatan itu. Sebab bagi kita 10 persen ini sangat besar untuk rakyat ataupun khususnya B40. Itu perkara yang kedua dan kalau boleh ya, mungkin kumpulan-kumpulan yang lain-lain ya, kumpulan perkhidmatan lain itu kita minta untuk kerajaan memperincikan supaya kita lebih jelas bahawa peningkatan itu melibatkan kumpulan yang mana.

Yang terakhir Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan bantahan kita kepada kenyataan sahabat Senator kita. Soal penganjuran Kongres Bumiputera itu. Bila kita buat Kongres Bumiputera bukan kita nak mempertikaikan hak mereka yang bukan

Bumiputera, tetapi kita memperakui bahawa kita ada kelemahan, kelemahan yang perlu diperbaiki yang perlu dibincangkan secara khusus. Sebab itulah, saya mengambil peluang ini juga untuk menyokong kerajaan untuk meneruskan Kongres Bumiputera itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Abun Sui Anyit.

**12.53 tgh.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023. Apa yang saya ingin ketengahkan di sini adalah berkaitan dengan rang undang-undang ini di mana ia mempunyai 142 pindaan yang bakal kita luluskan dan seksyen baharu yang dikenakan seperti di muka surat 189 iaitu 34B dengan izin, *duty to issue electronic invoice*.

Jadi, apabila melaksanakan *electronic invoice* ini sebenarnya memang kalau di bandar ataupun di kawasan yang agak baik internetnya, ini memang sangat memudahkan kerana kita tidak perlu lagi untuk membayar kos pergi ke Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita hanya lakukan dari pejabat kita.

Jadi, yang persoalannya untuk kita di sini adalah kadang-kadang internet ini tidak meliputi di seluruh negara. Justeru, ini akan memaksa juga ada pembayar-pembayar cukai kita yang mungkin di pendalaman, yang mungkin ada kedai di pendalaman, mereka juga akan terpaksa pergi mencari kawasan di mana yang ada internet dan ini juga menyebabkan kos kepada mereka.

Begitu juga dalam seksyen baharu, seksyen 21B di muka surat 194 iaitu Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan di mana ini cukai yang perlu dilaksanakan juga dan ini sangat memudahkan. Saya cadangkan supaya untuk memudahkan semua kita di negara ini supaya kita memberi pengecualian ataupun kelegaan sedikit kepada mereka yang mungkin tidak dapat mengeluarkan invois elektronik ini. Janganlah adanya hukuman yang diperkenalkan di dalam sini. Kalau gagal mengeluarkan invois elektronik, jadi mereka akan dihukum.

Jadi, ini kena melihat kepada faktor-faktor apa yang menyebabkan mereka tak berjaya untuk mengeluarkan *electronic invoice* ini. Janganlah kerana mereka tidak mengeluarkan—tidak berjaya mengeluarkan elektronik kerana internet kita tidak menyeluruh lagi walaupun ada kerajaan mengatakan bahawa ya, kita sudah mencapai 90 lebih persen kawasan yang berpenduduk ada internet tetapi sebenarnya kalau benar-benar kita pergi ke kawasan yang ada penduduk, memang ada juga di kawasan yang tidak ada internet mereka.

Justeru, saya sangat berharap supaya fasiliti internet ini diperbaiki dahulu supaya jangan kita terus menghukum mereka kerana kekurangan ataupun kegagalan mengikut akta yang baharu kita perkenalkan ini. Justeru, saya berharap dengan adanya pindaan-pindaan yang dibuat ini, memang kita berharap supaya hasil dalam negara kita ini akan bertambah.

Kita bersyukur kerana kita sudah meluluskan akta di mana wakil Sabah dan Sarawak akan ada di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Justeru itulah, supaya apabila kita mendapatkan hasil yang optimum dengan adanya pengenalan pindaan-pindaan yang kita bakal luluskan pada hari ini, saya harap kerajaan akan memperoleh pendapatan yang bertambah lagi dan kalau boleh, kita tidak mahu lagi ketirisan-ketirisan akan berlaku di mana sahabat-sahabat yang sebelum ini risau tentang ketirisan masih akan berlaku jika ada manipulasi tentang invois elektronik ini.

Justeru itu, saya juga ingin bertanya bagaimanakah kita nak menambah lagi hasil dalam negara ini di mana banyak juga ahli perniagaan kita ataupun mereka yang mungkin ada pelaburan di luar negara yang kita tidak ketahui. Adakah kerajaan bersedia untuk memberi pengecualian cukai juga untuk bagi mereka kalau mereka dapat membawa hasil mereka ataupun kekayaan mereka yang besar di luar negara itu supaya diberi pengecualian cukai atau *amnesty* supaya negara kita ini akan menjadi rancak untuk membangunkan negara kita apabila orang-orang yang berada, yang kaya daripada warganegara kita ini dapat membawa pulang hasil-hasil ataupun pelaburan mereka yang ada di luar negara.

Jadi, saya tidak ada panjang lagi. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

**12.58 tgh.**

**Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan pada hari ini. RUU Kewangan adalah untuk meminda akta-akta yang terlibat dan saya ingin membahaskan fasal Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], fasal 128 hingga 136, 138 dan 139 bertujuan untuk meminda seksyen 13, 14, 17, 26, 26A, 38, 42, 56C, 75 dan 81 Akta 807 untuk memberi ketua pengarah kuasa untuk menentukan bentuk cara, antara lain permohonan pendaftaran, mengemukakan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan— pembayaran balik cukai perkhidmatan.

■1300

Saya ingin tahu, apakah perincian mengenai implikasi peruntukan kuasa kepada ketua pengarah untuk meluluskan permohonan potongan cukai daripada penyata cukai perkhidmatan serta penyelarasan dengan Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2023 yang telah diwartakan pada Mei 2023? Saya juga ingin mengatakan lebih berkenaan dengan Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791].

Apakah langkah proaktif kerajaan dalam aspek dalam pendaftaran cukai pelancongan bagi tujuan perniagaan oleh para penyedia dan pengendali premis penginapan atau hotel

yang menyediakan lima buah bilik dan ke atas di bawah seksyen 10 Cukai Pelancongan 2017?

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Berkenaan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] sistem invois elektronik, dalam perenggan 4(b) bertujuan menanda subseksyen 2(1) Akta 53 untuk memasukkan takrif baharu iaitu elektronik invois ke dalam Akta 53 berbangkit daripada seksyen baharu 82(c).

Persoalannya, apakah perincian mengenai mekanisme sistem invois elektronik atau invois yang dijangka berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 untuk menyelaraskan sistem percukaian negara dan disokong dengan penggunaan nombor pengenalan cukai yang sedia ada? Berapakah anggaran kos pelaksanaan sistem *e-Invois* termasuk pindaan kepada sistem percukaian semasa bagi memenuhi keperluan invois? Sejauh manakah sistem ini dapat membantu menangani ketirisan hasil di samping meningkatkan elemen ketelusan dengan memberikan penilaian risiko pematuhan secara telus?

Ini termasuk e-invois secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta yang dijangka bermula pada Ogos 2024. Manakala, pembayar cukai mengikut kategori pendapatan selainnya secara berfasa mulai 1 Julai 2025. Selain itu, pada masa yang sama juga, apakah strategi kerajaan untuk mencapai sasaran kutipan cukai langsung pada 2024 iaitu RM185 bilion atau 75.9 peratus daripada jumlah hasil cukai berdasarkan Laporan Tinjauan Fiskal dan Anjuran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 serta kegiatan ekonomi bayangan Malaysia yang kini dianggarkan menyumbang sekitar 21.2 peratus daripada KDNK atau RM330 bilion?

Dengan itu, saya cukup masa. Saya sudahi dengan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan dengan ini saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana menepati masa yang diberi.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Silakan, Yang Berhormat.

**1.04 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2023 di Dewan Negara yang mulia ini. Yang di-Pertua, pada setiap isu yang terkait dengan pindaan yang akan dibangkitkan ini penting supaya rakyat mendapat perhatian yang sewajarnya daripada rang undang-undang yang kita pinda pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2023 melibatkan pindaan terhadap 14 akta iaitu Akta Percukaian seperti mana yang telah tersebut. Tujuan utama pindaan tersebut ialah untuk meningkatkan hasil Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan lebih RM4 bilion akan dikutip dari pindaan Perlembagaan RUU ini seperti mana yang telah dinyatakan semasa pembentangan Belanjawan 2024 yang lalu. Saya tidak ada masalah kerana apa yang baik untuk negara adalah baik untuk saya sebagai seorang penggubal undang-undang dan paling utama baik untuk rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua, apabila saya sebut baik untuk rakyat bermaksud bahawa rakyat Terengganu juga berhak mendapat yang terbaik menerusi sumber hasil galian asli di dalam negara sendiri. Semangat federalisme perlu diterjemahkan dalam hubungan semangat negeri. Dalam Perlembagaan Persekutuan, sangat jelas dalam hal ini tetapi apa yang berlaku pada masa ini adalah sebaliknya, Timbalan Yang di-Pertua. Senario *governance*, dengan izin berbeza sekarang dengan dulu, tetapi soal yang penting di sini, kita sebenarnya tidak mempunyai sifat negarawan yang sebenar-benarnya, terutama daripada kerajaan yang ada sekarang. Walau pun bantuan dan insentif daripada Kerajaan Pusat tetapi ia tidak menyeluruh dan ada agenda-agenda tertentu untuk menyalurkan dan menyekat. Bagi saya, ini institusi yang sangat tidak menyihatkan dan boleh memberi kesan jangka panjang yang dicipta oleh pemerintah terdahulu dan disambung oleh kerajaan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua, saya terus menjurus kepada Fasal 72 pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 berkaitan perkongsian menjalankan operasi petroleum di bawah dua atau lebih perjanjian di kawasan-kawasan yang bersempadan. Saya nak tahu secara terperinci, untuk negeri Terengganu seperti mana yang saya sebutkan tadi, apakah adanya perjanjian-perjanjian seperti mana dalam pindaan berkenaan? Saya juga nak tahu, apa sebenarnya strategi kerajaan untuk memastikan pindaan akta ini kekal relevan terutama keperluan semasa industri hulu minyak dan gas yang berdepan dengan cabaran baru dalam proses eksplorasi, pembangunan dan pengeluaran sumber hidro karbon ini?

Saya sebenarnya sangat bimbang dengan kelicikan kerajaan seperti mana yang saya sebutkan sifat negarawan dan sifat federalisme ketidaknampakan sebenarnya. Apakah ia benar-benar memberikan manfaat kepada negeri dan negara secara lestari? Saya tidak berburuk sangka atau persepsi negatif kerana hal sedemikian adalah dicetuskan sendiri oleh kerajaan pada hari ini. Segala sumber alam di negeri-negeri kalau boleh seolah-olah nak dikaut dan dipungah semua pulangan menerusi perjanjian-perjanjian antara Pusat dengan negeri, kononnya atas semangat demi negara tetapi akhirnya negeri umpama peminta sedekah.

Rakyat Terengganu umpama peminta sedekah. Meminta-minta atas hak kita sendiri. Wang dah ada tetapi kenapa dilewat-lewatkan? Apakah motif sebenar Kerajaan Pusat dan Kementerian Kewangan? Apakah motif Menteri Kewangan? Saya minta jasa baik Menteri

Kewangan II yang baru dilantik semalam dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya pun baru dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan supaya mempermudah proses royalti minyak Terengganu. Kalau nak hukum rakyat kerana undian, rasanya tak adil.

■1310

Saya sekali lagi minta jasa baik benar-benar kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah sebagai Menteri Kewangan II dan sahabat saya di belakang yang bentang kertas tadi supaya kembali semula wang royalti minyak Terengganu.

Yang di-Pertua, sebelum nak akhir, boleh saya pantun satu.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Boleh

**Datuk Razali bin Idris:** [*Memainkan rakaman video melalui telefon bimbit*]

Okey, sampai situ *je*.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey.

**Datuk Razali bin Idris:** Maksudnya tidak ada pertikaian lagi. Royalti tetap royalti, yang disebut oleh Perdana Menteri, PMX. Jadi, saya menyokong rang undang-undang ini andai kata kerajaan pusat mengembalikan hak royalti minyak Terengganu. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat dan pembahas kita yang terakhir iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Dipersilakan Yang Berhormat.

1.13 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya teruskan. Dalam pindaan rang undang-undang yang di hadapan kita sekarang melibatkan 15 akta dan 242 fasal kesemuanya. Semuanya fasal cukai. Cukai pendapatan individu, cukai dagang, *capital gain tax*, cukai keuntungan modal, cukai keuntungan harta tanah, pengutipan duti setem, cukai hasil pendapatan petroleum, *e-Invois*, cukai langsung dan cukai tidak langsung.

Tujuan untuk meminda RUU Kewangan itu ialah untuk memperkasakan dan menambah baik lagi sistem cukai menggunakan, mengurangkan keciciran pendapatan negara, memperketat lagi sistem pentadbiran langsung dan yang tidak langsung.

Puan Yang di-Pertua, adakah *threshold* tahap pendapatan lebih RM500,000 akan dinaikkan untuk peniaga yang akan dikenakan oleh cukai SST nanti? GST sudah diguna pakai oleh Malaysia masa tak lama dahulu. Akan tetapi isu GST telah pada masa itu dipolitikkan dalam pilihan raya dan kemungkinan rakyat masa itu kurang atau belum faham dengan sistem GST dengan kutipan sehingga enam peratus. Mungkin dengan kutipan dalam rangkuman tiga peratus, rakyat mungkin akan terima GST nanti.

Puan Yang di-Pertua, saya kuaratir dengan kegunaan TIN iaitu *tax identification number* untuk semua rakyat berumur 18 tahun ke atas. Tak mungkin *scammer* akan *having a*



*field day* dengan izin kerana data yang kita ada dalam TIN itu akan didedahkan kepada mereka. Soalan. Apakah sistem keselamatan digunakan dalam *tax identification number* atau TIN itu?

Puan Yang di-Pertua, pindaan itu melalui seksyen 27, 26 tadi sudah lupa, akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menentukan bentuk cukai, mengemukakan penyertaan dan pembayaran cukai perkhidmatan, pembayaran balik dan lain-lain. Soalannya, apa penguatkuasaan itu boleh dirayukan atau dibawa ke pihak badan rayuan atau *arbitration*, selain dari mahkamah?

Kita pun risau dengan adanya kenaikan cukai pengeluaran petroleum. Sarawak ada 6.9 bilion *barrels of oil equivalent* dan Sabah ada 1.3 bilion *barrels* dan masih ada sampai 40 tahun lagi dengan *processing* canggih atau dengan teknologi tinggi kita dapat 40 tahun lagi rizab. Kita juga dimaklumkan lebih 30 peratus GDP negara kita dapati daripada pendapatan petroleum. Soalan berikut iaitu insentif cukai untuk *upstream processing* akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, masa pun tak dapat saya lanjutkan. Apabila *complimentary measures* atau sistem sokongan yang ada untuk memperkasakan sistem cukai yang akan dipinda ini untuk mengelakkan pendapatan negara di-*hijack*-kan atau seludupkan oleh *underground economy* atau *black economy*. Memanglah sistem cukai digunakan di mana-mana oleh negara di dunia ini ada kelemahannya. *Underground* atau *black economy* akan memang wujud. Kerana itulah pindaan seperti yang kita bahaskan sekarang demi menambah baik pentadbiran sistem cukai perlu dipinda mengikut perkembangan semasa.

Akhir sekali, kita harap tidak ada akta atau peraturan ini diguna pakai oleh *scammer* dan orang yang tak diinginkan. Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya menjemputlah Ahli-ahli yang berada di luar itu untuk masuk ke dalam supaya kita cukup kuorum untuk nanti meluluskan RUU ini kerana pembahasan telah tamat.

Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab. Silakan.

### 1.10 tgh.

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Puan Yang di-Pertua, saya hanya akan menjawab kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat Senator yang berada di Dewan yang mulia ini. Kalau sesiapa yang tidak berada di sini, kami akan menghantar jawapan secara bertulis.

Terima kasih kepada semua 12 Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam membahaskan RUU Kewangan (No.2) 2023 pada hari ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan *e-Invois* memberi manfaat kepada kerajaan ataupun pentadbir percukaian dalam menangani isu ketirisan cukai dan

ekonomi bayangan dengan maklumat yang diperoleh secara masa nyata iaitu *real-time* serta meningkatkan pematuhan cukai seterusnya kecekapan kutipan cukai keseluruhan.

Projek rintis sudah pun dijalankan melibatkan pembayar cukai besar secara sukarela. Pelaksanaan *e-Invois* dibuat secara berfasa melalui 1 Ogos 2024 agar kelemahan pelaksanaan dan kesediaan teknikal dapat diatasi daripada masa-ke-semasa sehingga pelaksanaan menyeluruh.

Perniagaan mikro atau berskala kecil juga akan diwajibkan untuk mengeluarkan *e-Invois* selepas 1 Julai 2025. Peniaga kecil boleh menggunakan portal MyInvois secara percuma dan tidak membebankan. LHDNM akan membuat sesi libat urus secara menyeluruh dengan peniaga dan usahawan yang menjalankan perniagaan berskala kecil bagi memberi pendedahan bagaimana proses *e-Invois* ini dilaksanakan. LHDNM akan menyediakan pasukan yang penuh berdedikasi untuk turun padang membantu usahawan mikro seperti mana pelaksanaan GST dahulu. Kerajaan akan memastikan LHDNM untuk melaksanakan *hold-holding program* atau program bimbangan bersama dengan perniagaan khususnya usahawan PMKS.

#### ■1320

Kerajaan perlu memainkan peranan dalam mengimbangkan kutipan hasil daripada golongan berkemampuan dan diagihkan kepada pihak yang memerlukan. Struktur progresif ini turut dilaksanakan di pelbagai negara di mana mereka yang berpendapatan tinggi dicukai pada kadar yang lebih tinggi.

Kerajaan akan menambah baik struktur cukai pendapatan individu termasuk *relief* atau pelepasan yang bersesuaian daripada masa-ke-semasa, sesuai dengan persekitaran ekonomi semasa. Secara asas, perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada enam peratus kepada lapan peratus adalah bertujuan untuk menambahkan hasil negara secara progresif di mana apa-apa perubahan kepada sistem percukaaian negara tidak akan memberi kesan ketara kepada golongan berpendapatan rendah.

Ini boleh dilihat apabila perubahan kadar cukai perkhidmatan yang dicadangkan tidak melibatkan perkhidmatan yang digunakan oleh majoriti rakyat seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan parkir kenderaan. Bagi pengendali perkhidmatan logistik, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar enam peratus bagi meminimumkan sebarang impak apabila dijadikan sebagai perkhidmatan bercukai.

Namun begitu, kerajaan juga peka dan memberi perhatian ke atas beban tambahan kepada pengguna. Kerajaan akan memastikan apa-apa kesan daripada perubahan dasar cukai perkhidmatan tersebut hanya memberi kesan minima kepada peniaga dan pengguna.

Bagi golongan peniaga, kerajaan akan menyediakan beberapa kemudahan di bawah cukai perkhidmatan supaya cukai tersebut tidak akan menjadi kos kepada perniagaan. Selain itu, sistem kawalan diesel subsidi juga akan diperluaskan kepada sektor logistik.

Di pihak rakyat atau pengguna pula, kerajaan akan terus menjaga kebajikan rakyat dengan menyediakan pelbagai program bantuan. Antara lain seperti berikut:

- (i) Sumbangan Tunai Rakyat (STR). Satu inisiatif yang bertujuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup. Jumlah bayaran diberikan mengikut pendapatan isi rumah;
- (ii) Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Sumbangan tambahan kepada penerima STR berstatus miskin tegar mengikut data e-Kasih bagi membeli keperluan asas di kedai runcit terpilih. Bantuan sebanyak RM100 sebulan diberikan untuk tempoh 12 bulan.
- (iii) Program Jualan Rahmah menawarkan barangan keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah;
- (iv) Program Pasar Rahmah menawarkan insentif kepada pengusaha pasar borong, pasar malam dan pasar tani bagi mengurangkan kos perniagaan dan sekali gus dapat menurunkan harga jualan; dan
- (v) pemberian rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar.

Selain itu, program subsidi bersasar kepada pengguna juga akan diteruskan.

Sekiranya terdapat keperluan, bantuan sedia ada boleh diperkemas atau ditambah baik daripada masa-ke-semasa. Dijangka kutipan hasil adalah sebanyak RM3 bilion akan digunakan semula bagi tujuan pembangunan dan bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

Yang Berhormat Datuk- kawan baik saya, Dato' Senator Kesavadas. Walaupun dia tak ada di Dewan ini tetapi pendek sahaja jawapan dia. Saya akan berikan seterusnya. Terima kasih atas sokongan YB Senator ke atas cadangan pindaan pelepasan cukai individu tersebut. Ia menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam meningkatkan kesihatan rakyat.

Kerajaan menerima baik pandangan ini dan akan menambah baik struktur cukai pendapatan individu dan pelepasan bagi perbelanjaan perubatan daripada masa-ke-semasa sesuai dengan persekitaran ekonomi semasa. Data-data yang dipohon melibatkan anggaran individu yang akan menerima manfaat daripada pelaksanaan pemeriksaan kesihatan lengkap akan disediakan secara bertulis.

Kerajaan akan meneliti dan mengkaji cadangan YB Senator bagi memperluaskan rawatan perubatan untuk meliputi rawatan kesihatan pakar di mana-mana negara luar untuk mendapat pelepasan cukai. Bagi data individu pembayar cukai yang aktif daripada segmen M40 dan B40 yang aktif membayar premium insurans perubatan pada tahun 2019 sehingga 2020, data ini juga akan diberi secara bertulis. Bagi jumlah individu yang aktif yang

memanfaatkan insurans pula, Kementerian Kewangan akan menyemak dengan pihak Bank Negara Malaysia.

Terima kasih atas sokongan YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ke atas sokongan pindaan yang dicadangkan. Bagi GMT, Malaysia akan melaksanakan GMT di bawah *GloBE Rules* mulai tahun 2025 bagi memberikan masa kepada pihak industri untuk bersedia serta membolehkan kerajaan memantau kesan GMT kepada negara yang melaksanakannya pada tahun 2024.

Seterusnya untuk- yes, YB Senator Tuan Isaiah ada. Terima kasih atas sokongan YB. Untuk maklumat, OKU di bawah kategori B40 dan M40 layak menikmati rebat pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai kurang daripada RM35,000. Selain itu, sebarang perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas ke atas diri sendiri layak menuntut potongan cukai sehingga RM6,000 dan potongan cukai tambahan sebanyak RM6,000 sekiranya berdaftar dengan JKM sebagai OKU.

Sekiranya OKU daripada kumpulan B40, rata-ratanya tidak termasuk di bawah skop individu yang dikenakan cukai. Malah, terdapat banyak bantuan diberikan oleh kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah yang bertujuan membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, CKM iaitu cukai keuntungan modal yang diperkenalkan tidak melibatkan pembayar cukai individu dan dengan demikian, tidak akan membebankan golongan ini.

Seterusnya, YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail- ada? Tak ada- tak ada ya. Jadi, kita akan jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Senator.

Seterusnya, Senator Tuan Haji Abdul Nasir? Juga tidak ada ya. Sebab jawapan dia agak panjang, jadi kementerian saya juga akan menjawab secara bertulis.

Seterusnya, YB Senator Tuan Mohd Hasbie? Semua sudah pergi *lunch* ya?

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Dia orang sudah pergi *lunch*.

**Puan Lim Hui Ying:** Sudah pergi *lunch* ya. Baik, baik. Tak apa.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit. Okey, terima kasih. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pengenalan e-Invois ini adalah selari dengan aspirasi kerajaan untuk mendigitalisasikan perkhidmatan dan perniagaan. Kerjasama bersama pelbagai agensi akan diteruskan untuk mengatasi isu capaian internet. Pelaksanaan *e-Invois* akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut julat perniagaan tahunan. LHDNM secara aktif membuat sesi libat urus dengan semua industri mengenai proses pelaksanaan *e-Invois*. Kerajaan juga bersetuju agar tindakan tidak dikenakan secara melulu sekiranya terdapat peniaga yang gagal mengeluarkan *e-Invois*. Terima kasih.

Seterusnya, YB Senator Lim Pay Hen. Juga tidak ada. Okey.

Datuk Paul Igai? Okey, baik.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai penggunaan baharu atau mengembalikan semula cukai barang dan perkhidmatan. Memandangkan kerajaan berhasrat untuk menjalankan rasionalisasi subsidi pada tahun 2024, adalah wajar sebarang keputusan berhubung reformasi sistem cukai penggunaan ditangguhkan sehingga rasionalisasi subsidi itu dijalankan. Pendekatan ini bertujuan untuk menguruskan kestabilan kedudukan ekonomi Malaysia susulan langkah rasionalisasi subsidi.

Dalam menimbang sebarang keputusan untuk melaksanakan sebarang dasar percukaian terutamanya cukai kepenggunaan, kerajaan perlu melihat pelbagai aspek yang berasaskan keberkesanan, kecekapan, keadilan dan kemajuan serta kesederhanaan. Antaranya, struktur keseluruhan sistem percukaian negara sedia ada serta batasan yang ada.

#### ■1330

Ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan, kedudukan ekonomi semasa, keperluan hasil kerajaan serta taraf hidup rakyat secara keseluruhan dan yang paling mustahak iaitu kesediaan rakyat.

Dalam konteks ini, penetapan kadar cukai kepenggunaan juga perlu mengimbangkan keperluan rakyat agar tidak dibelenggu beban cukai yang berlebihan serta keperluan kerajaan untuk membina ruang fiskal yang mampan bagi memastikan kedudukan ekonomi negara terus stabil. Perkara ini penting bagi memastikan kemapanan fiskal negara untuk menyokong agenda pembangunan negara. Kerajaan akan terus mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi mengkaji aspek pembaharuan sistem percukaian termasuklah menambah baik cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang sedia ada.

Juga dari Yang Berhormat Datuk Paul Igai. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan akan memastikan LHDNM memberi keutamaan dalam memastikan data dalam sistem LHDNM sentiasa terjamin melalui pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT LHDNM dan Surat Pekeliling Am, Garis Panduan Pengurusan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan- *Cloud Computing* dalam Perkhidmatan Awam serta Dasar Pekeliling Garis Panduan Keselamatan ICT kerajaan yang berkuat kuasa.

Berkenaan dengan penggunaan *tax identification number* (TIN), penggunaan masih dilindungi dan berdasarkan keperluan perlindungan data, dasar-dasar dan objektif keselamatan dan *privacy data*. Sijil digital dikeluarkan berdasarkan *tax identification number* (TIN) dan maklumat tambahan pembayar cukai. Selain itu, sijil digital juga dikeluarkan oleh LHDNM bagi memastikan ketiadaan penafian ke atas *e-Invois* serta menjamin integriti dan ketulenan *e-Invois*.

Pihak LHDNM akan membentuk tadbir urus data- *data governance*, dengan izin, berdasarkan piawai industri, memastikan pemrosesan maklumat yang sensitif dengan

selamat dan mengikut peraturan dan membatasi akses kepada individu yang dibenarkan sahaja. Peruntukan akta semasa memberi ruang kepada pembayar cukai mengemukakan rayuan.

Berkenaan dengan Akta Petroleum, insentif cukai industri petroleum hulu telah disediakan untuk menarik minat pelabur dalam dan luar negara. Insentif ini dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan ia kekal relevan. *Black economy* akan terus wujud di mana-mana negara termasuk Malaysia. Inisiatif berterusan melalui aktiviti audit dan siasatan berdasarkan *Big Data* dan pertukaran maklumat akan terus dilaksanakan. Selain itu, kita juga melihat penambahbaikan pentadbiran cukai seperti *tax identification number* dan e-Invois dilaksanakan untuk mengurangkan jurang ketirisan hasil.

Juga sini saya ada lagi satu Yang Berhormat Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim. Yes, terima kasih. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pindaan yang dibuat ke atas seksyen 10,11, 19, 20c, 20i, 22 dan 65 Akta Cukai Pelancongan 2017, seksyen 11B, 13- banyak nombor. Seksyen 11B, 13, 23, 26, 39, 43, 82, 90 dan 96 Akta Cukai Jualan 2018 dan juga seksyen 13, 14, 17, 26, 26A, 38, 42, 56C, 75, 81 dan 91 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran percukaian terutamanya cukai tidak langsung.

Pada masa ini sebagai contoh, borang penyata nota kredit, nota debit perlu dibuat melalui ditetapkan ataupun *prescribed* melalui peraturan. Namun begitu, sekiranya terdapat pindaan yang perlu dibuat atas borang tersebut, maka ia akan melalui proses yang panjang di mana pindaan perlu dibuat ke atas peraturan dan diwartakan. Proses yang sama perlu diambil walaupun pindaan yang ingin dibuat adalah kecil sahaja.

Melalui cadangan pindaan ini, semua borang penyata nota kredit dan nota debit tidak perlu lagi ditetapkan dalam peraturan tetapi mencukupi melalui perintah Kastam. Ini akan memudahkan pentadbiran percukaian bukan sahaja di pihak JKDM tetapi juga peniaga.

Sesiapa lagi YB yang saya tidak jawab? Semua sudah jawab? Yes, YB Senator Datuk Razali bin Idris, kawan lama saya. Ada?

Mesti jawab. Ini tidak boleh *miss out*. Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, YB Senator Datuk Razali bin Idris, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Semula PITA 1967 (PITA 4WRD) yang sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak PETRONAS dan juga syarikat minyak dan gas antarabangsa bagi memastikan akta ini kekal relevan kepada industri petroleum hulu.

Kajian juga dibuat dengan melihat amalan percukaian terbaik di luar negara dan sudut hasil kepada negara. Berhubung isu wang ihsan, perkara ini di luar cadangan pindaan rang undang-undang ini dan akan dijawab secara berasingan.

Jadi di sini saya ingin minta ada sesiapa yang belum saya jawab? Yang tidak berada di Dewan ini kita akan jawab secara bertulis. Saya mengucapkan terima kasih kerana kali pertama saya jawab sebagai Timbalan Menteri Kewangan dan tiada seorang yang mencelah.

Banyak-banyak terima kasih dengan kerjasama semua. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih. Terima kasih Puan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Orang Sarawak kata *lihai* lah Timbalan Menteri Kewangan yang baru ini. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita sudah ada cukup bilang ya. Saya hitung tadi ada 19 orang dalam Dewan ini iaitu melebihi cukup bilang yang diperuntukkan di dalam Peraturan 12. Jadi, kita boleh meneruskan acara seterusnya iaitu untuk mempertimbangkan RUU ini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 142** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Puan Hajah Fuziah binti Salleh) dan diluluskan]*

■1340

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

1.42 tgh.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016 bagi memperkukuh rangka kerja rehabilitasi dan mekanisme penyelamat korporat serta meningkatkan ketelusan korporat

melalui pengukuhan rangka kerja pelaporan pemunya benefisial dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 melanda sejak...

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Tunggu dulu ya. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Puan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda sejak penghujung perkembangan ekonomi di Malaysia dan juga ekonomi global secara keseluruhannya. Sepanjang tahun 2020... Maaf ya saya baca semula.

Pandemik COVID-19 yang melanda sejak penghujung 2019 telah memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan ekonomi di Malaysia dan juga ekonomi global secara keseluruhannya. Sepanjang tahun 2020 dan sehingga kini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu sektor korporat di Malaysia untuk menangani kesan negatif pandemik COVID-19 seperti menaikkan amaun keterhutangan syarikat daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan memberikan pengurangan kompaun.

Pihak KPNDN juga mencadangkan pindaan kepada Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] bagi memastikan kerangka perundangan yang lebih kukuh dapat ditawarkan kepada sektor korporat untuk tempoh jangka masa panjang dengan menambah baik lagi perundangan sedia ada berkaitan peruntukan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Selain itu, KPNDN juga berhasrat untuk menambah baik kerangka pelaporan pemunya benefisial dengan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat antarabangsa dalam memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

Untuk makluman, kedudukan Malaysia berhubung aktiviti-aktiviti tersebut sedang dan akan dinilai oleh pelbagai badan antarabangsa seperti *Financial Action Task Force* (FATF). Penilaian yang akan dijalankan oleh FATF ke atas Malaysia akan dimulakan seawal tahun 2024 di mana keberkesanan penguatkuasaan dan tindakan undang-undang berkaitan antipengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan perlu dibuktikan.

Puan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta 777 bagi tujuan utama yang berikut:

- (vi) pengukuhan kerangka berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan; dan



- (vii) pengukuhan polisi berhubung kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang komprehensif.

Untuk makluman Dewan yang mulia, rang undang-undang ini juga telah diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian pada 24 Oktober 2023. Melalui penyata bertarikh 8 November 2023, jawatankuasa ini telah memberikan sokongan dan mengesyorkan agar rang undang-undang ini dibentangkan untuk kelulusan Parlimen.

Puan Yang di-Pertua, sejak peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta 777 mula dikuatkuasakan pada 1 Mac 2018, SSM telah menerima pelbagai pandangan dan cadangan daripada pihak industri, badan kawal selia serta badan-badan profesional untuk mengkaji semula skop pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu proses perkiraan sukarela korporat ataupun *corporate voluntary arrangement* dengan izin, dan pengurusan kehakiman- *judicial management*, dengan izin, serta penambahbaikan peruntukan berkaitan skim perkiraan dan kompromi- *scheme of arrangement and compromise*, dengan izin selaras dengan perkembangan perundangan di peringkat antarabangsa.

Buat masa ini, pemakaian perkiraan sukarela korporat hanya terhad kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian terhadap mana-mana asetnya. Kekangan ini menyebabkan peruntukan sedia ada tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan syarikat termasuk syarikat awam. Melalui rang undang-undang ini, skop pemakaian perkiraan sukarela korporat dicadangkan untuk diperluaskan kepada semua syarikat termasuk syarikat awam tanpa mengambil kira sama ada syarikat tersebut mempunyai gadaian terhadap mana-mana asetnya.

Ini kerana hak pemiutang bercagar adalah tetap terjamin kerana perkiraan sukarela korporat tidak boleh diteruskan tanpa persetujuan pemiutang bercagar. Cadangan peluasan ini membolehkan lebih banyak syarikat dapat memanfaatkan mekanisme ini melalui rundingan luar mahkamah dan seterusnya dapat mengurangkan kos perundangan.

Selain itu, rang undang-undang ini juga turut mencadangkan supaya pemakaian pengurusan kehakiman diperluaskan kepada semua syarikat awam termasuk syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Peluasan pemakaian pengurusan kehakiman akan memberikan peluang kepada mana-mana syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk meneroka mekanisme penyelamat yang bersesuaian dengan situasi masing-masing.

Walaupun rang undang-undang ini mencadangkan peluasan pemakaian kedua-dua mekanisme penyelamat korporat kepada semua syarikat, namun pemakaian tersebut adalah dikecualikan bagi mana-mana syarikat yang dilesenkan di bawah Bank Negara Malaysia atau syarikat yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia- *Securities Commission*. Ini

kerana syarikat-syarikat tersebut perlu mematuhi prosedur pelaporan tadbir urus serta polisi kewangan yang spesifik yang dikawal selia sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia atau *Securities Commission* sekiranya syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan.

Puan Yang di-Pertua, pihak KPDN juga berpandangan bahawa syarikat yang menghadapi masalah kewangan perlu diberikan pilihan untuk memulihkan syarikat menggunakan peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi. Oleh yang demikian, peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi perlu diperkukuhkan supaya setanding dengan kerangka perundangan di negara-negara maju termasuk United Kingdom, Singapura dan Amerika Syarikat.

Pemakaian skim perkiraan atau kompromi untuk proses rehabilitasi syarikat dilihat menjadi pilihan utama oleh syarikat yang menghadapi masalah kewangan kerana syarikat masih di bawah kawalan pihak pengurusan syarikat tersebut. Sehubungan ini, penambahbaikan kerangka perundangan yang membantu pihak pengurusan untuk terus menjalankan operasi perniagaan adalah penting bagi menjayakan pelan rehabilitasi yang dicadangkan.

#### ■1350

Antara pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan prosedur yang lebih efisien bagi membolehkan syarikat mendapatkan perintah halangan sebagai perlindungan daripada tindakan penggulungan atau perundangan oleh pemiutang;
- (ii) keperluan untuk melantik pengamal insolvensi bagi memastikan kejayaan skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan;
- (iii) memberikan kuasa kepada mahkamah untuk meluluskan skim perkiraan atau kompromi dengan memastikan hak-hak pemiutang minoriti tidak diprejudiskan;
- (iv) membolehkan syarikat yang telah memasuki skim perkiraan atau kompromi mendapatkan pembiayaan penyelamat- *rescue financing* dengan izin, serta memberikan perlindungan kewangan terhadap pembiaya tersebut sekiranya skim tersebut gagal dan syarikat digulung; dan
- (v) mengukuhkan hak pemiutang untuk memohon perintah supaya menghalang syarikat daripada melupuskan harta sewenang-wenangnya dan memohon kepada mahkamah untuk menyemak tindakan yang telah diambil oleh syarikat sekiranya pelanggaran terhadap terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam skim perkiraan atau kompromi tersebut.

Rang undang-undang ini turut mencadangkan supaya syarikat yang telah diberikan perintah pengurusan kehakiman boleh mendapatkan pembiayaan penyelamat- *rescue financing* dan juga turut memberi keutamaan khas sebagai langkah perlindungan terhadap pembiaya tersebut sekiranya syarikat digulung. Cadangan ini bertujuan untuk melengkapi kerangka sedia ada bagi membolehkan syarikat mendapatkan dana tambahan dalam tempoh rehabilitasi sekiranya diperlukan.

Rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya mana-mana syarikat yang memasuki proses rehabilitasi termasuk skim perkiraan atau kompromi, pengurusan kehakiman ataupun perkiraan sukarela korporat diberi perlindungan perundangan untuk terus mendapatkan bekalan perkhidmatan atau barangan yang perlu- *supply of essential goods and services*, dengan izin, untuk memastikan syarikat boleh terus beroperasi dan tidak terhalang oleh mana-mana terma yang memperuntukkan sebaliknya yang mungkin terkandung dalam kontrak.

Inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi akan memberi implikasi persekitaran korporat serta perundangan yang positif bagi memastikan syarikat yang berdaya maju diberikan ruang yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus beroperasi terutamanya dalam fasa pemulihan pandemik COVID-19. Justeru, tindakan penggulangan akan hanya menjadi pilihan terakhir setelah syarikat mengambil peluang berusaha untuk memulihkan operasi perniagaan melalui skim perkiraan atau kompromi, perkiraan sukarela korporat atau pengurusan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 56, Akta 777 telah memperkenalkan kerangka pelaporan benefisial di mana syarikat dikehendaki mendapatkan maklumat pemunya benefisial, merekodkan serta melaporkan maklumat tersebut kepada pendaftar. Namun demikian, terdapat keperluan untuk menambah baik kerangka pelaporan tersebut kerana terdapat jurang perundangan yang perlu diatasi supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa.

Sehubungan itu, rang undang-undang ini mencadangkan pindaan-pindaan seperti yang berikut:

- (vi) memberikan definisi “pemunya benefisial” dari perspektif pemunyaan *share* atau kawalan ke atas pengurusan syarikat;
- (vii) mewajibkan syarikat untuk menyimpan daftar pemunya benefisial serta keperluan mengemas kini daftar tersebut;
- (viii) menjelaskan kewajipan pelaporan pemunyaan benefisial kepada pendaftar melalui serah simpan penyata tahunan syarikat serta pengemaskinian maklumat pemunya benefisial apabila terdapat perubahan;

- (ix) menjelaskan obligasi mana-mana orang untuk memaklumkan syarikat sekiranya mereka merupakan pemunya benefisial; dan
- (x) memberikan kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menentukan kategori syarikat yang tidak perlu membuat pelaporan di bawah Akta 777 kerana tertakluk kepada perundangan lain yang serupa serta pihak yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemunya benefisial tersebut

Penambahbaikan yang dicadangkan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan SSM dan akan membantu agensi penguat kuasa dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan polisi yang menyokong pelaksanaan tadbir urus syarikat yang lebih mampan juga adalah penting bagi memastikan terdapat tahap pematuhan yang tinggi di kalangan syarikat. Antara pindaan penting yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

- (viii) pindaan am supaya laman web SSM boleh digunakan untuk menerbitkan maklumat sebagai media alternatif kepada kehendak perundangan untuk diterbitkan dalam akhbar. Pindaan ini bersifat fasilitatif untuk mengatasi isu praktikal di mana tiada lagi surat khabar yang mempunyai edaran meluas ke seluruh Malaysia dan untuk mengurangkan kos pengiklanan; dan
- (ix) pindaan ke atas seksyen 264, Akta 777 berkaitan pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan suami atau isteri dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang akan diaudit oleh firma juruaudit tersebut. Dalam konteks ini, pindaan dicadangkan supaya Pendaftar diberikan kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan prinsip kebebasan juruaudit ataupun *auditors independence*, dengan izin, tetap terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mencadangkan 31 perkara pindaan, termasuk satu jadual kepada Akta 777. Antara cadangan pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi “tajuk ringkas” dan “tarikh permulaan kuat kuasa” akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif “pemunya benefisial” dalam seksyen 2 Akta 777. Pindaan ini menekankan bahawa pemunya benefisial mungkin wujud dalam situasi pemilikan syer dan syarikat.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan penggal 8A baharu yang memperlihatkan pemunyaan benefisial sesuatu syarikat seperti berikut:

- (i) seksyen 60A bertujuan untuk meletakkan kriteria asas bagi mengenal pasti pemunya benefisial sesebuah syarikat;
- (ii) seksyen 60B bertujuan untuk mewajibkan syarikat menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunya benefisial dan menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan dengan pendaftar. Hanya orang atau golongan orang yang ditetapkan oleh Menteri termasuk agensi penguat kuasa undang-undang dan pihak berkuasa berwibawa boleh mengakses daftar pemunya benefisial sesebuah syarikat dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan;
- (iii) seksyen 60C bertujuan untuk memberi kuasa kepada syarikat untuk mendapatkan maklumat pemunya benefisialnya atau mengesahkan ketepatan maklumat tersebut, manakala;
- (iv) seksyen 60D bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas pemunya benefisial untuk memaklumkan syarikat apabila dia menjadi pemunya benefisial atau jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat; dan
- (v) seksyen 60E memperuntukkan bahawa penggal 8A baharu terpakai kepada semua syarikat kecuali kelas syarikat tertentu yang mempunyai kewajipan serupa untuk melaporkan pemunyaan benefisial di bawah undang-undang bertulis lain

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 68 untuk menghendaki syarikat menyerah simpan kepada pendaftar, butir-butir pemunyaan benefisial syarikat itu dalam penyata tahunan.

Fasal 5 pula bertujuan untuk meminda subseksyen 152(2) untuk menjadikan peruntukan itu selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 258(1A) untuk memberi kuasa kepada pendaftar untuk melanjutkan masa bagi pendedaran penyata kewangan dan laporan berkaitan atas permohonan oleh syarikat persendirian.

Fasal 7 pula bertujuan untuk memasukkan subseksyen 264(4A) dan 264(4B) seperti berikut:

- (x) subseksyen 264(4A) bertujuan untuk menjelaskan bahawa Juruaudit dan firma audit tidak dihalang daripada bertindak bagi syarikat

semata-mata kerana rakan kongsi firma itu ialah pasangan kepada pegawai syarikat itu; dan

- (xi) subseksyen 264(4B) bertujuan untuk memberi kuasa kepada pendaftar untuk mengeluarkan garis panduan dalam menilai kebebasan juru audit dan firma audit.

Fasal 8 pula bertujuan untuk meminda seksyen 365 untuk mengadakan peruntukan bagi takrif syarikat berkaitan dan syarikat subjek berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi.

#### ■1400

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 366 seperti berikut:

- (xi) subseksyen 366(1) dipinda untuk menjelaskan pihak-pihak yang boleh memohon kepada mahkamah untuk kelulusan skim perkiraan atau kompromi; dan
- (xii) subseksyen 366(2A) memperuntukkan bahawa semua mesyuarat yang diadakan di bawah seksyen 366 hendaklah dipengerusikan sama ada oleh pengamal insolvensi atau seseorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pemiutang atau anggota.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 367 untuk menjelaskan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan termasuk kewajipan saraan dan hak akses kepada semua rekod syarikat.

Fasal 18 pula bertujuan untuk meminda subseksyen 368(1) dan 368(2) dan memasukkan subseksyen baharu iaitu 368(1A), (3A) dan (3B) seperti berikut. Pindaan subseksyen 368(1) dan 368(2) bertujuan untuk menjelaskan proses sedia ada permohonan perintah halangan.

Syarikat boleh mendapatkan perintah halangan tidak melebihi tiga bulan daripada tarikh perintah halangan itu diberikan dan lanjutan tidak lebih daripada sembilan bulan jika ia memenuhi keperluan di bawah subseksyen 368(2). Sepanjang tempoh moratorium tiada tindakan dan prosiding boleh dimulakan atau diteruskan melainkan dengan keizinan mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh mahkamah.

Subseksyen baharu 368(1A) memperkenalkan tempoh moratorium tidak lebih daripada dua bulan yang berkuat kuasa apabila memfailkan permohonan untuk perintah halangan dan bagi mengelakkan penyalahgunaan proses yang mungkin menjejaskan hak anggota dan pemiutang.

Subseksyen baharu 368(3B) menjelaskan bahawa tiada perintah halangan boleh diberikan kepada syarikat jika perintah di bawah seksyen 368B, 368D atau 396C telah

diberikan kepada syarikat atau perintah di bawah 368A telah diberikan kepada syarikat berkaitannya dalam tempoh 12 bulan sebelumnya.

Fasal 12 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baharu iaitu 368A, 368B, 368C dan 368D untuk memudahkan skim perkiraan atau kompromi bagi kumpulan syarikat berkaitan seperti berikut:

- (xiii) seksyen baharu 368A bertujuan untuk membenarkan syarikat berkaitan memohon perintah halangan jika ia memainkan peranan penting dalam skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan;
- (xiv) seksyen baharu 368B memperkenalkan pembiayaan penyelamat untuk syarikat dalam satu skim perkiraan atau kompromi dan pembiayaan penyelamat diberikan keutamaan lebih tinggi sekiranya berlaku penggulungan;
- (xv) seksyen baharu 368C bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menghalang pelupusan hartanah apabila syarikat berada di bawah perintah halangan; dan
- (xvi) seksyen baharu 368D bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan persetujuan kelas pemiutang atau *cram down*, dengan izin, dan berpuas hati bahawa pemiutang yang menentang ataupun *dissenting creditors*, dengan izin, tidak terjejas apabila meluluskan skim perkiraan atau kompromi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D seperti berikut:

- (xii) seksyen 369A bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan mesyuarat lain untuk mengundi semula skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu;
- (xiii) seksyen 369B bertujuan untuk memperuntukkan keperluan pemiutang mengemukakan bukti hutang bagi membolehkan mereka mengundi dalam mesyuarat untuk mempertimbangkan cadangan skim perkiraan atau kompromi;
- (xiv) seksyen 369C bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah untuk meluluskan skim perkiraan atau kompromi yang dicadangkan walaupun tanpa mesyuarat pemiutang dengan syarat mahkamah berpuas hati bahawa pemiutang akan bersetuju dengan skim tersebut sekiranya mesyuarat pemiutang itu diadakan; dan

- (xv) seksyen 369D bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memperjelaskan terma skim perkiraan atau kompromi yang telah diluluskan atas permohonan oleh mana-mana syarikat atau pemiutang yang terikat dengan skim itu.

Fasal 14 pula bertujuan untuk meminda seksyen 395 dengan meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua syarikat termasuk syarikat yang mewujudkan gadaian ke atas harta atau aku janjinya kecuali bagi syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan syarikat yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ataupun Akta 671 dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ataupun Akta 453.

Fasal 15 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 398A untuk membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar semasa tempoh moratorium perkiraan sukarela korporat.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda perenggan 403(b) untuk menjelaskan bahawa pengurusan kehakiman boleh digunakan oleh semua syarikat termasuk syarikat senaraian awam kecuali bagi syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan syarikat yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Perindustrian Sekuriti 1991.

Fasal 17 bertujuan untuk memindah subseksyen baharu 406(1) dan (2) untuk menjelaskan bahawa perintah pengurusan kehakiman kini boleh dilanjutkan untuk tempoh enam bulan atau lebih lama supaya perintah pengurusan kehakiman yang diluluskan boleh diteruskan melebihi 12 bulan.

Fasal 18 pula bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 411(5) untuk membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar di bawah keadaan tertentu semasa perintah pengurusan kehakiman masih berkuat kuasa.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 415A untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan penghakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat dan pembiayaan penyelamat itu diberi kedudukan keutamaan yang lebih tinggi sekiranya berlaku penggulungan.

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan Penggal 9 baharu dan seksyen baharu 430A untuk menangani fasal berkaitan insolvensi di bawah mana-mana kontrak untuk pembekalan barang dan perkhidmatan yang perlu untuk menyokong operasi syarikat yang melaksanakan skim perkiraan atau kompromi, perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 433(4D) dan (4E) untuk mengehendaki penyelesaian yang diluluskan memaklumkan maklumat mereka kepada pendaftar.



Fasal 22 bertujuan untuk menjelaskan bahawa permulaan penggulungan ialah tarikh perintah penggulungan. Ini selaras dengan subseksyen 467(2).

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 562(1)(fa) untuk mengehendaki syarikat asing memberikan maklumat pemunyaan benefisial kepada pendaftar pada masa pendaftaran.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 567(1)(fa) untuk mengehendaki syarikat asing menyerah simpan kepada pendaftar mengenai apa-apa perubahan atau pindaan kepada status syarikat asing itu.

Manakala fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 573A untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial juga terpakai kepada semua syarikat asing.

Manakala fasal 26 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu iaitu 576(2)(ha) dan (hb) untuk mengehendaki syarikat asing menyerah simpan butir-butir pemunyaan benefisial syarikat asing itu kepada pendaftar dalam penyata tahunan.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 612A untuk memperuntukkan bahawa laman sesawang SSM boleh digunakan untuk menyiarkan maklumat yang sebaliknya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar.

#### ■1410

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 612A untuk memperuntukkan bahawa laman sesawang SSM boleh digunakan untuk menyiarkan maklumat yang sebaliknya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar.

Fasal 29 bertujuan untuk memasukkan perenggan 613(1)(aa)(ba) untuk menyatakan mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk membuat peraturan bagi dan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan capaian maklumat pemunyaan benefisial juga berkaitan dengan skim perkiraan atau kompromi, perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, pembubaran dan penerimaan.

Puan Yang di-Pertua, fasal 30 pula bertujuan untuk memasukkan Jadual Kesembilan A yang baharu yang menyenaraikan barang dan perkhidmatan yang perlu yang dinyatakan di bawah seksyen 430A Akta 777 dan akhir sekali fasal 31 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian. Puan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Tahun 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai sembilan orang Ahli yang hendak berbahas, maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan 5 minit seorang.

Jadi saya mempersilakan pembahas kita yang pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Dipersilakan, Yang Berhormat.

#### 4.12 ptg.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang pelantikan pengamal insolvensi yang digariskan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya berpandangan bahawa peranan pengamal insolvensi yang diperuntukkan di bawah seksyen 367 amat signifikan terhadap kelangsungan sesebuah syarikat. Peranan tersebut secara langsung dapat membantu mana-mana syarikat untuk keluar daripada senario kegawatan perniagaan ataupun yang disebut sebagai kompromi.

Oleh sebab itu, seseorang pengamal insolvensi yang dilantik perlu mempunyai nilai kredibiliti serta etika profesionalisme yang tinggi dalam aspek penilaian risiko kewangan-*financial risk assessment*. Tanpa kedua-dua kualiti tersebut, syarikat yang mempertanggungjawabkan pengamal insolvensi tersebut akan berdepan dengan kesukaran untuk mendapatkan penyelesaian berperingkat khususnya yang melibatkan urusan dengan pemiutang.

Merujuk kepada peruntukan subseksyen 2, pengamal insolvensi mempunyai tanggungjawab untuk membentangkan laporan penilaian terhadap pelaksanaan kompromi kepada pihak pemiutang. Penyediaan laporan tersebut perlu melibatkan kerjasama profesional yang tinggi antara syarikat dengan pengamal insolvensi di mana pihak syarikat perlu menyediakan sebarang maklumat yang boleh menjadikan kajian penilaian terhadap pelaksanaan kompromi dapat dibuat mengikut aturan yang ditetapkan.

Saya mengandaikan bahawa sekiranya pengamal insolvensi terlibat dalam kes perintah sekatan yang melibatkan kumpulan Syarikat Sapura Energy Berhad, proses penyelesaian kompromi lebih cenderung untuk menjadi lebih lancar dan efisien. Sebagai konteks, syarikat minyak dan gas tersebut telah mendapatkan perlanjutan perintah sekatan dari Mahkamah Tinggi Malaya bermula dari 11 Jun 2023 hingga 10 Mac 2024 iaitu selama sembilan bulan mengikut peruntukan seksyen 368(2) [Akta 777].

Berdasarkan kronologi perintah halangan telah mula dikeluarkan oleh mahkamah pada 8 Mac 2023 yang luput pada 11 Jun 2023, perintah halangan tersebut merupakan satu bentuk budi bicara mahkamah di bawah kuasanya untuk memberi ruang kepada Sapura Energy dan 22- anak buah syarikatnya untuk melaksanakan penstrukturan semula hutang atau kompromi bersama pihak pemiutang. Menerusi perintah tersebut, setiap anak syarikat

Sapura Energy boleh memanggil pihak pemiutang untuk bermesyuarat. Mesyuarat tersebut bertindak sebagai platform untuk mendapatkan pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak pemiutang terhadap keluasan kompromi yang berupaya menyelaraskan semula hutang-hutang syarikat.

Berdasarkan kajian kes tersebut dengan mengandaikan penglibatan pengamal insolvensi sebagai pihak penilaian kompromi, saya dapat menyimpulkan bahawa:

- (i) perintah halangan yang dikeluarkan oleh mahkamah dapat mengelakkan sesebuah syarikat yang bermasalah daripada dikenakan tindakan litigasi menerusi penyelesaian dua hala yang dicapai bersama pihak pemiutang bersandarkan laporan boleh laksana kompromi;
- (ii) lanjutan bagi perintah halangan yang diberikan kepada sesebuah syarikat penting dalam memutuskan skim kompromi yang dicadangkan dengan setiap pihak pemiutang menerusi pengesyoran yang dikemukakan dalam laporan kemajuan kompromi oleh pengamal insolvensi kepada mahkamah;
- (iii) sesebuah syarikat serta anak-anak syarikatnya akan didorong untuk mencapai kemajuan penyelesaian kompromi dengan lebih konstruktif menerusi mesyuarat yang diarahkan oleh mahkamah seperti yang digariskan di dalam pindaan seksyen 366(1) rang undang-undang ini.

Bagi kes Sapura Energy tersebut, saya difahamkan bahawa mesyuarat telah dijadualkan pada penghujung Oktober lalu seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura Energy. Berkenaan dengan mesyuarat tersebut jika ia telah diadakan, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan dapatan daripada mesyuarat tersebut untuk perhatian serta pemahaman Dewan yang mulia ini.

Terakhir, saya mengharapkan agar pindaan Akta 777 ini akan dapat meredakan krisis atau kemelut tunggakan hutang perniagaan yang dialami oleh syarikat-syarikat tempatan. Sedikit sebanyak proses penyelesaian yang melibatkan budi bicara mahkamah dan pertimbangan terhadap kompromi oleh pemiutang dapat mendorong perjalanan semula satu-satu operasi perniagaan yang tergendala akibat masalah kewangan.

Paling penting, setiap penyelesaian yang dicapai secara dua hala bersama pihak pemiutang berupaya mempertahankan kelangsungan sumber manusia yang merupakan watak penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Puan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya untuk Rang Undang-undang Syarikat 2023. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Saya akan melangkaui kepada pembahas nombor 7 kerana yang telah memberikan nama terdahulu dalam senarai belum berada di dalam Dewan ini, jadi saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Dipersilakan, Yang Berhormat.

### 2.38 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Dewan Rakyat 33/2023 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016. Jadi, apa yang saya ingin perkatikan dalam undang-undang ini ataupun rang undang-undang ini merupakan sesuatu pembaikan yang dibuat ke atas Akta Syarikat 2016.

Apa yang saya ingin tekankan di sini adalah untuk mengenal pasti pemunya benefisial di dalam sesuatu syarikat itu kerana banyak perkara yang kita melihat di dalam amalan di luar sana di mana Akta Syarikat ini di mana syarikat-syarikat banyak menggunakan anak-anak syarikat dan contohnya sesuatu yang apabila kita melihat siapakah *investor* ataupun yang ada syer di dalam sesuatu syarikat itu kadang-kadang kita akan sampai tiga bahkan sampai sepuluh untuk anak-anak syarikat yang kita cari.

Sehingga ini memberikan kos tambahan kepada penyiasat dan siapa-siapa yang ingin mengetahui siapakah sebenarnya yang benefisial terhadap sesuatu syarikat.

#### ■1420

Jadi, ini sesuatu yang sangat menyukarkan terutamanya apabila pihak berkuasa untuk melihat siapakah sebenarnya benefisial dalam sesuatu syarikat itu. Ini kerana ada perkara yang dilakukan oleh orang-orang tertentu di mana mereka memperkudakan orang-orang tertentu kononnya yang memiliki syarikat itu, tetapi yang sebenar-benarnya pemilik syarikat itu adalah orang yang tertentu.

Jadi, ini sesuatu perkara yang perlu kita tangani dengan sebaik mungkin supaya bagaimanakah kerajaan berusaha, boleh untuk menyiasat ataupun mendapat benefisial sebenar dalam tanda kutip kerana banyak orang yang mampu, mereka mampu membeli ataupun mampu menaja seseorang untuk membuat syarikat sendiri dan akhirnya orang itu dikambinghitamkan. Jadi, saya sangat menyokong rang undang-undang ini untuk memperbaiki situasi di mana undang-undang syarikat kita akan diperbaiki.

Satu lagi isu yang biasa kita lihat Tuan Yang di-Pertua adalah di mana apabila seseorang ingin menubuhkan syarikat- mereka cuba, berjaya menubuhkan syarikat tetapi mereka tidak berjaya untuk melaksanakan perniagaan sehinggalah mereka pun tidak tahu macam mana hendak ambil *auditor* mahal dan meneruskan juga mereka tak berapa mampu, tetapi apabila keadaan begitu berterusan bertahun-tahun sehingga mereka menjadi- di-*blacklist* di SSM dan malah mereka ini akan didenda sedangkan hasil tidak ada, tetapi denda dan hukuman mereka jauh melampaui hasil ataupun *business* mereka.

Ini juga perlu dilihat supaya orang-orang yang memang sebenarnya mereka tidak mampu di dalam mengendalikan syarikat ataupun *enterprise* ini perlu dilihat jangan kita terlalu menekankan mereka sehingga mereka dihukum sehingga berpuluh ribu sedangkan hasil mereka pun hanya ratusan atau tidak dapat hasil langsung dalam hal menubuhkan syarikat ini. Mesti mereka diberi satu- jalan keluar daripada- apabila berjaya masuk, tetapi mereka tidak berjaya di dalam *business*. Apabila mereka tak berjaya, sepatutnyalah buatlah undang-undang yang boleh melepaskan mereka dengan- kerana mereka ini saya percaya mereka tidak manipulasikan keadaan, mereka tidak cuba menipu pihak kerajaan, tetapi mereka memang tidak mampu di dalam berniaga.

Justeru itu, ini yang ingin saya kemukakan kepada pihak kerajaan supaya berhati-hati dalam keadaan begini, adil dalam keadaan begini di mana orang yang manipulasi pun ada, yang teraniaya pun ada. Jadi, justeru itu saya menyokong rang undang-undang ini. Saya ucapkan terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Abun Sui.

Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

## 2.23 ptg.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang dasar memperkukuhkan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ataupun *beneficial ownership*.

Pada zaman dulu-dulu pemilik saham syarikat ini diberi perlindungan yang begitu ketat oleh undang-undang syarikat sehingga lahirnya satu prinsip undang-undang korporat yang dibincangkan begitu mendalam dalam kes *Salomon vs Salomon* yang menjadi *tried law*, dengan izin, iaitu pemilik saham boleh berselindung di sebalik tadbir korporat atau *corporate veil*, dengan izin, itu tidak boleh diangkat ataupun *lifted* untuk mendedahkan siapa pemilik saham dan pengarah melainkan ada *fraud* ataupun penipuan boleh terbukti telah dilakukan oleh pemilik saham syarikat.

Prinsip undang-undang ini wujud untuk melindungi syarikat di mana pemilik saham yang asetya diambil tindakan undang-undang oleh bank ataupun pemiutang dan jika ini berlaku, bank tersebut tidak boleh mengambil harta syarikat sebab tuan punya harta syarikat tersebut dan bukan pemilik saham ertinya mereka iaitu dua entiti yang berbeza.

Justeru pertimbangan berkenaan dengan persoalan siapa yang diberi akses kepada *register* pemunya benefisial ini adalah suatu yang penting. Oleh sebab jika akses diberi kepada institusi kewangan misalannya, risikonya dapat disalah tafsirkan sebagai membenarkan pemiutang kepada pemunya benefisial tersebut menyita harta syarikat iaitu *lifting the corporate veil*, dengan izin, seolah-olah ini dibenarkan.

Prinsip *separate legal entity* ini satu yang suci, *sacrosant* dalam undang-undang syarikat dan hendaklah wujud perlindungan yang cukup bagi melindungi syarikat dan pekerjaanya daripada sebarang liabiliti perseorangan pemunyaan benefisial.

Untuk kes-kes yang melibatkan jenayah pula seperti penggubalan wang haram, *tax evasion*, pembiayaan keganasan pemerdagangan- *human trafficking* dengan izin, dan aktiviti haram lain. *Register* pemunya benefisial ini memang diperlukan dan penting dalam membanteras jenayah tersebut. Oleh sebab umum tahu penjenayah lazimnya berselindung di sebalik *corporate veil* syarikat. Ini bererti Puan Yang di-Pertua, persoalan tentang- apa keperluan untuk mahu menggunakan maklumat dalam *register* pemunya benefisial itu adalah sesuatu yang penting. Oleh sebab ini akan menjawab siapa yang boleh diberi akses kepada *register* pemunya benefisial. Kalau ia untuk menyiasat jenayah, agensi seperti polis, LHDN, SPRM, kastam, imigresen seharusnya diberi akses untuk tujuan penyiasatan.

Kalau untuk tindakan sivil dan komersial yang tidak melibatkan penipuan, saya rasa pihak yang mahu membuat tindakan ini mungkin ini tidak begitu wajar dibolehkan, tetapi kita juga perlu ingat bahawa penjenayah ini sangat canggih sekarang dan pelbagai instrumen kontrak dan banyak cara mereka untuk mengelakkan nama daripada dimasukkan dalam *register* pemunya benefisial. Jenayah tetap ada modus operandi untuk menghalang dari diketahui pihak berkuasa. Tambahan kalau penguat kuasa kita masih lemah untuk menghalang jenayah seperti penggubalan wang haram dan sebagainya. Kita masih dapat disenarai hitam juga dalam- oleh badan antarabangsa.

Soalan saya, adakah kementerian akan mengeluarkan garis panduan atau undang-undang subsidiari tentang keadaan di mana seorang itu dianggap sebagai pemunya benefisial.

Kedua, siapakah akan dapat akses kepada *register* pemunya benefisial ini?

Ketiga, sejauh mana keberkesanan *info register* pemunya benefisial ini dalam membantu Malaysia dalam membanteras jenayah seperti penggubalan wang haram.

Akhirnya saya juga menyambut baik dasar yang lain seperti skim pengiraan dan kompromi yang memberi peluang kepada syarikat yang menghadapi masalah supaya terus tidak terus gulung dan lingkup. Jadi, sekian sahaja dengan itu saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat dan selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

**2.28 ptg.**

**Datuk Haji Aziz bin Ariffin:** *Assalamualaikum warahmatullah*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri serta kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang telah

membentangkan satu rang undang-undang yang saya kira sangat penting bagi membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah terutama dalam bentuk kewangan ataupun dana.

Pertama sekali saya tertarik untuk menyentuh perkara di bawah fasal 14 iaitu pemakaian mekanisme perkiraan sukarela korporat atau, dengan izin, *corporate voluntary agreement* (CVA) diperluas kepada semua syarikat termasuk syarikat awam. Manakala pindaan fasal 16 yang bertujuan agar pengurusan kehakiman atau *judicial management* (JM) diperluas kepada semua syarikat termasuk syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

#### ■1430

Polisi semasa CVA yang terhad kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas kos mana-mana asetnya. Peruntukan yang sedia ada ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan termasuk syarikat-syarikat awam. Pindaan ini dibuat untuk memastikan hak pemiutang bercagar terjamin serta membolehkan lebih banyak syarikat dapat memanfaatkan melalui rundingan luar mahkamah. Secara tidak langsung dapat mengurangkan kos perundangan. Ketika krisis mekanisme ini mampu menjadi pemudah cara proses dengan lebih cepat bagi mengurangkan risiko terhadap syarikat yang bermasalah dan sudah pastinya mekanisme ini juga dapat mengelakkan sistem mahkamah menjadi terlalu sesak.

Datuk Yang di-Pertua, berdasarkan Laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara pada 2020, kadar penggunaan mekanisme penyelamat CVA yang dibenarkan mahkamah telah pun mencatat peningkatan yang ketara apabila lebih banyak peminjam memohon bantuan penyelesaian disebabkan oleh ketidakpastian tempoh pandemik. Jumlah syarikat yang “*gulung tikar*” sepanjang tempoh pandemik COVID-19 pula sebanyak 1,246 kes dan sebanyak 37,415 orang usahawan terpaksa “*gulung tikar*” iaitu 26,007 daripadanya iaitu usahawan mikro. Manakala, bakinya 2,738 iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Persoalannya di sini, sejauh mana perancangan pihak kementerian bagi memperluaskan tawaran CVA ini terhadap masyarakat umum yang terdiri daripada kalangan peniaga kecil mahupun sederhana yang sebenarnya tidak tahu kewujudan inisiatif CVA ini apatah lagi fungsinya. Berikutnya, saya juga mendapatkan kepastian, sejauh mana keberkesanan CVA dalam melindungi dan menjaga hak penghutang khususnya, terhadap syarikat-syarikat kecil yang berdaftar.

Datuk Yang di-Pertua, mekanisme CVA jauh berbeza dengan mekanisme pengurusan kehakiman JM yang sepenuhnya di bawah pengawasan mahkamah dengan memberikan tempoh moratorium sehingga enam bulan bagi melindungi syarikat daripada tindakan undang-undang termasuk perintah penggulungan. Mekanisme pengurusan kehakiman mampu memberikan ruang dan peluang terhadap pihak syarikat yang menghadapi masalah

kewangan untuk mencari mekanisme penyelamat bersesuaian dengan situasi yang dihadapi oleh mereka.

Justeru itu, persoalan saya. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan syarikat-syarikat ini tidak mengambil kesempatan dan menyalahgunakan mekanisme ini untuk lari daripada penstrukturan semula hutang mereka? Saya juga ingin memohon kepada pihak kerajaan, untuk mendedahkan senarai jumlah industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia yang telah mendapat manfaat daripada pemakaian kedua-dua mekanisme penyelamat korporat ini dari tahun 2020 hingga kini.

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pindaan fasal 10, 11 dan 12 yang bertujuan untuk memperkukuhkan rehabilitasi syarikat melalui penambahbaikan Skim Perkiraan dan Kompromi (SPK) yang saya rasakan wajar bagi membantu syarikat yang bermasalah digulung oleh perintah mahkamah.

Namun, apa yang menggusarkan saya adalah adakah segala semua mekanisme penyelamat ini mampu menjejaskan fleksibiliti pihak institusi perbankan dalam memberikan pinjaman terhadap syarikat-syarikat baharu pada masa akan datang. Menambahbaikan keseluruhan SPK yang memperjelaskan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan moratorium peranan pengamal insolvensi, pembiayaan penyelamat bagi membantu syarikat untuk terus bangkit dari masalah kewangan dan terus beroperasi adalah sangat baik.

Perkara terakhir yang ingin saya sentuh Datuk Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan usaha menambahbaik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial. Saya menyokong langkah yang diambil bagi memastikan pemilik mutlak sesuatu entiti perniagaan dapat dikenal pasti bagi memastikan entiti perniagaan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Perkara ini mampu mengekang aktiviti perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai serta melindungi kegiatan jenayah daripada berlaku selaras dengan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Financial Action Task Force* (FATF). Apakah kesan sekiranya Malaysia tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh FATF memandangkan Malaysia merupakan anggota FATF sejak 2016 serta apakah penilaian yang telah diberikan oleh pihak FATF ke atas Malaysia ketika ini?

Datuk Yang di-Pertua, memandangkan banyak faedah kepada syarikat-syarikat yang bermasalah, saya akhiri perbincangan saya yang menyokong RUU Syarikat (Pindaan) 2023. Sekian, Datuk Yang di-Pertua.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.



**2.37 ptg.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk menambah baik akta ini demi memperkukuhkan kerangka rehabilitasi serta mempertingkatkan ketelusan korporat. Tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Timbalan Menteri yang ada. Tidak sihat, masih ada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat, kerana telah membentangkan satu rang undang-undang yang sangat penting dalam membantu syarikat-syarikat yang sedang menghadapi krisis kewangan ekoran wabak COVID-19 dan demi memperbaiki tata kelola syarikat-syarikat.

Saya mengambil maklum bahawa Rang Undang-undang Syarikat 2023 ini mengandungi 31 fasal yang terdiri daripada empat kluster polisi. Perbahasan saya pada hari ini akan menyentuh dengan khusus kepada dua kluster polisi yang disebut oleh kementerian, iaitu polisi ketiga memperkukuh kerangka pelaporan pemunya benefisial dan polisi keempat menambah baik amalan dan takbir urus korporat.

Puan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam kluster pindaan polisi ketiga berkaitan pemunya benefisial syarikat. Satu, apakah denda yang akan dikenakan kepada syarikat jikalau mereka tidak merekodkan butiran pemunya benefisial syarikat?

Kedua, apakah denda yang akan dikenakan kepada pemunya benefisial syarikat jikalau enggan memberikan butiran setelah diminta oleh pihak syarikat?

Ketiga, bagaimana pihak SSM akan memantau dengan izin, *compliance* syarikat kepada peruntukan pelaporan pemunya benefisial syarikat ini?

Keempat, sekiranya perkara ini akan dilaksanakan dengan telus oleh pihak syarikat, mengapakah terdapat kuasa Menteri di bawah seksyen 60E di mana beliau boleh mengecualikan syarikat daripada pelaporan pemunya benefisial syarikat?

Asas kesemua persoalan saya ini adalah untuk memahami, dengan izin, *to what extend is this amendment actually practical*. Saya kluatir ia akan menjadi beban tambahan kepada syarikat di mana mereka tidak boleh memastikan kesahihan maklumat diberikan dan jika maklumat itu tidak tepat, perlukan kita masih memaksa syarikat untuk mengumpulnya. Saya berharap agar pihak kementerian dapat memberi penjelasan yang terperinci.

**■1440**

Puan Yang di-Pertua, beralih pula kepada polisi keempat. Menambah baik amalan dan tadbir urus korporat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji dan mengucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana telah memperkenalkan di bawah polisi empat, fasal

28 seksyen baru 612A kebolehan SSM untuk menerbitkan maklumat dan pewartaan yang mempunyai kuasa perundangan di dalam laman sesawang rasmi SSM.

Yakni, selepas ini tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia. Ini akan dapat mengurangkan kos dan secara tidak langsung, ini merupakan langkah dalam menuju ke arah dunia digitalisasi. Susah perkataan itu nak disebut. Pada saat kita mengejar proses pendigitalan yang selari dengan pembangunan teknologi, saya berharap agar pihak kementerian telah merangka proses untuk memantau pewartaan ini dan juga telah memperkukuhkan tahap keselamatan siber bagi laman sesawang SSM.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apa langkah keselamatan siber yang sedang diamalkan bagi laman sesawang SSM kini dan apakah proses *governance* dan *check and balance* dengan izin yang akan diamalkan oleh pihak SSM sebelum sesebuah pewartaan di laman sesawang diterbitkan.

Asas kepada persoalan-persoalan ini adalah untuk memastikan peralihan pewartaan digital tidak akan menjejaskan operasi syarikat-syarikat di Malaysia. Jika terdapat penerbitan warta yang salah, ia akan boleh memberikan implikasi yang besar kepada syarikat yang berkenaan. Saya berharap pihak kementerian akan menyusun strategi dalam memastikan peralihan ini tidak akan menjejaskan usaha kerajaan untuk mencapai niat pendigitalan proses ini.

Puan Yang di-Pertua, sampai sini sahaja perbahasan saya. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk terus memperbaiki tatakelola pihak syarikat-syarikat di Malaysia. Perkara ini sangat diperlukan untuk memastikan ekonomi negara kita terus maju, tetapi kita harus ingat *business and economy productivity comes first* dengan izin. *For the sake of compliance must be avoided.*

Pada saat kita mengejar tatakelola yang lebih baik, molek sungguh kalau kita mengkaji dahulu kesesuaian sesuatu perkara mengambil kira keadaan semasa tempatan. Janganlah terikut *best-practice* dengan izin luar negara tanpa pertimbangan ini. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat, terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail. Dia tidak ada di sini, tadi ada.

Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

**2.43 ptg.**

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum, salam Malaysia Madani, Segulai Sejalai.*

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2016, Akta 777 (Pindaan) 2023.

Untuk pindaan akta ini, saya merasakan apa dilakukan oleh pihak kementerian adalah bersesuaian dengan keadaan semasa kerana pindaan kali ini melibatkan *corporate rescue mechanism* (CRM). Maksudnya di sini, kepentingan syarikat lebih-lebih lagi komuniti usahawan dapat bangkit dan mengimbangi permasalahan yang sedia ada seperti masalah kewangan selepas pasca COVID-19.

Bagi mekanisme penyelamatan korporat atau dengan izin, *corporate rescue mechanism*, saya ingin bertanya, adakah penambahbaikan mekanisme penyelamatan korporat ini akan membantu golongan usahawan dan entiti perniagaan yang terkesan khususnya mereka yang ketika ini berhadapan masalah aliran tunai sehingga mengakibatkan ada yang terpaksa gulung tikar mengambil kira pengalaman sepanjang pandemik serta kesinambungan bantuan-bantuan yang disalurkan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi sebelum ini.

Puan Yang di-Pertua, kerana kita tahu aliran tunai ini antara perkara paling penting dan asas untuk sesebuah atau mana-mana syarikat dalam menjalankan aktiviti perniagaan. *Cash flow* dan *working capital* merupakan masalah yang selalu dihadapi mana-mana syarikat apatah lagi bila terjadi pandemik COVID-19. Aliran tunai duit simpanan dan tunai rizab pula mengalir seperti air, menjadi dilema kepada kesemua syarikat yang besar mahupun yang kecil terpaksa menanggung kerugian yang amat besar.

Saya telah diberitahu bahawa sejumlah syarikat yang terpaksa memberhentikan operasi atau bahasa lain iaitu gulung tikar tahun ini sahaja meruncing dan agak menakutkan iaitu lebih 2000 buah syarikat. Kita ingin memperkasa PMKS tetapi yang sedih sebaliknya yang berlaku.

Punca utama boleh dikatakan disebabkan oleh impak dari COVID-19 dan juga kelembapan ekonomi. Tidak terkecuali juga ketidakcekapan pengurusan yang didorong oleh faktor ketidakstabilan ekonomi serantau dan juga syarikat kurang berdaya saing. Walaupun RUU ini bertujuan untuk menambah baik prosedur bagi memastikan syarikat-syarikat bermasalah, ini dapat diselamatkan, saya merasakan cadangan ini perlu disegerakan supaya mekanisme ini terus berjalan dalam memastikan ekosistem perniagaan di kalangan syarikat terus hidup dan tidak mati begitu sahaja.

Maka, saya cadangkan, supaya penambahbaikan mekanisme penyelamat korporat di bawah RUU ini harus disokong dan disegerakan. Sebelum ini banyak mekanisme telah ditawarkan sebagai bantuan sejak tahun 2020 untuk membantu syarikat-syarikat yang terpaksa berdepan dengan masalah kewangan yang meruncingkan. Di sini kita boleh melihat kewajaran pindaan akta ini dapat diterjemahkan untuk meringankan beban syarikat kecil

walaupun syarikat-syarikat gergasi. Akauntabiliti dan tadbir urus yang betul harus menjadi paksi kepada pindaan kali ini. Mungkin dengan pindaan ini akan adanya garis panduan yang ketat supaya tidak ada lagi penyelewengan atau salah urus tadbir syarikat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Yang di-Pertua. Oh maaf, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Benarkan saya bertanya dan mencadangkan jika boleh kepada kementerian kerajaan di sini. Ada pengarah syarikat atau pemegang saham yang enggan membayar cukai syarikat dengan adanya masalah aliran tunai, *cash flow* tetapi dengan banyak aset tetap. Tetapi individu tersebut hanya mahu mengutip dividen atau hasil sebelum cukai bila ada pendapatan dan hasil jualan aset-aset tertentu.

Patutkah syarikat membiayai seperti yang diminta oleh individu ke Lembaga Hasil selepas dicatatkan dalam minit Lembaga Pengarah atau minit mesyuarat pemegang saham tanpa sebarang bayaran daripada individu tersebut sebagai rekod rasmi selepas diberi notis. Dengan rekod ini, kalau boleh dimaklumkan kepada *Registrar of Company* (ROC) dan *In Revenue Department* iaitu Lembaga Hasil bahawa pengarah-pengarah dan pemegang saham tertentu mendapat keuntungan luar biasa atau keuntungan tidak adil dan patut dikenakan cukai individu kepada beliau, jika bolehlah.

Kalau boleh, benarkan *rebate* atau *incentive* kepada syarikat untuk pembayaran tersebut. Jika tidak dibayar atau lewat pembayaran, syarikat tersebut mendapat penalti dimuatkan ke atas mereka. Kasihan kepada pengarah dan pemegang saham yang sudi membayar *on behalf*.

Bolehkah kerajaan menerima juga syarikat- ini cerita lain, syarikat bertukar nama daripada *sole proprietorship*, dengan izin, atau *partnership* kepada sendirian berhad dengan mengekalkan dua nama atau 'alias'- diletakan '@' dikenali sebagai- kerana keistimewaan yang dilampirkan kepada nama syarikat lama atau sedia ada itu ada mempunyai hak taraf anak negeri *native status* ke syarikat tersebut dan lesen kelas 'A' dari agensi negeri atau Persekutuan untuk projek-projek tertentu daripada membatalkan dan menukar *sole proprietorship* dengan izin, kepada sendirian berhad, tetapi sebaliknya jika boleh dikahwinkan, digabungkan dua nama tersebut dibenarkan untuk diguna pakai atau diterima tanpa kehilangan status keistimewaan yang sedia ada kepada syarikat-syarikat tersebut.

■1450

Jika diperlukan menukar atau memohon baharu lesen-lesen atau keistimewaan tersebut, macam yang sedang berlaku sekarang, akan tetap mengambil proses yang panjang masanya. Kadang-kadang enam bulan ke-dua, tiga tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, panjang lagi?

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Sikit lagi, *almost the end*. Maaf. Terima kasih Datuk. Kita kena memahami perbezaan maksud, “juga dikenali sebagai” dengan “dulu dikenali sebagai”.

Satu lagi, kenapa *company strike-off* makan masa bertahun untuk diwartakan? Sepatutnya *immediate*. Kalau belum, syarikat terpaksa membayar *yearly fee* sampai diwartakan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya selepas penggubalan akta ini, hendaklah dijalankan sesi libat urus penerangan mengenai pindaan kali ini. Segala perincian pindaan hendaklah diterangkan kepada mana-mana pihak kawal selia serta industri, bagi memastikan undang-undang Akta 777 ini mendapat sokongan seluruh komuniti korporat secara amnya.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Senator Datin Ros, tak ada?

**Beberapa Ahli:** Tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada ya. Okey.

Sekarang saya jemput YB Senator Rita Sarimah yang baru turun daripada Kerusi dia untuk berbahas... [Ketawa]

## 2.52 ptg.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Sempat juga saya mengambil bahagian ya bahas ini. Terima kasih memberikan saya peluang ya.

Saya cuma ada dua komen ke atas, beberapa komen ke atas RUU Syarikat ini. Ia membentangkan dua pindaan utama iaitu takrif *pemunya benefisial* dan mekanisme penyelamat korporat.

Jadi, melalui pindaan ini, takrif *pemunya benefisial* diperluaskan kepada seseorang yang mempunyai milikan mutlak atau kawalan mutlak atau kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu syarikat. Jadi, sudah tentu tanpa garis panduan yang dikeluarkan oleh pendaftar nanti, agak rumit untuk syarikat mengenal pasti, siapa pemunya benefisial yang sebenar bagi syarikat tersebut. Jadi, saya berharaplah pendaftar akan mengeluarkan garis panduan yang jelas dan menyeluruh tentang kriteria-kriteria seseorang pemunya benefisial.

Perkara yang kedua iaitu akses kepada data pemunya benefisial. Datuk Yang di-Pertua, menjadi seorang pemunya benefisial bukanlah satu jenayah ya. Ada orang memilih atas sebab-sebab privasi, atas sebab memilih instrumen yang sesuai seperti menggunakan nama syarikat untuk membeli hartanah. Itu bukan menjadi satu jenayah ya. Ia cuma menjadi satu jenayah sekiranya ia menggunakan syarikat tersebut untuk melakukan jenayah seperti rasuah, mengelakkan cukai, mengubah wang haram, membiayai pengganas.

Jadi, di bawah RUU ini, Menteri diberi kuasa untuk menetapkan siapa yang boleh mengakses data pemunya tersebut, benefisial ya. Jadi, saya berharap Menteri mempertimbangkan juga hak seseorang individu yang tidak mendaftarkan namanya sebagai pemilik syarikat apabila menentukan siapa yang boleh mengakses data pemunya tersebut ya.

Jadi, sejajar dengan tujuan pindaan ke atas takrif pemunya benefisial iaitu untuk memastikan ekosistem korporat bebas daripada aktiviti haram termasuk percambahan aktiviti haram, saya berpendapat akses dihadkan kepada agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan Bank Negara Malaysia.

Jadi, kumpulan pindaan utama yang kedua adalah berkaitan mekanisme untuk menyelamatkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan bagaimana syarikat menyelamatkan syarikat daripada digulung.

Saya melihat pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh penggal 8A yang baharu dalam akta ini menambah baik peruntukan Akta Syarikat yang sedia ada. Jadi, saya hendak dia banyak kebaikannya, banyak peruntukan yang baharu yang dikemukakan oleh rang undang-undang ini.

Saya cuma nak menyentuh beberapa peruntukan sahaja iaitu kесingkatan proses ya. Biasanya, proses seperti ini memakan masa yang lama tetapi demi membantu syarikat tersebut untuk bangkit semula, dengan izin, *time is the essence*. Jadi, saya suka melihat beberapa peruntukan ya, ia memendekkan lagi masa sebelum perintah halangan dikeluarkan.

Pertama adalah *voluntary scheme of arrangement* di mana mengikut seksyen 369C, boleh juga dikatakan sebagai *pre-packed scheme*, di mana syarikat bersama-sama dengan pemiutang-pemiutang telah mengadakan rundingan dan hasil daripada rundingan tersebut dibawa ke mahkamah untuk diluluskan. Jadi, proses ini adalah lebih cepat tanpa perlulah arahan dari mahkamah untuk mengadakan mesyuarat pemiutang. Jadi, ini satu, saya rasa, pembaharuan yang bagus.

Kedua adalah tentang kuasa mahkamah untuk memerintahkan persetujuan di kalangan pemiutang-pemiutang pelbagai kelas ya. Kalau dalam bahasa Inggeris, dinamakan *cross-class cramdown*. Dalam sebuah syarikat, dia ada beberapa kategori pemiutang ya. Dengan izin, *secured creditors, unsecured creditors and preferential creditors*. Jadi, jika nak mendapatkan majoriti setiap kelas ini memberi persetujuan ke atas sesuatu skim perkiraan dan kompromi, ia akan mengambil masa yang lama.

Jadi, mahkamah diberi kuasa untuk meluluskan perkara ini seandainya hanya satu sahaja kelas yang mengemukakan *scheme of arrangement*, asalkan ia telah diluluskan oleh 75 daripada nilai *creditor* ataupun pemiutang yang hadir ya, mereka bersetuju. Jadi, ia akan mengikat pemiutang-pemiutang yang lain. Jadi, ini meningkatkan masa. Jadi, ini satu peruntukan yang bagus ya.

Seterusnya, saya melihat tentang keutamaan paling tinggi bagi pembiayaan penyelamat bagi kompromi atau perkiraan. Biasanya, kalau sesebuah syarikat itu telah mengalami kesulitan kewangan, biasanya tak ada ataupun sukar untuk mendapatkan *financing* selanjutnya, tetapi dalam keadaan ini, sekiranya ada pihak yang ketiga memberikan *rescue financing* untuk menyelamatkan syarikat, memberikan pinjaman.

Jadi mahkamah boleh memberikan perintah supaya *rescue financier*, dengan izin, tersebut diberikan keutamaan paling tinggi dalam pembayarannya nanti iaitu selepas *preferential debts*, selepas kos yang dikenakan kepada proses tersebut. Jadi, ini sebagai daya tarikanlah kepada *rescue financier* untuk membantu dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melebihi tempoh masa. Banyak perkara yang perlu di- sebenarnya banyak perubahan yang baharu di sini. Jadi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, tak apa. Tadi YB baik hati jadi Pengerusi, jadi saya bagilah lagi dua minit... [Ketawa]

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Perkara yang seterusnya yang saya nak sentuh iaitu perlindungan kepada syarikat yang membekalkan barangan dan perkhidmatan *essentials good and services*.

#### ■1500

Jadi, biasanya kalau kita lihat kontrak, apabila salah satu pihak itu mengalami proses *liquidation*, jadi itu akan, dengan izin, *trigger* untuk syarikat, untuk pihak yang satu lagi, untuk menamatkan kontrak ya, tetapi melalui RUU ini yang dicadangkan di dalam RUU ini, hak satu pihak itu untuk menamatkan kontrak digantung dahulu.

Dia kenalah memberi notis 30 hari sebelum dia mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak ini. Jadi, dalam undang-undang dinamakan '*Ipso Facto*' *clause as we know* atau *take termination* kontrak seperti ini. Jadi, soalan saya kepada kementerian, mengapa tidak dilanjutkan lagi tempoh tersebut sebab sekiranya syarikat itu memang bisnes dia adalah membekal *essential goods and services*. Kalau kontrak ditamatkan, lagi memudaratkan syarikat tersebut.

Jadi kedua, mengapakah hanya 30 hari sahaja? Adakah cara yang lain tidak boleh dipertimbangkan, khususnya, dengan izin, *if the company is dealing with supplying essential goods and services*? Jadi Datuk Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Syarikat.

Saya melihat ini satu inisiatif yang baik demi menyelamatkan banyak syarikat yang memang wajar diselamatkan, yang ada potensi untuk menjadi- berbisnes semula, meneruskan perniagaan semula. Jika tidak diberikan bantuan seperti ini, mereka akan terus digulung, ya. Dengan itu, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, YB.

Sekarang, saya menjemput YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

### 3.02 ptg.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Datuk Seri Yang di-Pertua. Saya, *insya-Allah*, mengambil masa yang sedikit, mudah-mudahan. Dua topik yang ingin saya sentuh dan terima kasih atas peluang yang diberikan. Saya ingin menyentuh tentang pemunya benefisial.

Sudah pasti benda ini sangat baik. Ia bertujuan mengenal pasti siapa sebenarnya yang pemilik dan yang mengawal sesebuah syarikat. Walaupun kadang namanya memang tak ada tak ada dalam hitam putih tapi operasi dan pemilikan iaitu milik mereka. Perkara ini lebih serius terutama dari sudut di kalangan warga asing.

Sekarang, banyak kes kita tengok orang warga asing kahwin dengan orang tempatan. Lelaki asing kahwin dengan tempatan, perempuan asing kahwin laki-laki tempatan. Tujuannya ialah untuk mendapat manfaat daripada peluang yang ada. Jadi, kalau kita lihat dari sudut ini, kalau kita rasa dari sudut bahasa yang lebih mudah, semacam *Ali Baba*.

Kesannya, dia akan menjadikan sebahagian daripada bentuk-bentuk projek yang memeralatkan *local name* untuk tujuan kepentingan mereka— termasuk projek perumahan, perladangan, pemilikan tanah, pemilikan syarikat dan lain-lain.

Tuan-tuan, satu perkara yang- Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu lagi perkaranya ialah penyekatan peluang. Sepatutnya, sebahagian daripada projek itu di-*allocate*-kan untuk warga asal ataupun mungkin bumiputera tetapi dengan peletakan nama di hadapan, pemilik sebenarnya di belakang, ia nya merupakan satu penutupan ruang bagi kerja-kerja yang lain.

Saya juga ingin memberikan sedikit persoalan. Bagaimana kalau kes-kes yang berlaku ini, seperti yang pernah terjadi di mana tindakan sesebuah syarikat tergendala kerana berlakunya penukaran nama pemilik, walhal pemunya *beneficial*-nya di sebaliknya tetap individu yang sama? Tukar nama pemilik tetapi pemunya orang sama, yang ditukarnya nama dalam bentuk hitam putih dan apakah tindakan yang akan terus diambil? Apakah kali ini tindakan akan diambil ke atas pemunya benefisial apabila syarikatnya berdepan dengan aduan dan juga pendakwaan?

Satu poin- akhir yang saya nak sentuh ialah skim perkiraan kompromi (PKP). Program ini sangat baik sebab dia memberi peluang kepada syarikat untuk menjalani proses *rehabilitation*, ataupun pemulihan dan tidak terus digulung ataupun digulungtikarkan oleh mahkamah apabila berhadapan dengan masalah-masalah kewangan.

Isunya sekarang ini, apa peluang kedua kepada syarikat ini menjalani *rehabilitation* ataupun pemulihan adalah baik tetapi mungkin akan menyebabkan pihak bank- mungkin atau tidak pihak bank pula akan mengetatkan tentang prosedur-prosedur tertentu. Sebab rekod yang sedia ada pada syarikat yang berkenaan.



Tadi, kita *duk* bincang tentang orang politik tak boleh nak buka akaun. Dekat sini pun, apakah mungkin akan berlaku dalam versi yang lain? Kedua yang akhirnya, saya nak sebutnya iaitu dari sudut bagaimanakah kerajaan menyeimbangkan mekanisme penyelamatan ini agar tak *backfire* dalam bentuk fleksibiliti pinjaman bank, yang juga mungkin akan terjejas?

Saya rasa itu sahaja. Pendek perbincangan saya untuk ini. *Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Ada lagi Yang Berhormat yang nak berbahas? Tak ada? Kalau tak ada, saya mohon Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mula menjawab.

### 3.06 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023.

Kementerian menghargai semua pandangan, saranan dan cadangan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat telah pun berbahas. Kita perlukan rang undang-undang ini kerana ia satu perkara yang cukup penting bagi memastikan sektor korporat di Malaysia terus berdaya saing, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor korporat Malaysia juga perlu dilindungi daripada disalah guna bagi tujuan-tujuan jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan. Inilah inti pati yang dihasratkan oleh rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin, Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding dan Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim dan akhir, Tuan Haji Hussin bin Ismail. Saya ucap terima kasih dan banyak soalan tapi kebanyakannya, akhirnya menyokong kerana ia nya merupakan satu rang undang-undang yang dilihat untuk membantu *corporat rescue*, kerangka rehabilitasi syarikat.

Saya akan cuba memberi penjelasan kepada semua persoalan yang telah dibangkitkan, secara dasarnya terbahagi kepada dua perkara utama. Saya akan memberi penjelasan berkenaan soalan-soalan yang berkaitan dengan memperkukuh kerangka

rehabilitasi korporat dulu. Kemudian baru lah saya sampai kepada mempertingkatkan ketelusan korporat melalui penzahiran pemunyaan *beneficial*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas bertanya sekiranya mesyuarat pemiutang dalam skim perkiraan kompromi oleh Sapura Energy dan kumpulan telah dijalankan, apa dapatan mesyuarat yang telah diadakan berikutan daripada perintah halangan yang telah diberikan.

Di bawah skim perkiraan, tiada keperluan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menyerah simpan hasil mesyuarat pemiutang. Maklumat ini disimpan sebagai maklumat dalaman syarikat. Akta Syarikat 2016 hanya mewajibkan serah simpan perintah halangan skim perkiraan iaitu di bawah Seksyen 368(5), Akta Syarikat 2016 bagi memberi maklum kepada awam, status syarikat yang dalam proses rehabilitasi.

#### ■1510

Yang Berhormat Datuk Haji Aziz bin Ariffin pula bertanya berapakah bilangan syarikat yang telah mendapat manfaat *corporate voluntary arrangement* dan *judicial management* sejak mula diperkenalkan? Daripada tarikh kuat kuasa CVA dan *judicial management* (JM) pada 1 Mac 2018 sehingga November 2023, syarikat yang telah berjaya mendapat perlindungan ataupun manfaat di bawah mekanisme penyelamat korporat adalah lapan bagi CVA dan 70 bagi *judicial management*.

Kemudian saya beralih kepada *beneficial owner*. Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit bertanya, siapakah sebenarnya *beneficial owner* dalam satu- syarikat? Definisi ya, bagaimanakah kerajaan boleh mendapatkan maklumat *beneficial owner* sebenar? Dan Yang Berhormat Senator juga bertanya, ramai yang mampu tubuh syarikat tetapi akhirnya "dikambinghitamkan". Bagaimanakah pindaan ini bantu orang-orang sebegini?

Yang Berhormat, dalam rang undang-undang ini, seorang *beneficial owner* ditafsirkan sebagai orang yang mempunyai kawalan ke atas sesuatu syarikat. Seseorang individu dikenal pasti sebagai seorang pemunya benefisial sekiranya beliau memenuhi mana-mana kriteria yang telah ditetapkan. Perkara ini boleh ditentukan melalui rekod-rekod syarikat seperti perlembagaan, daftar anggota, minit dan resolusi termasuklah dokumen-dokumen lain yang menunjukkan terdapatnya kawalan atau pengaruh mekanisme pelaporan yang lengkap adalah seperti yang dicadangkan di bawah seksyen 60B rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator juga bertanya berkenaan apabila syarikat gagal beroperasi dan tidak mematuhi perundangan, syarikat yang tidak mampu berniaga telah dikenakan denda yang amat tinggi. Saya ingat Yang Berhormat mengatakan jangan tekan syarikat sebab mereka perlu *sustain*.

Yang Berhormat yang sebenarnya soalan ini di luar skop rang undang-undang ini, tetapi ada sedikit kaitan dengan syarikat yang berhutang. Jadi bagi syarikat yang tidak beroperasi atau gagal menjalankan perniagaan, pengarah atau pemegang saham

dinasihatkan untuk memohon agar syarikat tersebut ditutup supaya tidak dikenakan denda yang berterusan menurut seksyen 550, Akta Syarikat 2016.

Seterusnya berkenaan dengan *beneficial ownership* ini. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding bertanya, pemilik saham boleh berselindung di sebalik *corporate veil* dan menyebut berkenaan dengan prinsip *separate legal entity*. Soalan kepada kementerian ialah adakah KPDN mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan *beneficial ownership* ini?

Soalan seterusnya siapa yang akan mendapat akses kepada maklumat BO ini dan sejauh mana maklumat BO ini membantu menangani jenayah ataupun pengubahan wang haram?

Ya Yang Berhormat, satu garis panduan *beneficial ownership* akan dikeluarkan di bawah pindaan Akta Syarikat ini dan akan membantu orang awam untuk mematuhi kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ini. Di bawah subseksyen 60B(9) Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023 ini, berikut adalah orang-orang yang akan mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan pendaftar:

- (i) agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa berwajib yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan undang-undang bertulis masing-masing;
- (ii) *beneficial owner* itu sendiri, pemunya benefisial itu sendiri;
- (iii) orang-orang yang mempunyai kebenaran daripada pemunya benefisial;
- (iv) pihak berkuasa awam; dan
- (v) institusi pelapor yang diwartakan di bawah Akta Syarikat 2016.

Mana-mana orang atau kelas orang yang mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan pendaftar akan diwartakan oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan melalui warta. Seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 60B(9) Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023.

Objektif utama pindaan berkenaan *beneficial ownership* adalah untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan juga termasuk aktiviti haram lain termasuk rasuah dan mengelakkan cukai. Ia nya adalah berkaitan perundangan bagi membolehkan *corporate veil* diangkat bagi mengenal pasti siapakah pemunya sebenar saham-saham atau yang mempunyai kawalan ke atas syarikat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, bertanya berkenaan apa langkah keselamatan siber yang akan diamalkan oleh kementerian supaya pewartaan digital tidak akan disalahgunakan ataupun supaya pewartaan digital ini tidak nanti menghilangkan maklumat-maklumat. Sebenarnya ini juga di luar skop

rang undang-undang ini tetapi saya jawablah sebab Yang Berhormat Senator kawan saya. Saya jawab ya SSM... [Ketawa]

SSM amat menitikberatkan keselamatan siber dan telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan serta teknologi ICT untuk menangani ancaman siber serta melindungi semua maklumat dan data yang disimpan dalam pangkalan data SSM selaras dengan piawaian dan teknologi semasa antarabangsa.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanya berkenaan dengan pemunyaan benefisial. Soalannya apakah denda yang akan dikenakan kepada syarikat yang tidak melaporkan? Di bawah subseksyen 60B(6) memperuntukkan bahawa kegagalan untuk melaporkan maklumat pemunya benefisial iaitu satu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 dan sekiranya kesalahan berterusan, denda lanjutan sebanyak RM500 setiap daripada kesalahan berterusan selepas disabitkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah terus bertanya apakah denda jika pemunya benefisial enggan memberi maklumat. Di bawah seksyen 60C, mana-mana orang yang menerima notis daripada syarikat untuk mengesahkan status sebagai pemunya benefisial dan gagal berbuat demikian merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 60C(7) dan boleh dikenakan penalti di bawah seksyen 588 iaitu tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin pula bertanya berkenaan dengan CVA tadi. Sejauh mana perancangan kerajaan untuk memperluas CVA kepada peniaga kecil? Melalui program kesedaran, SSM telah merangka pelan bagi program-program kesedaran untuk 2024 secara besar-besaran di seluruh Malaysia. Bagi memastikan cadangan pindaan ini difahami dan diguna pakai oleh syarikat PKS yang terkesan. Maksudnya kita buat libat urus yang berterusan dan kita pastikan bahawa mereka juga tidak ketinggalan memahami berkenaan dengan roh semangat di sebalik rang undang-undang yang kita bawa ini.

Seterus lagi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin bertanya berkenaan apakah skim perkiraan atau kompromi SPK mampu membantu fleksibiliti pinjaman oleh bank? Di bawah seksyen baharu 368B, pembiayaan penyelamat ditakrifkan sebagai pembiayaan yang diperlukan untuk kelangsungan hidup syarikat yang memperoleh pembiayaan atau di mana pembiayaan itu adalah perlu untuk memastikan aset syarikat yang memperoleh pembiayaan tersebut boleh direalisasikan dengan lebih banyak faedah berbanding jika syarikat tersebut digulung.

Pembiayaan penyelamat membenarkan syarikat penghutang boleh meneruskan perniagaan membayar pembekalnya dan pemiutang lain. Dalam erti kata lain, mengikut keadaan, pembiayaan penyelamat adalah penting untuk memastikan skim yang dicadangkan akan berjaya dengan mengambil kira keadaan di mana syarikat yang mengalami masalah

keuangan kebiasaannya akan menghadapi kos pinjaman yang lebih tinggi, memandangkan bank atau institusi kewangan menjadi lebih berhati-hati untuk memberikan pinjaman baharu.

Tanpa sebarang perlindungan maka polisi baharu yang diperkenalkan ini akan memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pihak yang memberi pembiayaan penyelamat.

■1520

Oleh yang demikian, di bawah seksyen 368B yang dicadangkan, mahkamah diberi kuasa untuk memerintah jika terdapat hutang daripada sebarang pembiayaan penyelamat akan dicagarkan ke atas harta syarikat dengan syarat tertentu. Sekiranya syarikat digulung, hutang daripada pembiayaan penyelamat akan diberi keutamaan yang paling tinggi berbanding semua hutang yang lain. Ada lagikah yang saya belum jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Dato' Ahmad Ibrahim, soalan dia.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad ya, bertanya berkenaan dengan syarikat kalau tukar nama dan kalau ada digabungkan nama. Kalau juga dikenali syarikat A, dikenali dulu sebagai ini, alias dan sebagainya, ya saya tunggu jawapan kejam. Terima kasih. Ada lagi? Ya. Jadi kalau tak ada, kalau- ada jawapan? Sebab itu teknikal sikit, dia gabung nama dan sebagainya.

Okey, jawapan berkenaan dengan pertukaran nama dari *sole proprietorship* atau *partnership* kepada syarikat dibenarkan dengan penggabungan dua nama asal tadi kan. Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, saya dimaklumkan ia nya juga di luar skop rang undang-undang ini, tak apalah kawan-kawan kita dalam Dewan Negara, saya jawab juga.

Nama syarikat adalah tertakluk kepada garis panduan yang terpakai dan seksyen 26, Akta Syarikat 2016 berhubung *availability of name*. Permohonan boleh dibuat selagi nama tidak bercanggah dengan nama-nama yang dilarang sebagaimana yang diwartakan. Namun, permohonan *conversion* hanya dibenarkan dibuat oleh entiti perkongsian daripada syarikat sendirian berhad, perniagaan tunggal tidak dibenarkan memohon *conversion* kepada syarikat sendirian berhad.

Jadi Yang Berhormat Senator kalau ada lagi nak berbincang, kita minum kopilah, kita bincang ya. Jadi kalau ada spesifik kes nanti kita bincang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa kita ada sedikit masa lagi kalau ada YB lain yang nak mencelah?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Ini ada lagi saya nak baca.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Baik.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanya berkenaan mengapa Menteri diberi kuasa mengecualikan syarikat daripada pelaporan *beneficial ownership* ya? Di bawah seksyen 60E yang dicadangkan oleh rang

undang-undang ini, Menteri diberi kuasa untuk mewartakan mana-mana syarikat untuk dikecualikan daripada keperluan untuk melaporkan *beneficial ownership* dalam keadaan yang tertentu sahaja.

Pengecualian ini akan dibuat sekiranya syarikat tersebut tertakluk kepada pelaporan beneficial yang serupa seperti contoh di bawah Bank Negara Malaysia dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk mengurangkan beban pentadbiran. Ini bermaksud maklumat *beneficial ownership* bagi syarikat yang dikecualikan telah dilaporkan di bawah undang-undang lain untuk mengelakkan *duplicity of laws*.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bertanya, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas *beneficial owner* apabila syarikat dikenakan tindakan undang-undang? Fleksibiliti pinjaman bank, bagaimanakah ia memberi kesan akibat daripada penambahbaikan *corporate rescue mechanism* ini? Jawapan kepada soalan YB Senator adalah sama seperti maklum balas yang diberikan kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Haji Ajis tadi, Senator Haji Ajis tadi. Okey Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Ahmad Ibrahim ada soalan lagi tu?

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Ya, *just nak clarification* Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukannya apa kerana masalahnya syarikat itu atau *sole proprietor* itu, dia ada mempunyai *native status* kerana *native status* ini bukannya kerana kita orang bumiputera kita mempunyai *company* ia automatik sebagai *native status*, tidak. *Native status* itu adalah kepada syarikat tersebut supaya dia dapat mempunyai, membeli, membuat *development* untuk tanah *native*. Jadi bila ditukar daripada *sole proprietor or partnership* kepada sendirian berhad, benda itu jadi masalah.

Kadang-kadang syarikat tersebut atau *sole proprietor or partnership* itu ada lesen-lesen spesifik untuk projek-projek Kelas A. Jadi, mereka ada masalah bila ditukar, nama lama tak boleh pakai, jadi kena mohon baru, itu jadi masalah besar, satu. Jadi *that's what I mean*. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Okey, saya ambil maklum Yang Berhormat Dato'. Kita bincanglah. Seperti saya katakan, kita bincang kalau ada spesifik ini tapi kalau ada *general*, saya tunggu jawapan ya.

Berkenaan- ada lagi satu tertinggal Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin. Apakah kesan jika Malaysia tidak mengikut ketetapan FLF dan apakah penilaian FLF ke Malaysia pada masa sekarang?

Penarafan oleh badan antarabangsa seperti FLF dan OECD adalah perlu bagi memastikan sistem kewangan negara adalah bebas daripada risiko dan ancaman perubahan wang haram. Pembiayaan keganasan dan pengelakan cukai yang merugikan negara. Antara inisiatif yang diambil oleh FLF dan OECD adalah untuk memastikan pemilik

mutlak sesuatu entiti perniagaan dapat dikenal pasti bagi memastikan entiti perniagaan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkataan yang kita kena *emphasize* ini ialah tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau pengelakan cukai.

Malaysia merupakan anggota FLF sejak 2016. Negara-negara ahli FLF menjalani penilaian berkaitan kepatuhan terhadap piawaian yang dikeluarkan oleh FLF berhubung risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Malaysia akan menjalani penilaian FLF pada tahun 2024 dan 2025. Perubahan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini berkaitan penzahiran pelaporan pemunya benefisial kritikal dalam usaha untuk memastikan Malaysia mematuhi sepenuhnya kehendak piawaian FLF.

Pada masa ini, Malaysia dinilai sebagai mematuhi sebahagian sahaja daripada piawaian FLF berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial. Sebahagian sahaja. Ketidakpatuhan peruntukan FLF boleh menyebabkan Malaysia boleh dimasukkan ke dalam senarai kelabu ataupun *grey list* atau hitam, *backlist*, dengan izin, mengikut tahap ketidakpatuhan.

OECD pula menjalankan penarafan berhubung isu penzahiran percukaian bagi negara-negara yang berdagang dengan negara-negara ahli OECD yang mempunyai keahlian sebanyak 36 buah negara. OECD mengguna pakai piawaian yang hampir sama dengan FLF berhubung pemunya benefisial bagi memerangi ketirisan percukaian yang menggunakan struktur korporat yang kompleks,

Saya rasa setakat itu saja Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini penjelasan saya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat penjelasan dan kalau ada spesifik macam tadi, kita bincang, *insya-Allah* kita boleh tengok kepada spesifik kes ya. Jadi, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya.

Saya ucap setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan, di atas semua yang membahaskan untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian Datuk Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal 1 hingga 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesihatan (Dato Lukanisman bin Awang Sauni) dan diluluskan]

■1530

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri, selamat datang ke Dewan pada hari ini.

Kita mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat... [Tepuk] Dewan ini mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat ini untuk menjelaskan kepada kita mengenai RUU ini yang- tidak adil kalau kita tidak nilai kan tanpa penjelasan yang lanjut dan detil daripada Yang Berhormat. Memandangkan Yang Berhormat merupakan Menteri, mengambil alih kementerian ini kembali dan mungkin mempunyai falsafah ataupun hala tuju yang berbeza dengan Menteri yang sebelum ini.

Jadi, sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membenteng.

3.33 ptg.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong? Oh, Menteri kena beri huraian dulu. Minta maaf. Silakan Menteri... [Ketawa]

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan. Saya yang alpa.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, satu silap tanggap atau silap faham- *misconception*, dengan izin, yang ramai masih lagi percaya adalah



bahawa kita masih lagi ada atau wujud kelompangan daripada segi nikotin, di mana ia nya bebas dijual kepada kanak-kanak dan remaja. Saya sengaja mengambil pendekatan ini untuk membuka pembentangan ini kerana inilah isu-isu yang masih lagi kedengaran di ruang awam di luar sana.

Setelah diluluskan rang undang-undang ini, masih ada lagi yang mempertikaikan dengan izin, *in the national conversation*. Ada lagi mempertikaikan bahawa wujud kelompangan kerana nikotin yang dikeluarkan daripada senarai racun itu tidak dikembalikan atau dimasukkan ya. Bagi makluman, di dalam RUU yang telah diluluskan minggu lalu telah pun ada kawalan dikembalikan, kerana khususnya penjualan dan pembelian produk tembakau, yakni kedua-dua produk rokok konvensional, juga produk ataupun rokok elektronik kepada mereka di bawah umur 18 tahun telah pun kita peruntukkan dan kita masukkan secara jelas dan secara tuntas.

Itu satu perkara yang saya pada awal mahu menyebutkan dalam Dewan Negara ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya tidak ada lagi keraguan. Saya akan menghujahkan perkara ini seterusnya. Dengan fasal-fasal di dalam RUU yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, ini cukup jelas memberikan kawalan dan perlindungan kepada golongan kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun. Ini yang dikatakan orang belum dewasa itu *the adolescent*, dengan izin, di mana mereka langsung tidak akses bagi rokok konvensional atau rokok elektronik merangkumi semua produk termasuk yang mengandungi nikotin mahupun yang tidak mengandungi nikotin kerana *vape* cecair yang tidak mengandungi nikotin itu juga dinamakan *vape* dan merokoknya dipanggil *vaping*.

Ini secara langsung mengatasi kelompangan ataupun *lacuna*, dengan izin, yang wujud di mana akses kepada nikotin ini dihadkan kepada mereka yang dewasa sahaja. Dewasa sahaja. *You have the right to smoke or to vape, not those below 18*, dengan izin. Penjelasan ini sudah tentu melegakan ramai yang masih lagi risau ya kerana yang masih risau akan isu ini, yang- syukurnya kita telah dapat kita atasi dalam RUU ataupun D.R.42/2024 yang ada di tangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maaf, 2023. Isu kedua yang perlu juga mahu saya perjelaskan yang juga merisaukan dan merunsingkan segolongan besar masyarakat iaitu isu pengguguran elemen *generational-end-game* ataupun generasi penamat rokok dalam RUU ini.

Saya pasti ya, Ahli-ahli Yang Berhormat mahukan saya menyebutkan perkara ini, mentelahan saya sendiri adalah juga mantan atau belum mantan lagi, masih lagi. Tetapi dah diangkat. Sudah diangkat sumpah itu, jadi saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kesihatan, tentunya sudah menjadi mantan PSSC itu Datuk Yang di-Pertua. Lalu kedua, isunya iaitu saya mahu perjelaskan, betapa pengguguran elemen GEG ini. Saya yakin di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini juga ya, sudah menzahirkan dan

melahirkan kekhawatiran ataupun rasa ya bimbang ataupun rasa kecewa bahawa GEG itu telah digugurkan dalam D.R.42/2023 ini.

Saya sebagai seorang, sebenarnya penyokong kuat ya untuk mencari jalan penyelesaian penagihan nikotin dan bahan-bahan yang memudaratkan kesihatan, sudah pasti merupakan *proponent* ya- *proponent* kuat sebarang apa pun ya. *Proponent* kuat pro-kesihatan ya.

Namun begitu, kita perlu mengambil pendekatan menyeluruh dalam satu transformasi masyarakat ataupun *social transformation* dalam mengubah sikap serta *behavioral* ataupun tabiat dalam hal yang terkait dengan isu merokok dan juga ketagihan nikotin ini. GEG pastinya merupakan satu kaedah, satu jalan, satu cara untuk kita mengurangkan persoalan *prevalence of smoking*, dengan izin ataupun peratus merokok di negara kita ini daripada 21 peratus, kini hendak kita turunkan kepada paras rendah daripada lima peratus, 2040 ya.

Jadi, apabila GEG itu tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini ya, maka bolehlah kita bayangkan betapa susahnyanya untuk kita kurangkan *the prevalence of smoking*. Kalau tidak- kalau dengan ada GEG juga, merupakan satu yang sukar bahkan tambah-tambahlah lagi kalau GEG elemen ataupun peruntukan GEG itu tidak kita masukkan dalam rang undang-undang ini, pastinya.

Namun, saya mahu menyebutkan bahawa dengan tidak adanya GEG itu, kita telah berdepan dengan satu kesukaran dan kesulitan untuk mencapai KPI ataupun pengurangan *prevalence* itu ke tahap yang saya sebutkan tadi, lima peratus perokok dan juga yang mempunyai tabiat *vaping*.

#### ■1540

Lalu, saya menyebutkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, betapa kesemua kita ya, sama ada PSSC dan juga sama ada Kementerian Kesihatan sendiri, yang mahukan ya GEG itu diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Kawalan Merokok ini- Demi Kesihatan Awam ini 2023 ini.

Namun, apakan daya atas apa yang disyorkan oleh Kamar Peguam Negara bahawa akan wujud pertikaian dengan izin, *constitutionality* ataupun *constitutionality* ataupun terkait dengan hal keperlembagaan. Adakah ia *legit*, apakah ia sah? Adakah akan berlaku cabaran-pencabaran di mahkamah, lalu kementerian ya berpandukan *collective decision* atas Kabinet yang menganggap atau mengambil sikap mengambil posisi, mengambil keputusan untuk tidak memasukkan GEG.

Namun, saya perlu nyatakan ini merupakan satu perjuangan dan *journey*- satu laluan yang pasti akan kita dari semasa ke semasa ziarahi, *we will again*, dengan izin, *revisit*- kita ziarahi kembali dan sentiasa cita-cita untuk kita wujudkan ataupun *generational-end-game* ini dengan kata lain, melarang GEG itu apa dengan mudahnya, melarang mereka yang lahir pada 1 hari bulan 1, 2007 dan kemudian selepas daripada itu, ataupun 1-2007- 1 hari bulan 1 2007

dan selepasnya, tidak akan diizinkan untuk merokok mahupun men-*vaping* ataupun akses kepada rokok dan *vape* selama hidup mereka. Itu *generational-end-game* dan segala kawalan, segala apa yang dikatakan sebagai larangan itu, sama ada larangan membeli, memiliki, merokok semuanya menjadi satu larangan dalam *generational-end-game* itu ataupun generasi *cohort*, generasi penamat itu. Itu maksudnya.

Kalau yang ada hari ini hanya ketika mereka sebelum 18. Selepas 18, mereka menjadi orang dewasa dan GEG itu dibahaskan dengan orang belum dewasa. Namun, berbeza dengan apa yang ada hari ini, yang ini RUU ini, tidak ada GEG. Maka, selepas sebaik sejour dia sudah melepasi umur 18, dia mempunyai autonomi hak untuk merokok dan *vape* secara rekreasi- *recreational smoking* itu, tetapi kalaulah GEG itu dimasukkan dalam rang undang-undang ini berkuat kuasa dan lulus Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada petang ini, maka selamanyalah mereka yang lahir dalam- lahir pada tarikh 1 hari bulan 1 2007 akan selamanyalah ya, diberikan segala pembelaan untuk mereka tidak dapat akses capaian kepada rokok dan *vape*.

Saya sikit menyimpang kalau boleh Datuk Yang di-Pertua. Ketika kami, PSSC Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen melihat kepada rang undang-undang ini, kalau saya boleh secara lebih selesa dan lebih bebas membahaskan RUU ini. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ingat, semasa Tan Sri bertanya kepada Menteri, setelah membentangkan bacaan pertama, lalu Tan Sri bertanya, "*Bilakah bacaan kedua Yang Berhormat Menteri?*" Lalu Menteri menjawab, "*Setelah rang undang-undang ini diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.*"

Di situlah kami dan saya Pengerusinya, sembilan *members* PSSC ini ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kesihatan ini mengambil 14 pusingan mesyuarat, melibatkan tidak kurang daripada 13 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta, melibatkan melibat urus *expert- panel of experts*, pakar-pakarnya, melibatkan semua pemegang kepentingan ataupun pemegang taruh- *stakeholders* sama ada industri itu sendiri, kementerian-kementerian yang lain, NGO-NGO, *medical-based* NGO dan sebagainya.

Kita telah melibatkan hampir tidak ada yang ketinggalan untuk kita libat urus mereka, memahamkan mereka, bagaimana GEG itu akan kita muatkan dalam D.R. 25/2023. Ini D.R. 42/2023, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Ini merupakan satu *legislative* ataupun *legislation* ataupun satu *piece of legislation*, satu undang-undang yang berbeza dengan D.R. 25/2023 kerana GEG- peruntukan GEG itu pada fasal 13 dan 14, 18 dan 19 itu telah gugur sepenuhnya.

Jadi, justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan betapa kami dalam PSSC juga begitu, ketika ia dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri pun ada di sini lagi, masih lagi Timbalan Menteri. Betapa kami telah membawa satu libat urus tiga *round discussion* apa yang dikatakan sebagai *round RTD- round table discussion* melibatkan

*man hours* yang cukup sengit, cukup persaingan pandangan, perbahasan, perbalahan, wacananya, sebagainya.

Namun, kami terpaksa mengakui bahawa untuk kali ini, saya mohon kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ya di Dewan Rakyat- di Dewan Negara ini untuk memahami walau apa pun, walaupun tidak dapat kita muatkan GEG dalam D.R. 42/2023 ini. Ketahuilah Ahli-ahli Yang Berhormat ,bahawa *this is the first-* ini merupakan rang undang-undang yang pertama, yang telah digubal sedemikian rupa sehinggakan ia merupakan satu- buat kali pertama, ia rang undang-undang yang sifatnya *stand alone*. Sifatnya *stand alone*, ia berdiri sendiri untuk mengawal selia segalanya yang terkait dengan persoalan merokok dan kini *vaping* itu.

Walaupun ia tidak mengandungi GEG tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perlu tahu bahawa ia telah mengambil waktu yang sangat lama, bermula daripada Menteri Kesihatannya, Tan Sri Subramaniam sendiri. Begitulah seterusnya sehinggakan ke saat ini, saya sudah memimpin 2018, 19, 20, kembali memimpin KKM hari ini, masih lagi kita belum dapat meluluskan ini... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*]

Bagaimana Yang Berhormat mantan Menteri Kesihatan Tuan KJ- Tuan Khairy Jamaluddin memungghah segala keupayaan intelek dan pengalaman dalam KKM dan juga yang lainnya, *stakeholders* yang lainnya untuk mengemukakan GEG.

Namun, itulah dia manusia. Kita merancang, Allah menentukan dan takdir dan takdir Allah... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Meletakkan hari ini tuan-tuan tidak melihat, tidak dapat membaca tentang GEG dalam D.R. 42/2023 ini. Saya pohon jutaan maaf ya, kalau begitulah selayaknya saya *submit to all of you*, dengan izin, saya membentangkan ini dengan tidak mengurangkan kepentingan dan keperluan untuk tuan-tuan- Ahli Yang Berhormat bersama kami di Dewan Rakyat, meluluskan rang undang-undang ini.

Kerana apa? Kerana ia terlalu lama telah diusahakan, ramai Menteri-menteri Kesihatan yang mengharunginya. Begitu juga yang dilihat oleh beberapa Kabinet dan hari ini meneruskan usaha ini, saya membentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini dengan penuh harapan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan turut memberikan sokongan.

Meskipun kita tidak dapat semuanya tetapi kalau mengambil sedikit daripada kaedah ya, kaedah syarak dengan izin, kawan-kawan saya, saya minta izin ustaz-ustaz untuk menyebutkan ini, di mana kaedah syaraknya, *there is a legal Islamic legal maxims* yang menyebutkan, "*Kalau kita tidak dapat buat semua, janganlah tinggal semua.*"... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Kalau tidak dapat semua kata ulama-ulama, jangan sampai tinggal semua. Oleh sebab itu, kalau pun GEG tidak ada dalam rang undang-undang ini, saya sangat memohon sokongan dan dukungan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini supaya kita memberikan sokongan untuk meluluskan rang undang-undang ini.

## ■1550

Datuk Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang agak mewah dan secara bebas, secara *liberty* atau liberal tidak bercakap *off the cuff*, begitu. Jadi, kalau boleh saya masuk sikit pada ucapan yang disediakan oleh kementerian ini, mungkin saya mengambil beberapa *snapshot* saja secara ringkas. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk Yang di-Pertua, bahawa berdasarkan *World Health Organization (WHO) tobacco fact sheet* dasarnya pada tahun 2019 saja, contohnya- merokok menyumbang lapan juta kematian di seluruh dunia.

Di Malaysia, kurang lebih setiap tahun tidak kurang daripada 27,000 kematian yang terkait dengan persoalan, dengan izin, *tobacco related diseases*, mati secara pramatang. Kita tahu anak pramatang tapi kalau *premature death* bermaksud apa? Mati sebelum patut mati. Lelaki pada usia Malaysia ini, 73. Kaum Hawa mereka lebih kurang stres mereka. Mereka *live longer*, 75, tapi kaum Adam ini kita- kalau sampai 73 itu, *we okay*, tapi kalau mati 40, 50, 60 *that is premature death. Not supposed to die yet* kecuali kalau ditakdirkan Allah, tetapi sumbangan rokok melibatkan 27,000 kematian setiap tahun.

Saya ingatkan Tuan-tuan, Ahli Yang Berhormat, bahawa *in the course of* pandemik COVID baru-baru ini, kita mengalami kematian hampir 36,000. Itu pun dua tahun lebih dalam PKP dan sebagainya. Betul Ahli-ahli Yang Berhormat? *36,000 death for almost two years* tetapi rokok kematiannya iaitu 27,000 setiap tahun, Ahli-ahli Yang Berhormat. Itu hanya bercakap tentang mortaliti, morbiditinya.

Kalau boleh saya sebutkan *the three most important* ini adalah *of course* yang terkait dengan rokok iaitu kematian yang paling utama di Malaysia ini adalah *ischemic heart disease (IHD)*. Itu serangan jantung yang terkait dengan kardiovaskular. Begitu juga strok, begitu juga kanser dan begitu juga apa yang disebutkan dengan istilah *chronic obstructive pulmonary disease (COPD)*, *emphysema* dan sebagainya. Itu semua adalah terkait dengan rokok.

Akhirnya, rokok ini berbeza dengan yang lain. Rokok ini dia akan mengambil, meragut nyawa satu daripada dua penggunaannya akhirnya. *There is the statistic*. Jadi, sangat besar maknanya untuk kita memahami bahawa ketika kita menjadi- kita meratifikasi menjadi sebahagian daripada apa yang diistilahkan sebagai DFCTC, WHO itu- kita sebenarnya mengambil, membuat komitmen untuk menangani gejala, menangani *the scourge*, malapetaka rokok dan *vape* ini sebenarnya.

Saya menyebutkan sikit di sini kalau boleh dengan izin, masalah merokok semakin ketara dengan kemunculan dengan apa yang dikatakan sebagai rokok elektronik- *e-cigarette* atau dengan bahasa lain *vape* dan aksinya itu dikatakan *vaping* yang mana kalau kita perhatikan dia bermula dalam tahun 2015.

Saya ingat Tan Sri Subramaniam jadi Menteri Kesihatan ketika itu, di situlah dia memulakan, cuba menggubal undang-undang yang hari ini- ini dia, sejak 2015 lagi

penggubalan dikatakan sebagai *the drafting, the promulgation, indicting the law*, dengan izin, menggubal undang-undang ini semua- sudah memakan satu waktu yang hampir 20 tahun lebih.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk Yang di-Pertua, sebelum saya sebutkan juga langsungnya, dia sebenarnya kalau kita perhatikan di kalangan kanak-kanak saja, di kalangan orang belum dewasa itu, kita perhatikan jumlahnya itu juga agak tinggi. Bukan agak tinggi-cuba Ahli-ahli Yang Berhormat- perhatikan di sini. Kalau kita perhatikan, khusus bagi rokok elektronik atau *vape*, terdapat peningkatan pengguna dalam kalangan mereka yang berumur 15 tahun dan ke atas sebanyak 1.2 juta pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2016, 600,000 orang pengguna. Ini adalah berdasarkan di *National Health and Morbidity Survey* yang kita jalankan sendiri. Jadi, itu lah hakikatnya. Kalau saya perhatikan umur 13 hingga 17 pada tahun 2017, penggunanya hampir 211,000 berbanding 2022 lepas lima tahun *between the age of 13 and 17*, 13 hingga 17 tahun seramai 307,109 orang pengguna. Satu *increment* iaitu 14.9 peratus kenaikan daripada 9.8 peratus.

Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mahu membosankan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan fakta-fakta ini. Cukup untuk saya menyebutkan, kalaulah dulu hal bersabit dengan kawalan merokok ini tidak ada akta, saya sebutkan tadi. *This is the first stand alone*. Ini akta atau rang undang-undang pada sifatnya satu yang secara *stand alone*, berdiri dengan sendirinya mengawal keseluruhan kawal selia hal-hal yang terkait dengan merokok dan *vape* termasuklah penjualan, *advertisement*, pengiklanan dan sebagainya, pendaftaran.

Kerana apa? Dulunya, hal yang mengawal kawal selia penggunaan tembakau dan hasil tembakau terletak di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 *which is PPKHT*, dengan izin yang telah berkuat kuasa bermula 24 September 2004 lagi.

Sudah sekian lama dan dia tidak duduk di bawah satu akta yang sabit terkait dengan rokok tetapi di bawah Akta Makanan pula. Akta Makanan. Merokok itu dianggap sebagai makanan. Ia sangat tidak sesuai dan satu *anomaly*, dengan izin, satu kepelikan kawalan merokok di bawah Akta Makanan. Jadi, dengan itu saya sebutkan sekali lagi bahawa perkara-situasi ini telah berlanjutan daripada 2004. Namun begitu, kawalan di bawah Akta Makanan ini pula terhad dan tertumpu kepada produk merokok yang berasaskan tembakau dan hasil tembakau saja.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat perhati, sedangkan cecair yang digunakan rokok elektronik atau *vape* menggunakan bahan-bahan lain, selain tembakau contohnya *propylene glycol, glycerol* dan *glycerin glycol* dan bahan-bahan perisa ataupun dipanggil sebagai perisa. Maka, peruntukan sedia ada di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) itu pastinya tidak mencukupi secara menyeluruh untuk mengawal selia rokok apatah lagi *vape*. Langsung tidak ada kawalan.

Jadi, dengan itu Datuk Yang di-Pertua, begitu juga kalau boleh saya sebutkan dan saya telah sebutkan lebih awal tadi, penjualan sebarang sediaan, *preparation* yang mengandungi nikotin adalah di bawah Akta Racun 1952.

Ketika Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, pada 13 Mac 2023- kerajaan telah pun memberikan pengecualian kepada sediaan yang mengandungi nikotin dalam cecair ataupun gel yang digunakan untuk tujuan merokok melalui rokok elektronik dan peranti- *the device*, pengewapan- *vaporize*, elektrik *to vaporize*, cecair itu kepada *vaper* kepada *droplets* daripada senarai racun di dalam Jadual Pertama Akta 366. Ketika itu, ketika kerajaan mahu menguatkuasakan *excise duty* ke atas *vape*, caranya adalah untuk ia tidak diletakkan di bawah senarai racun ataupun *the poison list*.

#### ■1600

Pada 1 April, kerajaan sudah *exempt* ataupun mengecualikan *liquid containing nicotine*, dengan izin, cecair mengandungi nikotin itu guna untuk menguatkuasakan *excise duty*. Justeru, kerana itulah sejak 1 April sehinggalah kita meluluskan rang undang-undang D.R.42/2023 ini, akan berlaku terus-terusan kelompangan ataupun *lacuna*, dengan izin, bahasa undang-undangnya. *Lacuna* maknanya tidak ada kawalan langsung ke atas *vape*-maaf, cecair digunakan dalam *vape*.

Justeru, ia menekankan lagi, bertambah penting lagi mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara juga mesti bersama dengan Ahli Dewan Rakyat untuk memastikan hal perkara ini ataupun rang undang-undang ini disokong dengan penuh semangat ataupun dengan penuh keinsafan dan kesedarannya.

Jadi, itu yang saya nak sebutkan, Datuk Yang di-Pertua. Saya rasa tidak perlu saya panjangkan kecuali saya perlu menyebutkan secara lebih terperinci. Saya nampak itu satu hal yang terkait ataupun secara konvensional, secara peraturannya, aturannya, saya perasan semua Menteri akan membaca fasal demi fasal walaupun dah tertulis. Itu sekadar untuk mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, Menteri membaca.

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membacanya dan sangat, dengan izin, maaf, kalau saya sebut, mungkin sangat membosankan. Sebab, saya pun pernah duduk dalam *backbenchers*, pernah jadi pembangkang. Jadi kalau Menteri baca- kadang kali 40 minit, hampir sejam pun ada yang membaca. Membaca dengan cukup tekun, cukup komitmennya tetapi saya rasa tidak besarlah maslahat kepentingannya untuk saya petang-petang ini. Sebab, petang-petang ini, Datuk Yang di-Pertua, gendang gendut daun kelapa, sudah petang-petang ini berat mata... *[Ketawa]*

Jadi, saya ingat saya mengambil sekadar untuk menyebutkan sedikit daripada rang undang-undang ini. Secara ringkas-ringkas, Datuk Yang di-Pertua. Saya sebutkan begini.

Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 merangkumi 12 bahagian dan 54 fasal. Jadi, tanpa saya pergi dengan *detail*, saya menyebutkan betapa bahagian pertama iaitu akta yang mencadangkan, memperkatakan, terkait dengan hal perkara permulaan ini. Ini fasal 1 “tajuk”, fasal 2 “takrif”. Itu 1 dan 2.

Bahagian II mencadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubung dengan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran apa-apa pun produk merokok, bahan merokok atau produk pengganti merokok. Itu tiga istilah yang Ahli Yang Berhormat perlu perhatikan.

Fasal 3, 4, 5 dan 6 di Bahagian II pula iaitu peruntukan-peruntukan yang terkait dengan pendaftaran produk merokok. Sangat penting sebab ini adalah mustahak untuk pendaftaran diwujudkan atau dikenakan atau dikuatkuasakan sebagai satu yang *legit*, satu komoditi yang *legit*. Seandainya ia mahu di-*tracking*, semua itu ada hologramnya, ada *tracking*, kaedahnya untuk di-*tracked*. *This is legit... [Menunjukkan ke sebelah kanan] And this is contraband. [Menunjukkan ke sebelah kiri] Ini black market punya produk... [Menunjukkan ke sebelah kiri] Hat ini yang legit... [Menunjukkan ke sebelah kanan]* Yang boleh kita kenakan *eksais duty* dan sebagainya, *sin tax* dan sebagainya.

Jadi, Datuk Yang di-Pertua, itu Bahagian III, IV, V dan VI. Pendaftaran produk tersebut juga akan memudahkan proses penguatkuasaan. *If you do not register*, kalau kita tak daftar, bagaimana pula mahu kita memantau dan mengenal pasti andainya berlaku pemberkasan dan sebagainya, tidak ada hologram dan sebagainya.

Jadi, bahagian ketiga iaitu akta yang terkait dengan persoalan larangan apa-apa pengiklanan, promosi dan tajaan produk tembakau, bahan-bahan merokok atau produk pengganti tembakau dan tiruannya. Bukan sahaja tembakau, mungkin daun teh dan sebagainya juga digunakan.

Datuk Yang di-Pertua, fasal 7, 8 dan 9 di Bahagian III adalah terkait dengan larangan pengiklanan, promosi dan tajaan.

Bahagian IV akta yang dicadangkan memperkatakan tentang kawalan penjualan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti merokok dan tiruannya.

Fasal 10, 11, 12 dan 13, Bahagian IV ini merupakan peruntukan yang penting terkait dengan kawalan penjualan. Fasal ini juga merupakan kesinambungan daripada larangan penjualan dan pembelian dalam kalangan mereka yang berumur di bawah 18 di bawah undang-undang sedia ada. *The OBD*, orang belum dewasa, *the cohort* generasi GEG tadi itu, tapi ia tidak terkait dengan GEG. Hanya sekadar mereka yang berumur 18 ke bawah, di bawah 18.

Bahagian V, Datuk Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan memperkatakan tentang kawalan harga, pembungkusan, pelabelan, pengilangan, pengimportan atau pengedaran apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.



Fasal 14 dan 15 di Bahagian V memperuntukkan cadangan bagi kawalan harga serta pembungkusan dan pelabelan yang hendak dipatuhi oleh setiap pengimport, pengilang, pengedar dan peruncit. Itu yang dimaksudkan Datuk Yang di-Pertua. Peruntukan-peruntukan di bawah ini akan memperluaskan lagi kepada semua produk merokok. Kalau di bawah PPKHD itu, Datuk Yang di-Pertua, ia hanya tembakau, tapi di sini, *all*, semua pelbagai jenis ataupun apa yang dikatakan sebagai produk bahan merokok, produk tembakau ataupun pengganti.

Jadi, bagi kawalan pembungkusan, penetapan amaran kesihatan termasuk amaran kesihatan bergambar selari dengan Artikel 11, dengan izin, *WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* akan diteruskan dan diperluaskan kepada semua produk merokok yang lain.

Datuk Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi kalau saya nak baca semuanya, ini ialah latihan membaca untuk saya dan komitmen, tekun ya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendengar, tapi saya yakin kalau tak pun saya bacakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berbahas pastinya telah membaca. Jadi, kalau saya izin *expedite this*, kita perlajau sikit, Datuk Yang di-Pertua.

Bahagian VI akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan-peruntukan yang bersabit larangan merokok ini memberikan satu, fasal 16, peruntukan untuk memperluas kuasa Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta untuk mengisytiharkan mana-mana bangunan- ini adalah perluasan apa yang pernah saya lakukan dalam tahun 2018, 2019 sehingga saya mendapat gelaran yang tertentu sebab melarang merokok di tempat-tempat makanan awam. Ini Menteri tiga meter, katanya. Jadi, itu juga adalah satu yang akan dikenal pasti kawasan-kawasan baharu atau tempat larangan merokok. Fasal ini juga memperuntukkan mana-mana orang yang merokok di kawasan atau tempat larangan merokok melakukan suatu kesalahan.

Fasal 17 yang melarang mana-mana orang belum dewasa- yang 17 dan 18 ini bersabit dengan GEG tadi, yang terkait dengan GEG yang Tuan-tuan, Ahli Yang Berhormat tidak melihatnya. Fasal 17 bertujuan untuk melarang mana-mana orang belum dewasa daripada merokok sebelum mereka 18, mengunyah atau menggunakan apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau.

Mana-mana orang yang gagal mematuhi fasal ini melakukan suatu kesalahan dan kesalahan-kesalahan itu ada dia punya dendanya seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada, contohnya, bahagian apa yang dikatakan sebagai kawalan penjualan, kawalan penggunaan, kawalan harga. Semua itu ada.

Contohnya, kalau boleh saya bacakan. Sekiranya mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan. Apa subseksyen (1) itu adalah tiada orang boleh menjual atau mempamerkan bagi penjualan apa-apa produk merokok, bahan merokok atau

produk pengganti merokok melainkan jika jualan atau pameran bagi produk itu mematuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan.

Di sini kalau kita perhatikan, larangan produk tembakau dan sebagainya sebagai pemberian atau hadiah pun begitu juga, dikawal selia hampir tidak ada satu yang terkait dengan kegiatan merokok dan *vaping* itu tidak terangkum atau tidak diperuntukkan dalam RUU ini, Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Contohnya, kalau kesalahan. Bagi kesalahan pertama, didenda untuk tidak melebihi RM23,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua juga bagi pertubuhan perbadanan- *corporate body*- tinggi ya- RM30,000 *for second offenders*.

#### ■1610

Begitu juga ya, kalau sekiranya orang itu ialah- itu kalau individu ya. Sekiranya orang itu bukan korporat, makna individu; *RM20,000 first offenders. Second is RM30,000*. Kalau badan korporat, entiti; *first offence* kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua pula, ia sangat *hefty*.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada RM50,000 bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Itu lah contoh-contoh bagi mana *punishment* atau pun kesalahan-kesalahan itu. Hukuman kesalahan-kesalahan tersebut, Datuk Yang di-Pertua.

Jadi, kalau saya teruskan sikit lagi. Bukan tuan-tuan *jer* yang letih mendengar. Saya membacanya pun agak letih juga. Dengan izin, saya sikit- membasahkan tekak saya, Datuk?... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri nampaknya memang apa *ni, missed the job*, ya. Tak apa. Memang untuk YB lepas geramlah orang kata.

**Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad:** Tidak juga... *[Ketawa]* Dia kata, *rebound phenomenon*. Baik. Bahagian VIII, Datuk Yang di-Pertua. Dia bersabit dengan persoalan pentadbiran akta ini, ya. Fasal 21 begitu juga memberikan Menteri kuasa atas nasihat Ketua Pengarah (DG), Ketua Pengarah Kementerian (KPK) bahawa terdapat- ini satu spesial. Terdapat situasi *acute, a kind of a emergency situation* dengan izin, atau kritikal yang berhubungan dengan kegunaan ataupun penggunaan apa-apa produk tembakau atau bahan-bahan merokok yang lain (pengganti tembakau) untuk menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menasihati atas perkara ini.

Fasal ini juga bertujuan memberi Menteri kuasa atas syor jawatankuasa untuk melarang dan menyekat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut, pengimportan, pengilangan, pengedaran, penjualan atau apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau

produk pengganti tembakau melalui satu perintah yang disiarkan dalam *Warta*. Mana-mana orang yang gagal mematuhi melakukan satu kesalahan. Fasal 21 merupakan contoh merupakan peruntukan baharu yang telah dimasukkan di bawah rang undang-undang ini yang terkait dengan persoalan *acute. Emergency* tadi.

Peruntukan baharu ini sangat penting bagi memastikan pengguna produk merokok terutamanya rokok elektronik atau *vape* dilindungi sepenuhnya. *This is meant to protect*, untuk perlindungan pengguna. Jadi, menurut *Pulmonary Illness Related to E-Cigarette Use in Illinois and Wisconsin 2020*, satu penyakit dinamakan *e-cigarette and vaping product use-associated lung injury* atau dipanggil EVALI yang telah dilaporkan pada tahun 2019. Di Malaysia sendiri Datuk Yang di-Pertua, sebanyak 29 kes telah dilaporkan pada tahun 2022 sehingga 2023. Tahun ini pun tak silap saya dalam 25 kes atau 23 kes yang disebutkan sebentar tadi.

Fasal 22 itu bertujuan memberi kuasa Menteri melantik mana-mana orang untuk menjadi juruanalisis. Ini semua dah kepada teknikal dan *detail*, Datuk Yang di-Pertua. Saya kalau diizinkan *fast forward*, 26,27,28,29,30 ya— semuanya ini Datuk Yang di-Pertua, saya kira adalah terkait dengan persoalan bagi mana rang undang-undang ini menjadi satu yang hampir sempurna lengkap untuk mengawal selia hal yang terkait dengan merokok dan *vaping* termasuklah perkara-perkara yang saya kira adalah terkait dengan persoalan hukuman dan jadi, kalau dapat saya rumuskan Datuk Yang di-Pertua, terlalu panjang.

Saya sebutkan tadi ada yang Menteri bentang satu jam dan saya adalah salah seorangnya... *[Ketawa]* Jadi, dengan itu saya nak ringkaskan bahagian-bahagian sebelumnya.

Akhirnya Bahagian X, akta yang dicadangkan memperkatakan cara yang berhubung dengan perbicaraan dan prosiding.

Bahagian XI iaitu akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan am bertujuan untuk mengadakan peruntukan perkara berhubung dengan pengkompaunan kesalahan. Kita boleh juga kompaun. Memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan, pertubuhan dan perbadanan.

Akhir sekali, Bahagian XII Fasal 54 dengan izin, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peralihan.

Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau saya segera mengambil semua ini- panjang betul... *[Ketawa]* Jadi, saya terpaksa mengambil pendekatan *fast forward* ini Datuk Yang di-Pertua.

Jadi, rang undang-undang ini amat penting dan tidak boleh ditangguhkan lagi dalam membendung masalah merokok di Malaysia. Dalam hal ini saya sekali lagi memohon Ahli-ahli Dewan Negara pada hari ini untuk memberikan pertimbangan sewajarnya untuk meluluskan rang undang-undang ini.

Saya mulakan sebentar tadi Datuk Yang di-Pertua, menekankan betapa sudah sekian lama hampir dua dekad, dua dasawarsa, 20 lebih tahun rang undang-undang atau pun hal perundangan ini hanya diberikan atau diperuntukkan dalam Akta Makanan dalam PPKHT ataupun Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Sudah sampai waktunya Datuk Yang di-Pertua, Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersama untuk membuat komitmen bagi membincangkan dan membahaskan lalu meluluskan rang undang-undang ini supaya benar-benar dapat kita kawal selia segala kegiatan merokok dan *vape*. Tanpa kita mengambil sedar, mengambil insaf bahawa ya, benar. GEG tidak ada dalam peruntukan ini. Saya mengharapkan jangan kerana itu kita lalu tidak mahu menyokong rang undang-undang D.R. 42/2023 ini kerana itu sangat saya kira sangat tidak bertanggungjawab kalau, dengan izin, kerana ini adalah- saya sekali lagi sebutkan, a *stand alone piece of legislation* dengan izin.

Satu rang undang-undang telah digubal dengan begitu lama ya dengan mengambil kira segala segenap sudut, segenap sisi perundangan. Supaya ia tidak lagi boleh diambil mudah kerana kita mahu bukan sahaja *the prevalence*, mengurangkan *prevalence* kepada lima peratus 2040 tetapi lebih penting daripada itu. Membangunkan sebuah negara Madani yang punya rakyat yang sihat.

Terhindar daripada tiga malapetaka besar yang bersabit dengan rokok dan *cigarette* ini yakni IHD, kanser dan juga penyakit-penyakit yang lain termasuklah *cardiovascular accident*, *stroke* dan COPD atau pun yang saya sebutkan tadi yang terkait dengan paru-paru *construct, the Chronic of Obstrutive Pulmonary Diseases* seperti yang *emphysema*, Datuk Yang di-Pertua.

Jadi, dengan itu saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan segala pertanggungjawaban membahaskan rang undang-undang ini dengan segala ketelitiannya, cermatnya, tetapi akhirnya *insya-Allah*, akan menyokong rang undang-undang ini yang dibentangkan petang ini. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar satu penjelasan panjang lebar daripada Yang Berhormat Menteri yang pada hari ini saya rasa merupakan satu *coincidence* yang begitu besar. Pada sehari selepas beliau dilantik semula sebagai Menteri Kesihatan, beliau membentangkan kepada kita dengan memberikan penjelasan yang begitu *detail* tadi. YB Menteri, memang daripada pembangkang di Dewan Rakyat sampai jadi Menteri. Selepas itu jadi pembangkang balik. Selepas itu jadi *backbencher*. Jadi Pengerusi Jawatankuasa Parlimen dan sekarang kembali semula sebagai Menteri.

Jadi, memang saya tak tahu lah apa yang telah disusun untuk Malaysia pada hari ini, tetapi trend untuk tidak merokok atau mengawal merokok dan juga bahan-bahan yang boleh merokok ini merupakan satu trend yang sedang hebat dilaksanakan di seluruh dunia lah. Untuk kebaikan negara, untuk kebaikan masyarakat, untuk kesihatan anak-anak muda kita.

■1620

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti tembakau dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 25 orang ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan untuk memberi ruang kepada ahli-ahli yang masih ada perkara untuk dibahaskan, saya tetapkan bahawa masa diberi tujuh minit seorang...  
[Tepuk]

Jadi saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam untuk berbahas.

4.21 ptg.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya terlibat dalam perbahasan rang undang-undang yang cukup penting ini.

Sebelum saya memulakan perbahasan, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad atas pelantikan sebagai Menteri Kesihatan yang baharu... [Tepuk]

Selamat kembali ke Kementerian Kesihatan Malaysia dan saya yakin KKM akan terus maju di bawah Yang Berhormat Menteri. Dengan izin, *the return of the legend to settle his unfinished business.*

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tindakan kita untuk menggugurkan cecair nikotin dari Akta Racun 1992 semenjak bulan April tahun ini merupakan satu kesilapan besar. Tindakan tersebut telah mewujudkan satu kelompangan daripada segi undang-undang di mana anak-anak kita bebas untuk membeli produk yang mengandungi cecair nikotin sebaik sahaja mereka dilahirkan lagi. Dengan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, ia memberi satu peluang untuk kita menutup kelompangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian *Malaysian Vape Chamber of Commerce*, jumlah pengguna *vape* dewasa telah meningkat sebanyak 27 peratus dari 1.1 juta orang pada tahun 2019 kepada 1.4 juta orang pada tahun 2022. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan

2022 menunjukkan bahawa peratusan remaja berumur 13 hingga 17 tahun yang menghisap *vape* telah meningkat ke 14.9 peratus dari 9.8 peratus pada tahun 2017.

*[Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Lagi mengejutkan, peratusan penghisap *vape* remaja wanita telah menunjukkan peningkatan yang mendadak ke 6.8 peratus pada tahun 2022. Bayangkan kita akan ada generasi ibu yang merupakan penghisap *vape*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fenomena baru iaitu golongan muda kita sekarang telah terjerumus dengan menghisap *vape* tanpa menyentuh sebarang produk tembakau. Ini adalah bertentangan dengan prinsip asal pengenalan rokok elektronik atau *vape* di mana ia dicipta sebagai produk untuk membantu perokok konvensional untuk berhenti merokok. Ini jelas menunjukkan bahawa *vape* merupakan alat baru penyampaian nikotin dan kita bakal mewarisi satu- generasi yang ketagihan kepada nikotin.

Bagaimanakah pula kandungan nikotin di dalam rokok tembakau berbanding dengan *vape*? Lazimnya, satu batang rokok tembakau mengandungi 1 hingga 1.6 miligram nikotin. Ini bermaksud satu kotak rokok tembakau hanya mengandungi 20 hingga 24 miligram nikotin. Cecair *vape* yang berada di pasaran kita pula mengandungi kekuatan nikotin sehingga 50 miligram setiap satu mililiter.

Dengan jumlah 6 mililiter sahaja untuk sebuah botol cecair *vape*, kandungan nikotin telah melebihi 10 kali- ganda jumlah kandungan nikotin dalam satu paket rokok tembakau. Ini jelas menunjukkan bahawa cecair *vape* boleh membunuh sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan terhadap soalan lisan saya dalam tempoh hari.

Mengikut data Pusat Racun Negara, dari tahun 2015 hingga Ogos 2023 terdapat 100 kes keracunan nikotin dan 59 daripada kes tersebut melibatkan kanak-kanak. Lebih merisaukan kita masih tiada lagi protokol rawatan yang telah terbukti berkesan untuk merawat ketagihan *vape* buat masa ini. Walaupun beberapa cara rawatan telah menunjukkan ia mungkin berkesan, namun begitu, lebih banyak kajian diperlukan untuk betul-betul membuktikan keberkesanannya khususnya untuk golongan remaja.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan, apakah anggaran peruntukan yang telah kita tetapkan untuk penyelidikan dalam bidang rawatan ketagihan *vape* ataupun cecair nikotin? Adakah kerajaan bersedia untuk memperuntukkan sebahagian besar daripada hasil cukai ke atas peranti atau cecair nikotin ke arah penyelidikan rawatan ketagihan *vape*?

Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian iaitu kewujudan *vape* yang telah diubahsuai untuk menyampaikan ganja, *methamphetamine* dan juga lain-lain dadah yang berbahaya. Ini telah disahkan oleh Polis Diraja Malaysia beberapa tahun yang lepas dan bakal mewujudkan cabaran daripada segi penguatkuasaan kerana bau wap hembusan *vape* boleh

mengandungi dadah telah diubah dengan perisa yang digunakan dengan berleluasa dalam cecair *vape*. Adakah kita sudah bersedia untuk penguatkuasaan penggunaan dadah melalui kaedah penyampaian baru ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kita hanya meluluskan rang undang-undang ini dan isu penguatkuasaan tidak diketengahkan. Untuk penguatkuasaan yang menyeluruh, semestinya Kementerian Kesihatan memerlukan tenaga kerja yang lebih besar khususnya penolong pegawai kesihatan dan persekitaran (PPKP). Baru-baru ini saya telah mengutarakan isu penolong pegawai kesihatan persekitaran yang sepatutnya mendapat kenaikan pangkat secara lantikan. Seramai 79 orang telah lulus KPSL namun masih tidak dapat dilantik atas dasar keutamaan pelajar lulusan dari ILKKM terlebih dahulu. Bolehkah Menteri Kesihatan- serapkan semua mereka sebagai PPKP untuk memberi 'gigi' untuk penguatkuasaan seksyen 17 rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun hasrat kita untuk meluluskan GEG tidak tercapai dalam rang undang-undang ini, saya yakin penguatkuasaan yang sangat ketat, kita juga mampu menghasilkan kesan yang hampir sama dengan GEG. Kajian telah menunjukkan bahawa adalah amat jarang untuk orang dewasa mula merokok dan keadaan ini dijangka sama seperti *vape*...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Sedikit lagi, dua minit lagi.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Dua minit?

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Dua minit lagi. Seksyen 17 rang undang-undang ini menghalang semua orang yang belum dewasa daripada merokok, mengunyah dan menggunakan mengikut apa jua cara apa-apa produk tembakau atau merokok, apa-apa produk pengganti tembakau.

Jadi kita wajib pastikan seksyen 17 ini dikuatkuasakan dengan seberapa ketat yang mungkin. Ini untuk memastikan generasi baru kita bukan generasi penagih nikotin. Saya hendak tanya kepada Menteri Kesihatan, bolehkah kita melantik rakan komuniti untuk membantu dalam penguatkuasaan seksyen ini dan memberi insentif sebahagian daripada denda yang dikutip kepada sesiapa yang berjaya untuk membantu ke arah penguatkuasaan seksyen rang undang-undang ini.

Jika dengan penguatkuasaan yang ketat kita masih tidak mampu untuk mengawal fenomena ketagihan nikotin, maka tidak terlewat lagi untuk kita meminda rang undang-undang ini dengan memasukkan elemen *generation-end-game* supaya kita dapat menamatkan ketagihan nikotin untuk generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin seharusnya peka terhadap kebaikan yang lebih menyeluruh untuk masyarakat generasi yang akan datang selaras dengan konsep, dengan izin, *utilitarian concept of governance*.

## ■1630

*When in doubt, always choose the greatest good for the greatest number of people.*  
Janganlah pemimpin-pemimpin dan penggubal-penggubal dasar yang diamanahkan untuk memelihara kepentingan bersama rakyat termakan dengan habuan lobi-lobi tertentu. Jadi, saya mohon menyokong RUU ini untuk memberikan nafas baru kepada generasi Malaysia yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

*Jikalau Yang Berhormat mengangkat peti,  
tolong masukkan segala barang;  
Jikalau Yang Berhormat bersatu hati,  
kerja yang susah menjadi senang.*

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

**4.31 ptg.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Dato' Dr. Nelson yang dihormati selaku Tuan Yang di-Pertua pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri baru kita atas tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya teruskan perbahasan hari ini mengenai Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Produk merokok, kita mendapat pelbagai reaksi baik di Dewan Rakyat berkenaan perbahasan rang undang-undang ini, di mana rang undang-undang ini diperuntukkan kawalan ke atas rokok dan produk rokok yang menjadi salah satu- bahan yang dinormalisasikan sekian lama dalam persekitaran kehidupan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa jika kita ingin mengawal tabiat seseorang itu, bukan satu perkara mudah jika tabiat tersebut telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seseorang. Samalah halnya dengan tabiat merokok.

Walau bagaimanapun, dengan adanya rang undang-undang ini, saya harap hasil serta imbalan yang adil kepada kedua-dua pihak perlu diambil peduli iaitu antara perokok dan kerajaan.

Kita sedar bahawa merokok membahayakan kesihatan lebih-lebih lagi dengan pelbagai inovasi terkini, produk rokok konvensional sehingga terhasilnya rokok elektronik ataupun *vape*. Namun pihak kerajaan telah mengambil langkah di mana mengenakan duti eksais ke atas produk cecair ataupun gel yang mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik atau *vape* bermula 1 April 2023.



Saya sedar cukai berkenaan tidak membawa pulangan yang lumayan berbanding dengan cukai rokok seperti mana yang ada pada hari ini tetapi saya rasakan ini merupakan salah satu langkah permulaan, satu langkah untuk mengenakan cukai eksais terhadap produk tersebut. *One-step at a time*, dengan izin.

Kita tidak boleh mengambil langkah mengejut dalam mengubah tabiat orang walaupun niatnya baik untuk membebaskan generasi masa hadapan dari belunggu merokok. *One-step at a time*, sekali lagi dengan izin. Ramai yang kecewa *generation end game* (GEG) digugurkan dalam rang undang-undang kali ini dan diganti dengan orang belum dewasa (OBD). Seperti yang saya sebutkan tadi, *one-step at a time*, dengan izin, sekali lagi. *One-by-one*.

Dengan gugurnya GEG kali ini, pihak kerajaan mempunyai lebih banyak masa untuk meneliti dan mengkaji lebih terperinci untuk menutup segala kelompangan yang ada dan menghasilkan satu lagi kertas kerja yang jauh lebih komprehensif untuk diusulkan pada masa hadapan mengenai produk merokok ini.

Jika lihat dari sudut positif, pelaksanaan dan implementasi rang undang-undang ini perlu dibuat secara berperingkat dengan mengambil pendekatan yang bersesuaian mengikut peredaran dan keadaan, satu langkah yang bijak, untuk mengubah tabiat seseorang itu memakan masa serta kesedaran daripada diri yang tinggi. *One-step at a time*, dengan izin. Apa langkah yang mengejut yang akan diambil ini, para perokok tegar akan mengambil carian, bekalan di pasaran gelap? Seterusnya meningkatkan aktiviti penyeludupan yang tinggi. Perkara ini yang kita mahu elakkan, perokok tetap merasakan mereka mempunyai pilihan.

Soalan saya kepada kementerian, adakah pihak industri terutama usahawan-usahawan tempatan akan dilibatkan bersama sebagai ahli jawatankuasa dalam merangka perinci peraturan-peraturan yang akan dikenakan melalui Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023? Ini kerana kita perlu ada kerjasama di antara peniaga, usahawan, pengeluar, perokok dan sebagainya untuk kita menjadikan dasar yang baik. Justeru itu, bilakah perbincangan ini diadakan? Adakah sudah diadakan ataupun belum diadakan?

Mengenai fasal 3 di mana rang undang-undang ini mengehendaki semua produk tembakau, bahan rokok, produk pengganti tembakau didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan. Mana-mana yang gagal mematuhi fasal ini iaitu melakukan kesalahan. Oleh itu, apakah mekanisme yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk mengenal pasti kesalahan ini?

Seterusnya, berapa ramai pegawai yang dikhaskan dalam memantau kesalahan dilakukan di bawah fasal 3? Pada sisi yang lain, Bahagian III, akta yang dicadangkan memperkatakan tentang larangan apa-apa pengiklanan, promosi, tajaan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan tiruan serta sebagainya.

Apa pandangan pihak kementerian mengenai rokok elektronik yang digantung di leher kerana peranti itu sememangnya telah direka sedemikian untuk memudahkan capaian dan simpanan. Hari ini kita lihat bukan sahaja di luar malah di kementerian-kementerian, pada mereka yang menggunakan produk *vape* ini menggantungkan *vape* di tengkuk ini sebagai promosi.

Jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan perkara ini diambil dan diperhalusi dan apakah menggantung produk elektronik seperti *vape* dan *pod* di leher ini yang kelihatan seperti menayang dianggap sebagai pengiklanan dan promosi? Adakah perbuatan ini akan diklasifikasikan sebagai satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini? Kerana kali ini nak buat undang-undang, kena teliti, kena jelas. Jangan sekadar melepas batuk di tangga.

Di samping itu juga, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian untuk menyatakan sama ada peraturan-peraturan yang diperkenalkan melalui Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini akan berbeza kawalan produk rokok dan *vape* daripada segi pemasaran, daripada segi promosi, daripada segi pengiklanan dengan mengambil kira kesan usahawan-usahawan tempatan dalam industri *vape*?

Kita tahu hari ini industri *vape* dunia boleh dikatakan majoriti dipelopori oleh usahawan daripada negara kita dan usahawan-usahawan di peringkat dunia hari ini boleh dikatakan *vape* industri, dipelopori oleh majoriti rakyat Malaysia. Jadi, nak buat peraturan yang baru ini, rang undang-undang baru ini perlu dilihat daripada semua sudut agar kita tidak menekan usahawan-usahawan kita yang menjual produk-produk *vape* di luar negara. Boleh dikatakan majoriti pengusaha *vape* ini merupakan golongan bumiputera dalam negara kita.

Saya harap pihak kementerian mengambil peduli. Nak buat rang undang-undang ini macam saya bagi tahu, jangan *rushing. One-step at a time*, dengan izin, kerana akhirnya kita nak satu pelaksanaan dasar dan rang undang-undang yang boleh diterima pakai oleh semua rakyat Malaysia kerana kita tidak mahu apabila rang undang-undang ini dilaksanakan, ada suara-suara di luar mempertikaikan rang undang-undang ini apabila dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri, saya sekali lagi ingin menyatakan hari ini di dalam Dewan yang mulia ini, saya menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Saya yakin majoriti rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini juga berpendirian dan bersependapat dengan saya sekiranya pihak kementerian meneliti sebelum melaksanakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Nelson, terima kasih. Sekian sahaja perbahasan saya, terima kasih. Macam-macam boleh ubah. Yang tak boleh ubah hanya Quran dah hadis sahaja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Satu persembahan yang mantap.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

#### 4.39 ptg.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula, saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, dilantik balik sebagai Menteri di Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat, *you have gone to the place where you actually belong to- to complete the unfinished business*, dengan izin.

Saya ingin menyentuh beberapa perihal yang terkandung dalam fasal 7 dan fasal 8 rang undang-undang ini. Pertamanya, mengenai fasal 7(1)(d). Mengikut peruntukan fasal tersebut, apa yang saya faham adalah mana-mana individu atau pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan satu-satu penyiaran dan atau iklan yang berkemungkinan mempunyai motif untuk mendorong perbuatan merokok.

Persoalan besar yang harus kita bangkitkan mengenai peruntukan tersebut adalah bagaimanakah satu-satu penyiaran atau iklan itu boleh disifatkan mempunyai kemungkinan untuk mendorong perbuatan merokok?

#### ■1640

Saya bagi satu contoh untuk memperjelaskan persoalan saya iaitu dalam satu iklan ubat gigi, ada seorang lelaki sedang melakukan perbuatan memegang rokok yang masih berasap di tangan. Kamera fokus kepada rokok di tangan lelaki itu. Adegan tersebut berdurasi 10 saat dan lelaki tersebut tidak langsung menghisap rokok itu. Adegan seterusnya memaparkan seorang anak kecil kepada lelaki itu menegur bapanya supaya menggunakan produk ubat gigi untuk diiklankan untuk memutihkan gigi kuning akibat merokok. Babak akhir iklan itu memaparkan adegan bapanya masuk ke bilik mandi untuk menggosok gigi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri menjustifikasikan sama ada iklan tersebut mempunyai motif atau kemungkinan untuk mendorong atau menggalakkan kepada perbuatan merokok? Sebagai pengamal undang-undang, saya dengan tegasnya berpendapat bahawa amat sukar untuk undang-undang ini menentukan unsur atau motif yang terkandung dalam satu-satu iklan atau siaran yang memaparkan perbuatan yang menjurus ke arah merokok. Perbuatan memegang rokok misalnya, kita tidak boleh tafsirkan atau mengendalikan secara buta-buta bahawa perbuatan tersebut merupakan perbuatan merokok atau perbuatan yang bermotifkan dorongan untuk merokok kerana perbuatan tersebut secara neutralnya bukanlah perbuatan merokok.

Sehubungan dengan itu, daripada perspektif saya selaku pengamal undang-undang, takrif merokok disebut dalam fasal 2 tidak wajar merangkumi perbuatan memegang rokok

yang dinyalakan. Merokok hanya boleh disifatkan- tafsirkan sebagai perbuatan yang menghembus asap rokok atau apa jua produk berkaitan tembakau. Tidak adil untuk kita menjustifikasikan perbuatan memegang rokok tanpa rokok dihisap sebagai perbuatan merokok kerana takrif tersebut boleh menjejaskan hak keadilan seseorang tertuduh yang melibatkan tuduhan yang dibuat menurut fasal 7 dan 8.

Perkara tersebut juga akan menjadi cabaran besar bagi pihak pendakwa raya untuk membuktikan di mahkamah bahawa perbuatan memegang rokok yang menyala tanpa rokok itu dihisap merupakan perbuatan yang bermotifkan dorongan untuk merokok. Jika ditanya kepada saya, perbuatan memegang rokok di dalam iklan tersebut tidak langsung mendorong ke arah perbuatan merokok, hanya *stunt* sahaja, dengan izin, untuk menghidupkan subjek iklan ubat gigi tersebut iaitu *reason to buy the product*.

Sama juga seperti beberapa adegan dalam filem KL Gengster lakonan Adi Putra yang memaparkan pelakon tersebut sentiasa meletakkan rokok yang tidak dinyalakan api di mulut. Adakah adegan-adegan yang memaparkan Adi Putra atau Jai menghisap rokok tanpa api dalam filem *box office* tersebut dikira sebagai perbuatan yang menggalakkan merokok? Jika pihak penerbit filem tersebut dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan di bawah fasal 7 subfasal 1(d), amat berat bagi pihak Pendakwaraya untuk membuktikan kewujudan motif atau unsur galakan untuk merokok dalam adegan-adegan yang memaparkan pelakon tersebut menghisap rokok yang tidak dinyalakan. Kalau saya menjadi peguam bela kepada penerbit atau pengarah filem tersebut, saya rasa mempunyai peluang yang agak tinggi untuk menang kes itu.

Dato' Yang di-Pertua, dengan izin, *a law must be truly judge in preventing faults from being committed*, dengan izin. Saya secara peribadi menyambut baik mewujudkan rang undang-undang ini sebagai satu usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang memerangi rokok secara progresif. Namun begitu, saya khuatir bahawa penguatkuasaan undang-undang ini tidak bersifat saksama dan hanya menyebelahi pihak serta individu yang mempunyai pengaruh tertentu atau dalam istilah perundangan disebut sebagai *undue influence*.

Seperti yang disebut dalam fasal 7 dan 8, tiada seorang pun boleh memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan apa-apa iklan berkaitan rokok atau produk berkaitan tembakau. Seperti yang kita- semua sedia maklum, setiap filem yang ingin disiarkan secara umum baik di kaca televisyen atau di pawagam, mestilah melalui proses tapisan atau pengklasifikasian kandungan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF). LPF merupakan sebuah agensi berkaitan kerajaan di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Dengan kata lain, sesiapa pun yang menjadi Menteri Dalam Negeri, beliau yang akan mempunyai kuasa dalam apa jua yang melibatkan LPF.

Persoalan yang saya ingin bangkitkan ialah sejauh manakah undang-undang ini boleh menjadi benteng kuat untuk menghalang mana-mana penerbit filem yang ingin menerbitkan filem mereka yang mengandungi babak-babak yang jelas memaparkan perbuatan merokok oleh pelakon? Apa jaminan yang boleh diberikan oleh KKM bahawa undang-undang ini boleh dipatuhi oleh Lembaga Penapisan Filem yang mungkin terdedah dengan *favoritism* terhadap penerbit atau pengedar filem tertentu yang ingin menayangkan filem terbitan atau edaran mereka di pawagam.

Yang Berhormat Menteri. Bolehkah bagi saya dua, tiga minit?

**Dato' Nelson a/l Renganathan:** Boleh.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Bukanlah seorang peguam tetapi seharusnya sedar bahawa LPF atau KDN mempunyai *undue influence* untuk mempengaruhi apa jua tindakan perundangan yang hendak dikenakan oleh pihak ketiga atau pihak plaintif. LPF merupakan pihak yang disebut dalam fasal 7 dan 8 sebagai orang yang memudahkan satu-satu penerbitan.

Saya amat khuatir bila undang-undang ini diwartakan kelak, ada daripada kalangan penerbit filem tempatan yang melanggar pematuhan fasal tersebut hanya kerana dia mempunyai hubungan baik dengan Menteri KDN atau kepentingan tertentu dengan LPF. LPF bukanlah badan bebas. Amat sukar sekali untuk saya percaya bahawa tiada campur tangan akan dibuat oleh mana-mana orang politik atau *high ranking official* yang memimpin KDN atau LPF bagi isu yang melibatkan pemotongan babak merokok atau pengharaman filem daripada ditayangkan daripada melanggar fasal 7 dan 8.

Berhubung dengan perihal tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan, pertama, apa medium serta mekanisme yang akan diwujudkan oleh KKM bagi memantau mana-mana drama bersiri atau filem yang disiarkan di televisyen dan pawagam yang didapati melakukan kesalahan di bawah fasal 7, 8 dan 9. Adakah ia hanya dibuat menerusi aduan umum atau wujudnya satu badan penguat kuasa khas bagi maksud pematuhan fasal-fasal tersebut?

Kedua, apakah strategi atau agenda yang akan dilaksanakan bagi mempromosikan input ataupun pengetahuan mengenai pematuhan fasal 7 dan 8 kepada para penggiat seni tanah air terutamanya penerbit filem dan drama TV?

Ketiga, di mana KKM dapat menghidupkan kuat kuasa fasal 7, 8 dan 9 undang-undang ini secara adil, telus dan berintegrasi bagi menghalang sebarang elemen *undue influence* oleh pihak LPF dan KDN yang boleh menjejaskan tindakan undang-undang di mana-mana terbitan yang didapati melakukan kesalahan?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Setelah mendengar penjelasan daripada Menteri, saya memang akan menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

#### 4.49 ptg.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Madani. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Saya terlebih dulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad atas pelantikan beliau sebagai Menteri Kesihatan. Juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atas inisiatif mengorak langkah dengan membentangkan rang undang-undang ini yang dilihat penting bagi menjaga kepentingan umum memandangkan ia memberi kemudahan dan kebinasaan kepada kesihatan awam.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan peruntukan dalam RUU ini pula, saya ingin menyentuh berkenaan pertama, berkaitan larangan penjualan produk tembakau dan sebagainya iaitu berkenaan fasal 10, 11, 12 dan 13. Pada hemat saya, kadar denda bermula yang dikenakan bagi kesalahan pertama di antara RM10,000 hingga RM20,000 dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya di antara RM30,000 hingga RM300,000 itu tidak memadai dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Seharusnya kadar denda ini dinaikkan bermula dengan kadar RM100,000 bagi kesalahan pertama dan RM500,000 bagi kesalahan kedua hingga maksimum RM1 juta bagi kesalahan berikutnya. Perkara ini penting untuk dipertimbangkan memandangkan keuntungan yang diperoleh oleh mereka melalui kegiatan ini adalah jauh lebih tinggi dan kadar denda yang rendah ini mampu dibayar oleh mereka serta mengakibatkan kesalahan yang sama akan terus berulang-ulang.

Kedua, berkaitan kuasa penyiasatan iaitu bermula daripada fasal 25 hingga fasal 40. Peruntukan kuasa yang diberi kepada pegawai yang diberi kuasa dilihat sangat besar hinggakan kuasa seorang pegawai polis berhubung dengan siasatan yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] turut diberikan.

Pada hemat saya, lebih baik diwujudkan satu *task force* melibatkan semua pihak berkuasa bagi membendung perkara ini dengan lebih efektif memandangkan pegawai yang diberi kuasa ini dibimbangkan tidak mempunyai cukup pengetahuan dan pengalaman bagi melakukan siasatan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*]. Tambahan pula kuasa yang diberi ini juga dikhuatiri akan membawa kepada berlaku masalah integriti, salah guna

kuasa, penyelewengan dan rasuah. Justeru itu, pembentukan *task force* ini akan menjadi alat *check and balance* antara aspek pelesenan secara tidak langsung.

Menyentuh berkenaan pengguguran peruntukan berkaitan generasi penamat rokok (GEG) dalam Rang Undang-undang RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, pada hemat saya adalah baik sekiranya peruntukan ini dapat dikaji semula dan dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini bagi mengekang epidemik rokok yang saban tahun semakin menunjukkan peningkatan ketara terutama di kalangan perokok di bawah umur.

Peratusan menggunakan rokok elektronik dan *vape*, telah menunjukkan peningkatan daripada 9.8 peratus pada tahun 2017 kepada 14.9 peratus pada tahun 2022. Saya berpendapat penggunaan rokok elektronik dan *vape* ini perlu diambil kira dalam memasuki dalam akta RUU ini. Sesungguhnya angka-angka yang telah dibentangkan ini memberikan konotasi yang sangat negatif, namun pihak kementerian telah memberi penerangan bahawa pengguguran peruntukan ini dilakukan setelah mendapat pandangan dari pihak Peguam Negara bahawa ianya bercanggah dengan perkara dan Perlembagaan Persekutuan dan ianya boleh dicabar di mahkamah kerana telah mewujudkan layanan undang-undang yang tidak sama rata seseorang yang dilahirkan sebelum 1 Januari 2007 dan seseorang yang lahir pada selepas 1 Januari 2007 sebagaimana Menteri Kesihatan menjelaskan tadi.

Sekiranya diteliti dengan lebih lanjut, tidak terdapat peruntukan jelas menyatakan merokok itu adalah sebahagian daripada hak asasi manusia sama ada di bawah Perlembagaan Persekutuan ataupun Pengisytiharan Antarabangsa Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948. Justeru itu, mana mungkin hak merokok ini seharusnya dilindungi atas nama hak asasi dan kesamarataan. Oleh itu melindungi hak kesamarataan golongan majoriti lebih utama daripada golongan minoriti iaitu perokok apatah lagi ia nya membabitkan kepentingan awam iaitu berkaitan aspek kesihatan. Justeru itu tindakan melindungi orang awam daripada ancaman asap rokok yang boleh mengancam kesihatan mereka merupakan hal yang lebih utama dan seharusnya dilindungi oleh Perlembagaan.

Justeru itu saya memohon pada Kementerian Kesihatan supaya memberikan penjelasan yang sebenar-benarnya supaya RUU ini tidak dapat dipertikaikan. Sebagai sebuah kerajaan yang cakna dengan hak rakyat, seharusnya berani mengambil tindakan yang tegas dan konsisten demi melindungi hak rakyat dan meneruskan kehidupan dalam suasana persekitaran yang bersih dan selamat daripada ancaman asap rokok.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan saya berharap agar Kementerian Kesihatan memainkan peranan yang cukup besar dalam menangani isu ini dan melahirkan masyarakat pada masa hadapan bebas daripada gejala merokok. Dengan ini saya menyokong.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

#### 4.56 ptg.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya izin berbahas pada petang ini mengenai Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih ataupun tahniah Dr. Dzulkefly sekali lagi dilantik menjadi Menteri Kesihatan. Jadi kalau kita lihat statistik, pendapatan negara dianggarkan lebih kurang RM2.3 bilion daripada hasil rokok. Jadi kalau ikut pendapatan agak tinggi, tetapi saya juga difahamkan kita berbelanja lebih daripada jumlah yang kita kutip daripada hasil rokok ini ataupun hasil tembakau untuk mengubati mereka yang merokok. Jadi ini satu perkara yang amat serius.

Jadi mengikut kajian saya sebagaimana Pak Menteri bagi tahu tadi, lebih kurang 21 peratus rakyat merokok, tetapi yang lebih sebenarnya lebih membimbangkan daripada 1.3 juta orang pelajar sekolah menengah yang disaring pada tahun lalu didapati 43,000 orang pelajar sekolah dikesan menghisap rokok. Dua juta orang murid sekolah rendah yang disaring, 341 orang murid telah dikenal pasti sudah mula menggunakan produk rokok. Produk rokok ini termasuk *vape* lah. Jadi begitu seriusnya sebenarnya fenomena merokok di negara kita pada waktu ini. Kita tidak mahu ia menjadi seperti diabetes dan kita nombor satu di Asia dan mungkin yang kedua di dunia tertinggi.

Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku kepada fenomena merokok. Jadi justeru itu saya secara peribadi daripada awal saya menyokong rang undang-undang ini. Rang Undang-undang ini sebenarnya telah begitu lengkap daripada penjenamaan, pendaftaran, pengawalan tentang pengiklanan, tentang kawalan harga. Kepada siapa yang boleh dijual, kepada siapa tidak boleh dijual, di mana tempat boleh merokok dan maksudnya RUU ini sudah begitu *detail* sehingga 54 fasal kesemuanya.

Jadi persoalannya adalah, adakah kita perlu undang-undang merokok? Saya secara peribadi macam saya katakan daripada awal tadi, saya memang sangat-sangat setuju sebab sejak sekian lama kita tidak ada akta merokok. Sudah sekian lama puluhan tahun dah tidak ada akta merokok. Jadi sudah tiba masanya suatu akta yang lengkap ini kita sama-sama sokong. Sebab apa kita perlu sokong, saya rasa untuk kawalan ada dua kaedah, satu pendidikan satu lagi melalui undang-undang.

■1700



Jadi kalau kedua-dua ini berjalan secara lancar, *insya-Allah* dalam jangka masa panjang kita dapat mengawal aktiviti merokok. Kalau kita lihat di Asia terutamanya di Thailand, kalau kita pergi beberapa tahun lepas kita pergi ke Thailand, kita lihat di Bangkok ramai orang merokok sana sini, tetapi buat masa sekarang ini kita dah kurang melihat orang dewasa merokok di khalayak ramai. Jadi, kita harap di Malaysia pun dengan undang-undang ini terutamanya bagi kanak-kanak kurang daripada 18 tahun kita dapat kawal selia agar mereka tidak terdedah di umur yang muda kepada merokok.

Walau bagaimanapun, mungkin terdapat beberapa kelemahan dalam mengawal penjualan produk merokok ini. Ya lah, macam saya kata tadi, RUU ini amat baharu, jadi apabila dia telah berjalan barulah kita nampak di manakah kekurangan dan kita boleh perbetulkan kemudian. Mungkin dalam jangka masa panjang, undang-undang ini adalah sangat penting. Ini menunjukkan ketegasan kita untuk mencegah merokok ataupun mengurangkan merokok di kalangan masyarakat terutamanya dalam generasi muda serta mengatasi bahaya merokok sebagaimana saya katakan tadi, kita berbelanja lebih daripada apa yang kita dapat daripada cukai rokok.

Cuma, saya berharap rokok pengganti tembakau ini sebenarnya rokok elektronik ini ada dua iaitu *vape* dan rokok elektronik itu sendiri. Jadi, saya harap dalam akta ini termasuk rokok elektronik. Rokok elektronik ini masih menggunakan rokok tetapi ada *prop* yang dicucuk di tengah-tengah rokok itu nanti panaskan.

Jadi, saya harap RUU ini berguna pakai juga kepada rokok elektronik tersebut. Jadi, saya rasa sekadar itu. Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Saya amat tertarik dengan statistik yang dilontarkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

## 5.02 ptg.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan pengganti tembakau dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengannya.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Mantan Menteri Kesihatan dan KKM yang telah berjaya membawa RUU ini ke Parlimen dan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 30 November yang lalu setelah pelbagai libat urus dilaksanakan dan dua kali cubaan dibawa ke Parlimen tapi tidak dapat diteruskan.

Seperti juga ramai rakyat kita di luar sana *netizen*, badan-badan bukan kerajaan seperti MMA, saya juga menzahirkan rasa kecewa kerana peruntukan berkaitan generasi penamat rokok (GEG) digugurkan. Saya mohon penjelasan kenapa KKM juga menggugurkan fasal 56, laporan keberkesanan larangan penjualan dan merokok bagi generasi penamat rokok (GEG) serta perkara-perkara lain termasuk kesan penggunaan rokok elektronik dibentangkan di Parlimen sebelum 1 Jun 2025 dan pada setiap lima tahun. Soalan saya, apakah justifikasi kepada pengguguran ini?

Dato' Yang di-Pertua, GEG adalah satu- dasar yang bertujuan untuk menghapuskan tabiat merokok dan penggunaan produk merokok di kalangan generasi muda secara beransur-ansur sehingga tahun 2045 dengan meletakkan had generasi umur bagi individu yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2007.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly atas pelantikan sebagai Menteri Kesihatan yang baharu dan saya menaruh harapan yang tinggi Menteri Kesihatan yang baharu ini dapat mengembalikan RUU ini ke Parlimen dengan dimasukkan semula peruntukan berkaitan generasi penamat. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri menggunakan pengalaman dan kapasitinya untuk menyuarakan di peringkat Kabinet. Semoga ada sinar di penghujung jalan dan harapan rakyat terutamanya para ibu bapa dapat melihat berakhirnya generasi perokok.

Dato' Yang di-Pertua, merokok ini sudah terbukti membahayakan kesihatan. Semua orang tahu ya. Malah di kotak-kotak rokok pun telah dipamerkan pelbagai jenis penyakit yang membawa maut. Namun, ia tidak mampu untuk menakutkan perokok. Masih juga hisap, masih juga tidak berhenti merokok, malah klinik berhenti merokok sendiri pun tidak banyak membantu untuk menghentikan tabiat ataupun ketagihan merokok. Oleh itu, kita perlukan satu akta untuk mengawal merokok.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, di Malaysia hampir 27,000 mati setiap tahun berkaitan dengan merokok. Kematian ini boleh dicegah sebenarnya dengan kawalan yang lebih ketat melalui peruntukan yang telah digariskan di bawah Perjanjian WHO FCTC. Pelbagai penyakit tidak berjangkit yang kronik yang dikaitkan dengan merokok yang disahkan oleh kajian-kajian. Antaranya kanser, penyakit vaskular dan jantung, pelbagai penyakit paru-paru, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain lagi. Ini telah menggunakan bajet yang sangat besar untuk rawatan penyakit-penyakit tersebut dan dikatakan ia telah melebihi lapan bilion. Satu angka yang sangat besar untuk satu kesilapan kita merokok.

Kerajaan juga telah mendedahkan rakyat terutamanya kanak-kanak akibat keracunan nikotin selepas kerajaan membuang nikotin daripada senarai racun sebelum kita ada satu akta untuk mengawal merokok dan penggunaan nikotin. Seperti Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi, 29 kes EVALI ataupun kecederaan pada paru-paru telah dilaporkan pada tahun 2022.

Saya berharap agar kerajaan dan juga rakyat Malaysia sedar akan bahayanya merokok dan sama-sama mengambil tanggungjawab melawan ketagihan dan yang amat membahayakan kesihatan ini. Menjadi hak setiap rakyat Malaysia untuk berada dalam persekitaran udara yang segar dan bebas dari asap rokok di semua tempat ya, lebih-lebih lagi di tempat awam dan malah kajian klinikal telah menunjukkan bahawa perokok pasif-maksudnya kitalah. Saya tidak menghisap rokok tetapi kawan yang menghisap rokok, saya merupakan penghisap pasif juga mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat kanser berbanding perokok aktif.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, tanggungjawab terpenting KKM melindungi kesihatan awam rakyat dan mengekalkan rakyat supaya kekal sihat. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apa langkah-langkah usaha kerajaan atau mekanisme yang dapat dilaksanakan untuk memastikan pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan juga pengganti tembakau mematuhi akta yang bakal dikuatkuasakan ini dan apakah persediaan kerajaan daripada segi tenaga kerja untuk penguatkuasaan.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina. Isu *generational endgame* sudah pasti akan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri nanti. Terima kasih.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid tidak ada di sini. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

■1710

5.10 ptg.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani. Yang di-Pertua Dewan, terima kasih bagi masa dan peluang kepada saya untuk turut serta berbahas rang undang-undang ini. Juga, tidak ketinggalan ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kita yang baru dilantik semula sebagai Menteri Kesihatan. Kita tahu Yang Berhormat Menteri kita ini seorang yang komitmennya tinggi, yang *firm*, yang ada integriti. Tahniah, Yang Berhormat Menteri.

Cerita bab rokok inilah, saya hendak bawa cerita yang tidak terlalu spesifik. Mana-mana punlah, kalau asap masuk dalam badan, tentu rosak. *Pollution*- asap rokok, karbon dioksida di luar sana yang masuk dalam badan kita, diproses oleh paru-paru dan kita hembus

balik, ia merosakkan tubuh badan kita. Jadi, maksudnya, apa-apa yang masuk ke dalam ruang rongga badan kita, asap dan sebagainya, ia tentu tak beri manfaat kepada manusia.

Jadi, kalau bercakap bab rokok, Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang orang marah. Kerana, perokok-perokok tegar ini dia akan ada sahaja jawapan dia untuk menghalalkan perbuatan menghisap rokok. Jadi, rokok telah- dahulu, kalau main bola, *Benson & Hedges*, *Rothmans*, umpamanya menyumbang kepada berbilion kepada sukan negara, tetapi lama-kelamaan, oleh sebab kita sedar bahawa rokok ini tidak baik untuk kesihatan, lama-lama ditinggalkan. Kita iklan, "*Rokok punca kanser.*" Kalau di Indonesia, *dibilang*, "*Rokok punca kanker*", tetapi orang hisap serupa itu juga.

Jadi, saya ingin membawa ke arah satu fikiran lain sikit. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan kita punya TV nasional kita, TV1, TV-TV kebangsaan kita, banyakkannya informatif, cerita tentang bahayanya merokok ini. Kalau sekadar itu sahaja, tak berkesan. Cerita- biarlah TV kita ini TV yang mempersembahkan agenda negara. Berulang-ulang supaya kita hendak mendidik ini biarlah dari aurnya. Janganlah kita mendidik setelah jadi buluhnya, susah hendak patah. Jadi, kita didik secara yang awal lagi.

Kita baca statistik, umpamanya. Kerana punca rokok, mati enam jutalah, 27 ribulah. Betul, tetapi untuk tak mahu hisap rokok, kita bukan boleh esok. Hari ini *stop*. Saya dulu hisap rokok juga, tetapi saya mengambil keputusan berhenti. Berhenti terus, tetapi bukan senang hendak berhenti merokok ini, tetapi macam mana pun, ia tidak baik untuk kesihatan, untuk negara, untuk anak-anak bangsa kita.

Rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri, dibuat bagi mengawal manusia. Itu sahaja. Hendak kawal manusia supaya beli rokok ada kedainya, tembakau ada ceritanya, umur ada macam ininya. Semua ini hendak dikawal manusia supaya manusia tidak melanggar yang dibuat akta ini supaya akhirnya negara kita hendak jurus, hendak *goal* kita jauhnya supaya semua rakyat sihat, supaya rakyat tidak merokok. Itulah hujung-hujungnya. Hendak bagi rakyat semua tidak merokok, kita aktakan. Sampai hari ini, saya baru sedar, rupanya akta ini tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, yang ada dimasukkan dalam Akta Makanan sahaja. Tidak ada, tetapi baru hendak buat, okeylah, daripada tak buat langsung.

Mustahaknya ialah peribadi-peribadi kita ini. Pemimpin-pemimpin seperti kita inilah yang menjadi *role model*. Kalau menjadi Ahli Parlimen, jangan hisap rokok. Kalau Ahli Parlimen hisap rokok di persekitaran Parlimen, macam mana *role model*? Kena berhenti. Jadi, hendak menjadi sihat, hendak mengurangkan- ya lah, mati bukan urusan kita, Yang Berhormat Menteri. Mati berpunca- banyak. Mati ini bukan urusan manusia. Mati urusan Allah, tetapi ikhtiar urusan kita.

Jadi, Yang Berhormat Menteri buat *paper* ini, rang undang-undang ini ialah sebahagian usaha ikhtiar supaya manusia sihat. Dan menjaga nyawa ini perintah. Perintah Allah menjaga nyawa. Menjaga nyawa, menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan, riadah. Itulah

menjaga nyawa tadi. Dia ada unsur-unsurnya. Kalau kita biarkan- kita tahu di situ ada harimau, kita hendak pergi juga? Harimau tentu kekah kita, Tuan Yang di-Pertua.

Kita tahu rokok itu bahaya, boleh menyebabkan kanker, menyebabkan paru-paru, kita hendak hisap juga, tetapi akhirnya kerajaan terpaksa mengadakan rang undang-undang bagi mengelakkan rakyatnya terus merokok.

Tuan Yang di-Pertua, ini hendak cerita tembakau, tetapi dahulu, Yang Berhormat Menteri, ada orang hisap rokok keretek. *Fuh*, dia hisap rokok keretek. Meletup-letup baju itu. Itu original, tembakau yang original, tetapi hari ini tidak meletup-letup lagi. Apakah kandungan dalam rokok itu tadi masih mempunyai tembakau yang *pure* ataupun dicampurkan dengan kertas? Akhirnya, jadi macam mana?

Saya- tadi Tan Sri Fatmi buka rokok dia, saya hendak tengok. Banyak kertas daripada tembakau. Yang ini pun kita kena tengok juga. Bukan semua rokok itu ada tembakau yang *pure*. Yang tak *pure*, tetapi tak apalah. Rang undang-undang ini akhir hujung-hujung nanti semua manusia, kalau bukan kita, anak-anak kita, akan tak ingat pun rokok ini. Kerana hendak melihat pimpinan yang hebat, orang muda yang hebat, hari ini kita kena buat undang-undang melihat 10 tahun akan datang. Yang Berhormat Menteri, okeylah, tentu saya bersetuju. Saya tahu ini sangat baik untuk negara kita.

Yang kedua, hendak bawa ke lain sikit. Ketum ini macam mana? Ketum, Akta Racun. Kebahayaan dia kepada manusia- *wisdom* ketum ini, kebijaksanaan, *wisdom* ini, Yang Berhormat Menteri, lebih bahaya daripada rokok, tetapi tidak pernah dibicarakan. Ada hendak dihalalkan, hendak di-*research*-kan, tetapi sampai sekarang belum dibuat.

Saya bimbang, selain daripada rokok, *vape* dan sebagainya, Yang Berhormat Menteri- saya minta maaf. Jangan marah. Benda ini berlaku. Siapa yang datang dari luar bandar, kita tahu di sekolah-sekolah umpamanya, di sekolah menengah umpamanya, anak-anak kita sekarang sedang menghirup ketum ini. Ketum ini dia tidak boleh *charge* di mana-mana. Hanya boleh di-*charge* di bawah Akta Racun. Ketum sangat berbahaya pada jantung, melikatkan darah, dikatakan, dan banyak yang tiba-tiba minum ketum, meninggal. Saya sebut sekali lagi, meninggal bukan urusan ketum, urusan Allah SWT, tetapi perbuatan itulah menjuruskan kepada asbab dia meninggal. Begitu jugalah dengan rokok.

Jadi, tentu saya menyokong rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri, dan saya bawa penceritaan lain sikit daripada yang lain kerana Yang Berhormat Senator yang lain telah membawa banyak- benda-benda yang spesifik. Jadi, saya bawa kepada kita- masa pun dah hampir lima lebih- kita bawa fikiran-fikiran kita yang lain. Yang Berhormat Menteri teruskan apa sahaja yang baik kepada bangsa ini. Buatlah apa sahaja yang baik untuk menjaga maslahat umum kepada rakyat kita. Kerana, dengan sihat inilah kita boleh berjuang, dengan sihat inilah kita boleh amal ibadat, dengan sihat inilah negara kita boleh maju.

Terima kasih, Yang di-Pertua. Saya pasti menyokong. Terima kasih... [*Tepuk*]

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar. Konsep *role model* yang ditunjukkan tadi satu perspektif yang realistik. So, terima kasih. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

### 5.19 ptg.

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa]

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Kesihatan serta kerajaan secara umumnya kerana mengusulkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. Mendengar taklimat atau penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, jelas kita tak perlu menunggu 20 tahun lagi untuk menyelesaikan masalah besar dalam konteks memastikan kesihatan rakyat dan warga negara kita keseluruhannya.

#### ■1720

Tahniah juga kerana seperti yang disebut oleh seorang rakan Yang Berhormat tadi bahawa RUU yang dibentang ini sudah cukup tuntas, sangat komprehensif meliputi semua aspek yang perlu. Oleh sebab itu, saya kira tidak ada kekangan untuk nanti rang undang-undang ini menjadi suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen untuk dilaksanakan.

Yang di-Pertua, keperluan rang undang-undang ini diluluskan sangat mendesak untuk memenuhi kehidupan yang sejahtera. Ini saya kira juga sangat rapat dengan tujuan kita beragama ataupun dalam konteks *maqasid syariah*, dalam prinsip kedua disebut soal memelihara nyawa.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara nyawa kita. Walaupun dengan merokok tak bererti kita akan mati. Ayah saya dahulu arwah pun 95 tahun, merokok tak henti-henti, tetapi ya ini bukan soal kes-kes seperti itu, tetapi kes keseluruhan rokok yang telah dibuktikan mendatangkan musibah besar pada kesihatan.

Demikian juga dalam konteks prinsip kelima *maqasid syariah* itu juga soal harta. Jadi, pembaziran yang banyak dalam soal membeli rokok dan juga pembaziran kerana soal kos untuk merawat pesakit-pesakit yang berakibat daripada kesan merokok itu juga satu konteks pembaziran yang harus dielakkan dan tentu lah kita ingat seruan Tuhan sendiri supaya tidak mencampakkan diri ke dalam kebinasaan dengan melakukan perbuatan yang tidak berfaedah termasuk melalui kegiatan merokok.

Namun demikian Tuan Dato' Yang di-Pertua, pada hemat saya yang penting ialah soal penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang ini kelak. Jangan sampai kita mempunyai undang-undang yang hebat, yang ketat, yang tuntas, komprehensif, tetapi sisi

pelaksanaannya kelak masih berkisar pada soal-soal ketirisan, soal-soal rasuah yang menghalang penguatkuasaan atau ketidaktekalan, ketidaktegasan pihak pelaksana atau penguat kuasa.

Ini membabitkan misalnya dalam konteks sekarang walaupun ada larangan-larangan merokok di premis tetapi masih tetap banyak lagi berlaku perokok-perokok yang mengakibatkan- seperti kata salah seorang Yang Berhormat tadi. Kita yang tak merokok pun jadi perokok pasit dan kesan kepada anak-anak kecil, orang yang terdekat, yang tersayang. Kesan-kesan merokok ini jelas di premis-premis awam.

Mengapa masih- saya harap ini akan ditegaskan pelaksanaannya. Mengapa masih ada ruang untuk perokok di lapangan terbang. Mungkin juga di stesen kereta api. Saya tak tahu di mana lagi. Hotel-hotel juga menyediakan bilik-bilik untuk perokok. Jadi, kalau ini dapat diberi perhatian, sekiranya kita ada satu langkah lonjakan menunjukkan ketegasan dalam melaksanakan peraturan untuk mengurangkan bahkan nanti akhirnya boleh dikatakan menjadikan sifar. Kalau tidak pun betul-betul sifar, tetapi satu lonjakan yang jelas tentang kebiasaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa soal-soal penguasaan ini yang paling penting Kementerian Kesihatan tidak harus dibiarkan bersendirian dalam melaksanakan undang-undang ini. Keperluan penglibatan strategi secara bersepadu- ertinya semua kementerian lain, semua agensi, semua pihak perlu membantu Kementerian Kesihatan dalam memastikan pelaksanaan undang-undang ini dapat berlangsung dengan berkesan.

Memang seperti kata salah seorang Yang Berhormat tadi, tidak mudah kita hendak menghapuskan kebiasaan yang sudah menjadi salah satu cara hidup kita. Menghapuskan mitos seperti merokok sebagai satu gaya hidup atau pun *lifestyle*, dengan izin. Ini tidak mudah. Pada zaman saya sekolah menengah dahulu pun bagi rakan-rakan yang merokok, timbul satu kebanggaan bagi mereka, tetapi bagi yang tidak merokok, itu dianggap kuno. Ini mitos ini tidak mudah untuk dihapuskan.

Jadi, perlu ada satu proses pembudayaan, proses pemasyarakatan agar undang-undang ini dapat dihayati terutama melalui pendidikan yang formal dan tidak formal, dalam kalangan keluarga dan kalangan pertubuhan-pertubuhan, persatuan, NGO. Apatah lagi dalam konteks pendidikan formal di sekolah. Jangan sampai kelihatan lagi ada guru atau kakitangan sekolah yang merokok di khalayak murid. Jadi, itu saya kira memerlukan satu pendekatan yang bersepadu dengan semua kementerian, semua agensi.

Jadi bagi saya akhirnya Dato' Yang di-Pertua, kita harus juga memanfaatkan seperti kata Yang Berhormat Datuk Azhar tadi- media massa. Memperbanyak program yang merupakan kesedaran tentang kesan dan mudarat merokok termasuk juga dalam memastikan skrip tidak harus ada adegan atau episod pelakon merokok dalam drama, filem dan sebagainya. Sampai sehalus begitu harus diperincikan.

Juga dalam soal bidang agama. Peranan agamawan. Bagaimana perkara ini kita hendak kaitkan dengan katakan Majlis Fatwa Kebangsaan sudah menetapkan merokok ini haram. Walaupun ada barangkali kalangan pihak negeri yang mengatakan makruh. Jadi, saya kira ini peranan semua. Jangan dibebankan soal ini hanya pada Kementerian Kesihatan. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Senator Datuk Seri Prof.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

### 5.26 ptg

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam.

Dato' Yang di-Pertua, nyawa amat berharga. Tanggungjawab utama kita sebagai individu iaitu menjaga kesihatan dan tanggungjawab kita juga untuk menghindarkan penyakit dan tanggungjawab kerajaan juga sama seperti itu.

Jadi, saya sangat kecewa bila mengetahui bahawa peruntukkan *generation end game* digugurkan daripada RUU ini. Namun, sebagai seorang peguam, saya sedar amat sukar untuk Kabinet untuk tidak mempedulikan nasihat Peguam Negara yang juga bertanggungjawab. Di mana, Peguam Negara juga bertanggungjawab untuk menjaga kerajaan daripada terdedah kepada risiko diheret ke mahkamah. Bak kata Benjamin Franklin dengan izin, "*When in doubt, don't.*"

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, apa yang tinggal untuk kita adalah untuk meningkatkan disiplin diri, membimbing anak-anak supaya menjauhkan diri dari merokok dan *vaping* ya. Namun demikian, saya hargai dan ucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Kesihatan kerana menzahirkan RUU kawalan produk merokok demi kesihatan awam. Buat pertama kalinya kita ada undang-undang yang tersendiri untuk kawalan produk merokok. Selama ini, kita letakkan, bak kata orang, dengan izin, *parking* sahaja ya dalam Akta Makanan, tetapi tak apa. Biar pun lewat, lewat lebih baik daripada tidak ada sama sekali.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh seksyen-seksyen yang dikemukakan dalam rang undang-undang ini setelah semua peruntukkan tersebut pada pendapat saya adalah baik, adalah elok dan sekiranya ada perlu penambahbaikan mungkin setelah ia berkuat kuasa nanti. Bila ada timbul apa-apa masalah boleh lah pada masa itu, pembaikan dibuat melalui rang undang-undang pindaan yang baharu.

Cuma, satu perkara iaitu walaupun ia mengawal, melarang penjualan rokok kepada golongan orang yang di bawah umur, saya rasa untuk perkara ini kerajaan perlu ketatkan



penguatkuasaan. Bagaimana kita memastikan bahawa penjual tidak menjual rokok kepada orang golongan bawah umur dan bagaimana peranan ibu bapa-ibu bapa dalam perkara ini.

■1730

Jadi saya mohon supaya kerajaan mengadakan inisiatif ataupun program-program untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa, dengan izin, *enhance parental education* supaya mereka dapat membimbing anak untuk menjauhi rokok. Kepada peruncit-peruncit yang menjual rokok saya rasa tidak lain dan tidak bukan memang Bahagian Pasukan Penguat Kuasa kementerian kenalah buat kerja lebih sedikit untuk memastikan, untuk mencegah perbuatan menjual rokok kepada golongan orang bawah umur ini tidak berlaku.

Satu lagi tadi Yang Berhormat Senator profesor menyebut tentang penguatkuasaan di kedai-kedai atau kawasan terbuka. Saya melihat merokok di premis kedai terbuka masih berleluasa, ya masih berleluasa. Kadang-kadang saya melihat ada juga pasukan penguat kuasa datang ke kedai tetapi memeriksa kebersihan. Orang yang merokok dekat kaki lima tidak juga kena saman. Jadi pendapat saya, pihak kementerian perlu meningkatkan penguatkuasaan supaya larangan merokok iaitu boleh merokok, tetapi hendaklah berada tiga meter dari premis bukan sahaja kedai makanan tetapi khususnya kedai makanan sebab ramai orang yang pergi ke kedai tersebut.

Satu lagi yang saya hendak komen, kawalan pengeluaran lesen menjual tembakau, produk tembakau adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Jadi mulai tahun depan mereka menyasarkan untuk mengeluarkan sebanyak 60,000 buah lesen. Buat masa sekarang, *I think latest* dengan izin, maklumat yang diperoleh adalah lebih kurang 16,000 buah lesen menjual tembakau telah dikeluarkan, produk tembakau dikeluarkan kepada peruncit.

Jadi di sini kita melihat agensi-agensi kerajaan hendaklah seiringan. Kalau kerajaan memang serius untuk menangani masalah ini, kita melihat statistik sangat merunsingkan. Statistik yang menunjukkan penghijrahan golongan muda-mudi daripada rokok konvensional kepada *vape*. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Lingeswaran telah menyebut statistik tersebut. Jadi ini amat membimbangkan kerana *vaping* dia mula dengan *vaping*, nanti dia akan berhijrah pula kepada merokok yang mengandungi nikotin.

Jadi jika kerajaan betul-betul serius untuk menangani masalah kesihatan, menjaga kesihatan awam akibat daripada merokok ini saya rasa agensi-agensi kerajaan hendaklah menunjukkan polisi yang sama. Jadikanlah, dengan izin, *make it more difficult* untuk lesen menjual produk tembakau itu dikeluarkan.

Saya lihat komen dari Lembaga Kenaf dan Tembakau seolah-olah okey kita sudah *identify*, kenal pasti ada 60,000 buah premis yang boleh dikeluarkan lesen. Seolah-olah itu merupakan satu pencapaian, lagi banyak lesen dikeluarkan satu pencapaian kepada lembaga tersebut. Habis macam mana kita sebagai ibu bapa, sebagai orang yang sangat prihatin

kepada kesihatan awam, kita tidak hendak- semahu-mahu kita dalam satu- tempat itu kita kurangkan tidak lebih daripada misalnya empat ataupun lima- lesen yang dikeluarkan pada satu-satu tempat. Saya haraplah kementerian boleh menghadkan pemberian lesen menjual produk tembakau untuk membantu mencegah golongan muda, orang-orang tua pun begitu jugalah. Kita pun tak nak orang yang dewasa juga merokok.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga merasakan bahawa perlu diadakan program-program di sekolah untuk menyasarkan budak-budak yang sekolah. Kita lihat remaja daripada umur 16 tahun ke atas telah mula *vaping* jadi perlu adakan, saya rasa perlu adakan satu sesi khas antara kementerian, kenalah berurusan dengan Kementerian Pendidikan untuk menjalankan inisiatif ataupun program-program khas untuk mencegah merokok di kalangan budak-budak sekolah kita. Dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini untuk diluluskan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah. Isu yang *interesting* juga mengenai *dichotomy* atau *dichotomy* antara pelesenan dan penguatkuasaan, ya, isu.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

### 5.36 ptg.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:**Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang baru dilantik semalam. Semoga Kementerian Kesihatan terus menjadi sebuah kementerian yang terbaik. Saya juga ingin memberi ucapan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua yang mempengerusikan kita pada petang ini. Terlebih dahulu saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin kemukakan data yang menyebut bahawa penyumbang punca kematian dan penyakit kronik di Malaysia adalah berkaitan dengan tabiat merokok. Di Malaysia sahaja statistik menunjukkan terdapat lebih 4.8 juta orang perokok dan sudah mencatatkan sehingga 27,200 kes kematian disebabkan rokok dan pendedahan kepadanya. Kerajaan juga sudah memperuntukkan RM7.4 bilion untuk rawatan penyakit utama disebabkan rokok termasuklah kanser paru-paru dan jantung kronik menjelang 2025.

Pelbagai pihak mencadangkan supaya mempertimbangkan produk pengganti tembakau adalah lebih dikenali sebagai *vape* dalam strategi pengurangan kemudaratan tembakau yang berasaskan bukti-bukti saintifik yang membawa kepada ketagihan merokok. Ini kerana tinjauan Mobiliti Kesihatan yang dijalankan dari 1986 sehingga 2019 menunjukkan

jumlah perokok tembakau dewasa di Malaysia masih sangat tinggi iaitu 45 peratus berbanding negara maju lain seperti New Zealand yang mencatat penurunannya.

Lebih tujuh juta daripada kematian di seluruh dunia ini akibat penggunaan tembakau secara langsung. Manakala sekitar 1.2 juta akibat daripada bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok. Daripada angka-angka yang saya sebut tadi, saya ingin tahu peratusan merokok di kalangan murid sekolah dan pelajar. Ini kerana data-data juga menunjukkan jumlah perokok dan *vape* di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti adalah membimbangkan. Biarlah kita di Dewan yang mulia ini dimaklumkan mengenai angka yang membimbangkan yang membolehkan kita menggubal undang-undang yang lebih ketat pada masa hadapan dan seterusnya mewujudkan generasi penamat bagi perokok tegar.

Dato' Yang di-Pertua, RUU di hadapan kita ini akan memasukkan ke dalamnya tiga kategori iaitu produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau. Kita faham rasionalnya mengapa RUU ini mengeluarkan *vape* daripada senarai racun dan dimasukkan dalam RUU ini. Antaranya agar lebih mudah untuk mengawal selia. Niat murni kementerian untuk mewujudkan penguatkuasaan yang lebih spesifik dan jelas terhadap kesalahan-kesalahan yang dimasukkan ke dalam RUU ini.

Kita juga harus menerima hakikat bahawa dengan RUU ini membolehkan peniaga dicukai. Ia akan menjadi sumber pendapatan tambahan kerajaan dan daripada pendapatan itu boleh digunakan untuk menanggung kos rawatan penyakit berkaitan dengan merokok yang begitu tinggi pada masa ini.

#### ■1740

Saya juga ingin bertanya, itu pun sekiranya kementerian mempunyai data. Berapa keuntungan cukai yang diperoleh oleh kerajaan hasil daripada cukai rokok dan berapa *revenue* yang dikumpulkan dari situ dan anggaran daripada segi bulanan dan juga tahunan? Apakah langkah jangka masa panjang kementerian mengenai situasi yang membimbangkan ini? Adakah kementerian akan lebih menumpu kepada sesi kempen pengajaran yang berpanjangan atau bercadang meningkatkan denda bagi pesalah rokok pada masa hadapan? Sejauh manakah rancangan masa hadapan kementerian untuk memperkenalkan peruntukan *vape* pada masa hadapan iaitu memperkenalkan suatu standard kawalan kandungan nikotin yang minima dalam produk *vape*?

Pusat Racun Negara merekodkan sebanyak 77 peratus pendedahan kepada nikotin. Keracunan nikotin daripada rokok elektronik bagi tempoh 2015 hingga 2022. Ini jelas menunjukkan bahawa penjualan produk *vape* tanpa kawalan boleh membawa kemudaratan yang dahsyat pada masa hadapan dan ini ditambah pula dengan produk baharu pakai buang *vape* yang kini berleluasa. Penjualan *vape* pakai buang yang jelas membahayakan alam sekitar dan akhirnya sudahlah tabiat membuang puntung rokok di dalam tandas susah untuk diubah inikan pula masalah *vape* pakai buang.

Kita juga melihat 'bagai cendawan selepas hujan' pelbagai jenis kedai-kedai, gerai-gerai menjual *vape* malah tempat melepak untuk kaki-kaki *vape* sudah tersedia di pasaran umum. Sebagai seorang ibu dan rakyat Malaysia, perkara ini amat membimbangkan semua.

Soalan saya, apakah saranan dan penyelesaian daripada pihak kementerian mengenai perkara ini?

Dato' Yang di Pertua, sekiranya kita melihat kepada perkara 3(1) dalam akta ini iaitu mewajibkan semua produk yang berkaitan tembakau didaftar dan mewajibkan semua didaftarkan supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan sempurna. Bagaimanakah pula dengan produk dalam talian? Apa mekanisme untuk mengawal, memantau dan mengenakan cukai bagi produk dalam talian?

Seterusnya mengenai perkara 54(1) iaitu memberi tempoh hanya enam bulan selepas akta ini mula dikuatkuasakan untuk semua pendaftaran dijalankan. Soalan saya, mampu kah kementerian menguruskan pendaftaran semula ribuan produk yang sebelum ini telah diluluskan dalam tempoh enam bulan sahaja? Ini belum termasuk juga produk dalam talian seperti yang saya sebut tadi. Adakah pada hemat kementerian tempoh ini mencukupi bagi kerja-kerja pemantauan? Pada pandangan saya ia mungkin terlalu singkat dan akan menjadi bebanan kepada kementerian dalam melaksanakan akta ni.

Jadi saya mencadangkan supaya tempoh masa ini dikaji semula agar beban pegawai dapat dikurangkan. Rang undang-undang ini menerusi fasal 3, 4, 5 dan 6 juga memperuntukkan semua pengimport dan pengilang produk rokok wajib membuat pendaftaran kepada setiap produk tembakau yang dihasilkan untuk pasaran di Malaysia. Ini penting dan kritikal kerana ia membolehkan setiap produk di rekod spesifikasi dan kandungannya. Selain memudahkan penguatkuasaan di lapangan termasuk mengenal pasti produk tidak berdaftar. Ini penting bagi kerja-kerja pemantauan dan pengedaran produk rokok dan *vape* dapat dikawal.

Satu minit Tuan Yang di-Pertua. Ini sejajar dengan seksyen 27 di dalam RUU ini yang memberi pegawai sebagai makna seorang pegawai polis di bawah Akta Kanun Tatacara Jenayah untuk penyiasatan dan kuasa ini merupakan tambahan kepada akta ini.

Pegawai diberi kuasa ini iaitu kuasa sepenuh memasuki premis, mengumpul apa-apa sampel untuk analisa, memeriksa, menggeledah, merampas, menyita dan menahan orang-orang yang disyaki. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memperincikan, apa jaminan yang boleh diberi terhadap keberkesanan operasi membanteras penyeludupan, pengedaran, penyimpanan dan penjualan rokok seludup yang dilaksanakan oleh setiap pegawai diberi kuasa yang akan dilantik nanti.

Di sini saya juga ingin menzahirkan kebimbangan saya mengenai rantaian rokok seludup yang berleluasa di pasaran. Sudah tentu mereka yang terlibat dalam kegiatan rokok seludup yang juga terlibat dalam rantaian jenayah- *criminal chain*, dengan izin, yang

melibatkan penyeludupan rokok haram yang tidak berdaftar menerusi sempadan negara dan mereka ini biasanya didalangi oleh kartel-kartel tertentu yang mungkin sudah dilindungi oleh pihak-pihak tertentu di negara ini.

Soalan saya, apa bentuk perlindungan yang diberi kepada pegawai-pegawai penguat kuasa agar mereka diberi perlindungan secukupnya dan dapat menjalankan tugas pembanterasannya dengan sempurna. Seterusnya juga, mengenai bidang kuasa penguatkuasaan iaitu penguatkuasaan di Parlimen itu sendiri. Parlimen juga tidak terlepas selain daripada diisytiharkan sebagai kawasan bebas dan larangan merokok.

Saya pohon Menteri dan Timbalan Menteri boleh maklumkan kepada Dewan berapa ramai orang awam, pegawai kerajaan termasuklah Ahli-ahli Parlimen yang telah di kompaun disebabkan kesalahan merokok di premis Parlimen untuk dua tahun kebelakangan ini? Adakah larangan *vape* akan terkena kepada Parlimen pada masa hadapan sebab saya melihat ramai penghisap *vape* di kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita harus menerima hakikat bahawa rokok telah pun di fatwa haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada Disember 2015. Namun begitu, kita juga tetap melihat industri rokok, rokok elektronik atau *vape* itu terus berkembang pesat di Malaysia. Saya melihat rang undang-undang ini dibawa kepada kita merupakan satu langkah penting ke hadapan dalam menggalakkan kehidupan yang sihat dan sejahtera bagi rakyat Malaysia. Dengan ini saya akhiri, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros. Hampir 15 peratus daripada warganegara kita merokok nampaknya Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

**5.47 ptg.**

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Datuk Yang di Pertua, pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Sri Dr. Zul, sahabat saya. Satu pantun untuk Datuk Zul.

*Lipat kain dua selipat,  
lipat balik di rumah penghulu;  
Cari-cari yang lain tidak berapa tepat,  
akhirnya Datuk Dr. Dzul juga kembali ke pangku... [Tepuk]*

Saya mulakan dengan hendak nyatakan lagi awal untuk menyokong usul ini, tetapi saya juga hendak menyatakan bahawa langkah kedua selepas ini ialah langkah yang disekat untuk berlakunya GEG yang di bahas panjang, di ulas panjang oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang keduanya, saya hendak tanya dalam bicara rokok ini boleh tidak kita dalam Dewan Negara ini senaraikan satu sahaja kebaikan merokok. Kalau dapat saya bagi RM10... [Ketawa] Terkadang saya terasa ianya *double standard*. Kita bicara dahsyatnya rokok tetapi lesen terus diberi, kilang terus berjalan, apakah jawapan? Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, hisap rokok ini untuk apa?

**Seorang Ahli:** Hilang mengantuk... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Hilang mengantuk. Itulah untungnya. Hisap rokok, Dr. Hatta hisap rokok tidak- mengantuk tidak?

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Tak juga. Bagi anak hisap rokok satu kebanggaan dan menandakan kedewasaan sebab yang tengok hisap rokok orang dewasa, yang tengok hisap rokok sekarang termasuk ibu dan juga bapa. Contoh mana yang mereka hendak pakai? Bagi orang dewasa, tanya mereka, tidak ada satu sebab sekarang melainkan meraikan ketagih.

Cuba tanya yang hisap rokok, ada tidak niat hendak berhenti? Hampir 90 peratus hendak berhenti tetapi tidak mampu. Tidak mampu kenapa? Yang Berhormat, bulan puasa boleh berhenti, dalam Dewan Parlimen boleh berhenti, dalam Dewan Negara boleh berhenti.

#### ■1750

Selepas itu, keluar sahaja, kembali balik merokok. Isunya apa? *Will power*. Tak ada dorongan dalaman.

Saya nak kongsi satu cerita. Mudah-mudahan ada kebaikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dulu penghisap rokok *Benson*. Ini sekarang tak dah hisap rokok. Saya pakai songkok baliklah... [Memakai songkok] Suatu hari saya pergi ke sebuah rumah kepada seorang pengurus pemasaran sebuah syarikat rokok. Saya tak nak sebut namanya. Syarikat tersebut di Johor dan namanya Tuan Haji Zulkifli. Macam nama Dr. Lepas makan- di rumahnya, saya ambil rokok, hisap. Dia tanya saya, "*Haji, hisap rokok?*" Saya kata, "*Ya, hisap sebab meraikan rumah pengurus pemasaran company besar ini*". Dia kata, "*Haji, rokok haram.*" Saya tanya, "*Kenapa..?*"

Okey, saya cerita dia kata. Kalau tak betul nanti, saya nak sebut nama bolehlah saman dia, tapi tak tahu dia ada tak lagi sekarang. "*Saya ni, Ketua Pemasaran syarikat rokok, yang buat market dari Kuala Lumpur sampai Singapore. Saya kena belajar A to Z tentang rokok. Daripada tanam tembakau, sampai rokok*". Saya kata, "*Apa masalah..?*" Jawapan dia, "*Akhir kepada pemprosesan, masuk ke satu bilik, spray sesuatu untuk menaikkan kewangian dan ketagihan.*" Saya tanya, "*Apa dia..?*" Dia jawab, "*Arak*" Saya kata, "*Haji, you cakap biar betul. Kalau tak betul ni, ada orang akan khilaf sebab ada tiga hukum tentang rokok. Satu, harus. Satu, makruh. Satu, haram*" Mufti dah sepakat, haram tapi ada sebab kata makruh. Railah makruh tapi bila disebut tentang arak di dalamnya, saya kata, "*Haji, you bertanggungjawab*

dengan apa yang you cakap.” Dia kata, “*Wallahi, Wabillahi, Watallahi. Saya bertanggungjawab. Confirm arak...*” Kalau tak betul, syarikat rokok, tolong betulkan.

Bermula itu Ahli Yang Berhormat, saya ambil baki rokok saya tiga batang, saya baling, sampai sekarang, saya berhenti... [*Dewan tepuk*] *Moral of the story* nya apa? Kita ada kepala, kita ada satu isu iaitu pendidikan tentang halal dan haram dan lain-lain. Kita tahu kita tak nak buat yang haram. Dah *confirm* haram, saya berhenti. Saya tak tahu, saya sebut formula ini pada kawan-kawan yang lain, “*Dia tu cerita belum tentu betul.*” Jadi, terserahlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kita cakap berhenti rokok. Dalam kotak rokok, ada iklan paling jijik tapi saya lihat iklan ini, bukan menjijikkan. Mungkin menambah rasa, selera kepada perokok. Kena tukar iklan ikut lain pula.

Kalau nak lihat dari sudut ekonomi, *Astro Awani* kah saya lihat rujukan baru ini yang menyebutkan, hasil cukai rokok setahun sekitar RM3 bilion, tetapi kos perbelanjaan kerajaan untuk merawat pesakit terbabat rokok tahun 2020, Datuk Seri Menteri, tolong betulkan kalau silap. Dia sebut RM36.2 bilion. Dari sudut ekonomi, negara tak punya apa-apa kepentingan sebab kerugian dua kali- ganda daripada untung cukai.

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kata Yang Berhormat tadi tentang kematian punca rokok. Saya baru dengar tentang jumlah sebenar. Sebelum ini saya dengar 10,000- habis dah... [*Ketawa*] Kata tadi 27,000 satu tahun. COVID-19, 36,000 dua tahun, tapi kita mengambil tindakan yang sangat drastik untuk COVID-19 tapi tidak untuk rokok.

Datuk Yang di-Pertua, izinkan sikit sebab Datuk Yang di-Pertua juga baru masuk. Dadah, kalau disebut sini yang nombor satu punca mati iaitu jantung, strok. Nombor duanya, rokok. Dadah nombor berapa- tapi dadah ada Akta 39B tapi kita dalam menangani isu rokok, orang Arab panggil- *taradud*, serba salah untuk membuat tindakan sehingga GEG yang selama ini banyak dibahaskan pun dinafikan atau tidak dibenarkan untuk dibawa.

Jadi, dah habis waktu, saya cuma nak tambah sikit lagi isu Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada sebuah negara, namanya di Bhutan. Negara kecil ini walaupun tidak hebat daripada segi namanya, tapi dia melarang penjualan semua produk tembakau. Kalau Bhutan yang kecil berbanding Malaysia yang hebat, kenapakah Bhutan boleh buat? Jawab dia, *political will power*.

Akhir saya fikir, yang tak termaktub di dalam Perlembagaan, mungkin saya tak sempat baca keseluruhannya, walau apa pun *punishment* yang bakal dibuat, tentu memang di situ adalah perlunya penguatkuasaan, tapi yang lebih berjaya nanti ialah *to educate* rakyat. *Educate* kan rakyat kita ini untuk berhenti dengan merokok atas apa cara sekalipun.

Satu tindakan bersepadu dengan semua kementerian, Kementerian Kesihatan, Kementerian Agama, Kementerian Penerangan dan Telekomunikasi dan lain-lain, perlu dibuat dan saya yakin kalau kita *really serious*, jangan di sana ada iklan rokok, di sini ada kilang rokok, di sini ada undang-undang rokok, *at the end*, kita tak dapat apa-apa.

Saya harap *insya-Allah*, satu tindakan bersepadu seluruh organisasi kerajaan mahupun rakyat digerakkan untuk betul- kalau betul 27,000 setahun, kita tidak ada jalan lain melainkan menamatkan industri rokok beroperasi berleluasa dalam negara. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi tadi kita telah membuat usul bahawa Majlis akan bersidang sampai jam 7 petang kan. Ada 12 orang lagi akan bercakap. Jadi nasihat saya pada Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Ketawa]* Kalau tak, masa tujuh minit tapi tak payahlah pakai keseluruhan tujuh minit dan kalau boleh, tak payahlah nak tambah lagi lebih tujuh minit. Itu sahaja yang saya nak dipertimbangkan oleh Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

**5.57 ptg.**

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan kerana diberikan peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. Terima kasih kekanda Dr. Dzulkefly yang menjadi Menteri Kesihatan pada hari ini.

Saya pada peringkat awal itu tidak menyokong RUU ini tapi bila penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, dua tiga kali kempen supaya menyokong, jadi saya sokong balik pula... *[Ketawa]* Saya telah beralih angin. Peringkat awal saya bersembang di kedai-kedai kopi, banyak yang kata tak sokong RUU ini yang GEG inilah kan. Bukanlah keseluruhan, tapi bila masuk dalam Dewan, kempen yang dibuat oleh Yang Berhormat Dr. Dzul, pakat sokong belaka pula ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang tidak memuaskan hatilah atas kertas undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat ini. Saya mengharapkan agar perkara-perkara ini diteliti semula di Dewan Negara dan tidak sekadar menjadi perbahasan cukup syarat untuk memenuhi prosedur sahaja.

Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang penarikan Dasar Generasi Penamat Perokok atau Dasar GEG daripada rang undang-undang ini adalah kerana mengikut saranan dari Pejabat Peguam Negara mengenai layanan berbeza kepada generasi GEG dan generasi sebaliknya. Bagi saya ini suatu hujah yang agak lemah, tidak berasas dan tidak kukuh. Ya, soal peruntukan tersebut boleh menyebabkan berlakunya cabaran di mahkamah mengenai Perkara 5 mahupun Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Ada isu lain tetapi apabila kita



menganggap Dasar GEG itu merupakan bentuk layanan berbeza pada dua- generasi, sebenarnya ini tidak tepat.

#### ■1800

Kita sedang bercakap soal pertimbangan, maslahat dan mafsadah kepada individu, masyarakat dan negara. Bagaimana kita boleh tenggelam dan sesat dengan soal layanan berbeza kepada generasi penamat merokok dengan generasi sebelumnya. Generasi penamat perokok iaitu idea untuk menggunakan *prevalence* perokok serta bahaya-bahaya yang menurutnya kemudian hari.

Ini yang seharusnya menjadi prinsip dalam pengenalan dasar GEG, bukan melihat kepada prinsip yang lain. Yang memang merokok, kita tahu sangat berbahaya. Yang Berhormat Menteri mengenali bekas Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Ustaz Azizan. Dulu, dia memang- Dr. Hatta pun kenal... *[Ketawa]* Hisap rokok untuk mencari idea.

Bila hisap rokok, idea dia cukup banyak, tetapi bila terkena dengan sakit jantung, dia kata, *"Tak mahu hisap dah sampai bila-bila. Busuk rokok ini,"* Saya pun buat *operation* jantung. Bila ditanya oleh doktor, *"Hisap rokok tak? "Tak."* Inilah beberapa kali, bila kita nak buat *operation*, itulah soalan yang ditanya oleh doktor. Betul, Dr. Hatta, *noh?* Inilah yang ditanya.

Jadi, Yang di-Pertua, kalau kita fikirkan secara bersama dasar GEG yang diperkenalkan dan sudah dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat tahun lalu, sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan yang datang daripada kementerian melalui sesi libat urus yang memakan masa bertahun-tahun.

Malah, sebelum ini, masih ada lagi dasar GEG. Ertinya, ia ditarik balik. Tidak sampai dalam masa satu tahun. Isunya, Menteri telah melaksanakan Sesi Libat Urus dengan siapa, sehingga mereka menarik balik dasar GEG ini? Cuba senaraikan supaya kita dapat sama-sama meneliti siapa pemegang taruh yang dirundingkan dalam kementerian sebelum menarik balik dasar GEG ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti dasar GEG versi Yang Berhormat Menteri sebelum ini dengan sekarang, kita sudah bertolak ansur terhadap beberapa perkara mengenai dasar GEG. Daripada generasi 2005, kita lanjutkan lagi kepada generasi 2007. Itu tidak termasuk lagi dengan tempoh penguatkuasaan penuh bermula pada sekurang-kurangnya tahun 2028. Cukup lama tempoh bertenang.

Kemudian, jumlah denda yang diturunkan. Daripada RM5,000 kepada RM500 sahaja. Jumlah ini lebih rendah daripada denda di bawah Peraturan Kawalan Hasil Tembakau bagi kesalahan orang belum dewasa iaitu RM1,000. Kemudian, tiada hukuman penjara walaupun si pesalah gagal menjelaskan denda, ditambah dengan hukuman perkhidmatan komuniti awam. Ertinya, satu demi satu peruntukan asal dalam dasar GEG telah dikendurkan, menurut

permintaan sesetengah pihak. Malangnya, hari ini, satu gugusan dasar ini digugurkan secara terus daripada RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejujurnya, dasar-dasar yang diketengahkan oleh KKM terkini, permintaan ini menimbulkan banyak persoalan dan keraguan. Awal tahun lalu, kementerian telah bertindak mengeluarkan nikotin daripada senarai di bawah Akta Racun 1992. Hari ini, mereka menggugurkan dasar GEG yang sepatutnya dipertahankan untuk diangkat bersama akta ini.

Soalan saya, siapakah sebenarnya pemegang taruh utama kementerian hari ini? Golongan pakar perubatan ataupun industri KKM pernah merangka Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau 2015-2020. Apakah yang telah digariskan dalam pelan strategik berkenaan?

Masa pun, Yang Berhormat- apa pun, *hat* awalnya saya tak sokong, tetapi di akhirnya, saya sokong balik. Terima kasih... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

#### 6.04 ptg.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Datuk Timbalan Yang di-Pertua kerana sempat memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 di Dewan Negara yang mulia ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Dzulkefly, kembali sebagai Menteri Kesihatan. Dulu, nampak dia cukup keras berkenaan dengan asap ini, tetapi hari ini, masa pembentangan, saya lihat dia nampak macam nak *landing*, tak jadi. Nak *landing* tak jadi, tetapi tak apa. Saya respek dengan beliau.

Saya mengambil kira, Yang Berhormat Yang di-Pertua, RUU yang dibahaskan sekarang sangat penting. Sangat penting untuk masa depan dan sangat penting untuk anak-anak kita pada masa hadapan. Kesihatan awam adalah melebihi segala-galanya dan saya tidak faham mengapa empat peruntukan berkaitan dengan RUU ini digugurkan.

Walaupun telah dibahaskan dengan pelbagai emosi, tidak kira di sebelah blok pembangkang, mahupun di sebelah blok kerajaan, di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara pada hari ini. Saya masih tidak memahami, lagi sekali, mengapakah peruntukan yang digugurkan berkaitan larangan penjualan produk tembakau dan rokok serta larangan merokok kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya digugurkan?

Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan sangat jelas, kita seolah-olah tidak ada upaya untuk mentitik-noktahkan gejala merokok dan yang berkaitan bagi melahirkan

generasi masa depan yang sihat, harmoni dan sejahtera daripada segi fizikal dan mental, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa, secara jelas dan terang, supaya Dewan Negara mengambil sikap untuk RUU ini untuk disemak semula atas kepentingan kesihatan awam, atas kepentingan kesejahteraan rakyat dan atas kepentingan kesejahteraan anak kita dan cucu-cucu kita.

Setidak-tidaknya, generasi yang lahir pada 1 Januari 2007, yang kini berusia 16 tahun, andainya dikuatkuasakan larangan berkenaan, saya berani katakan bahawa 10 hingga 20 tahun mendatang, kita mempunyai belia yang sihat dan kuat. Saya tidak menafikan, di bawah RUU ini mengikut fasal 7 hingga fasal 12, bertujuan untuk larangan terhadap promosi atau menggalakkan, atau mengawal jualan dan peruntukan itu, tetapi setakat mana?

Setakat mana kelak ketegasan itu? Kalau kita lihat dadah, arak, pelacuran, *scammer*, pun mempunyai undang-undang yang lebih ketat di negara kita, tetapi masih lagi berterusan kedengaran. Gejala ini terus berleluasa. Saya nak bagi tahu kepada Dewan yang mulia ini. Lebih '43 ribu' orang pelajar sekolah merokok. Hasil saringan terhadap 1.3 juta orang pelajar sekolah menengah pada tahun 2023.

Ini angka besar dan Menteri Kesihatan sendiri pun tahu. Belum lagi masuk pelajar sekolah rendah. Darjah 5, Darjah 6 hisap rokok. Malah, 27,000 mati setiap tahun di Malaysia berpunca daripada tembakau. Menteri Kesihatan sendiri sebut, kos rawatan sebanyak RM369 juta setahun pada tahun 2030 bagi menyekat penyakit rokok elektronik dan *vape* atau kerosakan paru-paru, sekiranya tiada kawalan undang-undang di negara kita dilaksanakan.

Jadi, secara jelas, saya nak bagi tahu, masukkan semula empat peruntukan yang digugurkan itu. Maka, saya percaya generasi yang dilahirkan pada 1 Januari 2007 dan seterusnya tidak akan menimbulkan keresahan dan kos yang tinggi rawatan kesihatan, malahan kos RM369 juta itu mungkin dapat dikurangkan sehingga 70, 80 peratus daripadanya untuk pembiayaan kos pembangunan yang lebih baik daripada itu.

Mengapa susah sangat mentitik-noktahkan gejala buruk tembakau dan *vape* ini, Datuk Yang di-Pertua? Saya nak bagi tahu lagi kepada Dewan Negara bahawa kutipan cukai-kutipan cukai rokok hanya menyumbang 1.8 peratus, manakala 0.18 peratus sumbangan tembakau kepada KDNK negara kita, dan hanya 0.7 peratus merupakan sumbangan industri tembakau kepada sektor pembuatan.

#### ■1810

Datuk Yang di-Pertua, saya memang dipertanggungjawab dalam hal ini untuk memastikan yang terbaik andainya RUU ini diluluskan. Saya juga rasa sangat malu dan sangat berharap tidak dipersalahkan oleh generasi berusia 16 tahun dan ke bawah kepada saya sekarang kerana gagal memastikan yang terbaik bagi kepentingan kesihatan awam di

bawah RUU ini. Malahan saya sendiri melihat negara kita begitu tegas dan terus menitikberatkan untuk melarang penggunaan rokok ataupun *vape* di negara kita.

Sebanyak 37 buah negara termasuk Brunei, Thailand, Kemboja terus melarang dan terkini pada 29 November 2023 lalu, negara Australia akan mengharamkan *vape* dan import *vape* pakai buang bermula pada tahun 2024. Saya juga sangat hormat dengan ketegasan sedemikian yang memperlihatkan langkah pertama seperti negara Australia dalam tindakan yang sangat berani bagi memastikan memerangi populariti peranti berisi nikotin dalam kalangan generasi muda.

Datuk Yang di-Pertua, perkara yang paling penting untuk mengambil kira ialah demi kesihatan awam untuk melahirkan satu- generasi baharu yang bebas daripada pengaruh apa-apa produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan produk peranti rokok. Nak saya ulang. Ini bukan kerana saya di blok pembangkang. Ini kerana untuk melahirkan satu- generasi baharu yang bebas daripada pengaruh apa-apa tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok. Itu tujuan sebenar...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang ya YB.

**Datuk Razali bin Idris:** ...Perbincangan saya pada hari ini. Dengan itu, saya menolak rang undang-undang ini demi kebaikan dan kesejahteraan generasi baharu pada masa hadapan. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Wallahualam.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Seruandi bin Saad.

## 6.12 ptg.

**Tuan Seruandi bin Saad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh YB Menteri.

Mengamati perkara-perkara yang dibangkitkan oleh YB Menteri tadi, saya pasti keperluan untuk menyegerakan pelaksanaan RUU ini amatlah perlu demi kesejahteraan semua pihak. Difahami rang undang-undang ini akan memperuntukkan kawalan dan larangan penjualan, pembelian dan penggunaan produk merokok kepada orang belum dewasa iaitu minor secara khususnya mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Namun yang demikian, persoalan saya bagaimana secara keseluruhannya RUU ini mampu memberikan kawal selia secara langsung kepada golongan berusia 18 tahun ke bawah ini. Yang mana jumlah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah dianggarkan seramai 9.13 juta atau 27.4 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia iaitu 33.5-33.38 juta orang.

Ada puluhan ribu- kedai-kedai dan pusat menjual rokok yang perlu dipantau bagi melaksanakan semua peruntukan akta ini. Dan kita amat mengharapkan satu pengawasan yang bersepadu dapat dilaksanakan kelak.

Mengikut laporan yang dikeluarkan, terdapat peningkatan ketara peratus pengguna perokok elektronik atau *vape* dalam kalangan pengguna berusia 15 tahun ke atas serta remaja berusia 13 hingga 17 tahun. Situasi ini tentunya membimbangkan dan dengan kurangnya kawalan akses tersebut, produk *vape* dan rokok elektronik ini menyebabkan semua pihak perlu bertanggungjawab bagi memastikan golongan berusia bawah 18 tahun tidak mudah mendapatkan produk ini melalui ejen atau mesin mudah alih yang mudah ditemui.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan pengiklanan, promosi dan juga tajaan produk tembakau ini. Apakah aspek yang telah dipersetujui bagi produk-produk yang mempunyai kontrak tajaan ini dan adakah ia perlu ditamatkan serta-merta? Mohon jawapan YB Menteri. Kita sokong bahawa pengiklanan yang berlebihan inilah yang membuka ruang kepada remaja untuk tertarik, mencuba bahkan produk-produk *vape* yang mempunyai pembungkusan dan reka bentuk yang menarik buat golongan remaja.

Bahkan juga, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bersama dengan pemegang taruh bagi memastikan ataupun sistem agen yang digunakan untuk menjual produk *vape* dan rokok elektronik ini akan dihapuskan. Dalam pada masa yang sama, memastikan setiap kedai yang menjual rokok ataupun produk *vape* ini mempunyai lesen yang sah untuk penjualan dan tidak menjual secara tersembunyi ataupun secara haram. Mohon penjelasan.

Berdasarkan kawalan pembungkusan dan pelabelan pula, adakah kerajaan akan mewajibkan produk *vape* ini mempamerkan kesan kepada kesihatan dan seperti mana yang diwajibkan kepada produk tembakau di kotak rokok. Bahkan, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan setiap produk elektronik yang dibeli perlu didaftarkan menggunakan kad pengenalan bagi memastikan ketelusan jualan produk berkenaan hanyalah kepada individu yang berusia 18 tahun ke bawah sahaja? Bagaimanakah aspek permohonan ini mampu diperketat dari semasa ke semasa?

Dalam memastikan penyebaran atau berkaitan kempen kesedaran terutama di sekolah-sekolah, apa jalinan kerjasama kementerian bersama Kementerian Pelajaran Malaysia bagi telus- bagi terus membuat kempen kesedaran untuk pelajar tentang bahaya produk tembakau ini. Malahan, adakah ia terus dilakukan secara agresif setelah RUU ini diluluskan? Mohon pencerahan YB Menteri.

Di antara negara-negara yang terus mengharamkan- yang telah mengharamkan peranti alat rokok elektronik yang mengandungi nikotin seperti Australia, Belgium, Finland, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Norway serta Afrika Selatan dan juga negara-negara yang telah mengharamkan sepenuhnya rokok elektronik dan *vape* adalah Argentina, Brazil, Thailand, Singapura, Brunei, Oman, Jordan, Mexico, Qatar, China, Taipei, Emiriah Arab

Bersatu dan kita juga amat mengharapkan Malaysia juga akan mencapai seperti mana negara-negara yang sebutkan di atas.

Sudah semestinya kita terus mengharapkan agar pihak KKM terus komited dalam memastikan golongan bawah 18 tahun dilindungi daripada terjebak dengan produk tembakau yang merupakan salah satu daripada penyebab kematian dalam kalangan penduduk Malaysia pada hari ini. Namun yang demikian, saya pasti tanggungjawab semua pihak bermula di rumah, seterusnya dipupuk di sekolah dan juga dengan kerjasama pemegang taruh dalam memastikan generasi seterusnya pada masa hadapan agar terus memilih untuk menjalani gaya hidup sihat.

Jika RUU ini dapat dilaksanakan dengan baik, negara dapat melahirkan warganegara yang sihat juga negara dapat menyelamatkan sehingga hampir berbilion-bilion ringgit kerana kos untuk membeli ubat dan rawatan kepada mereka yang mendapat penyakit dari bermulanya menghisap rokok dan cecair *vape* sebanyak- seperti penyakit yang dihadapi jantung, paru-paru, kanser dan sebagainya. Seperti mana yang dikatakan oleh sahabat saya, Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail tadi, pada masa yang sama kita mengeluarkan iklan pengharaman dan sebagainya. Pada masa yang sama juga, kilang-kilang rokok tumbuh seperti cendawan tumbuh- wujud seperti cendawan tumbuh dan kita berharap janganlah kita jadi seperti pantun ini.

*Balik Pulau;  
Bayan Lepas;  
Sana terpulau,  
sini terlepas,*

Sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sekarang saya jemput YB Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

#### **6.19 ptg.**

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih Menteri serta ucapan tahniah dan syabas atas pelantikan semula ke jawatan Menteri Kesihatan dan dapat meneruskan usaha-usaha baik yang telah dilakukan tempoh hari supaya dapat jadi kenyataan.

#### **■1820**

Kerana, hari ini, salah satu daripada usaha yang kita nak bawa nampaknya sudah mula mendapat sokongan dalam Dewan ini, kecuali daripada Datuk Razali tadi. Nampaknya minta dikaji semula ya, tapi Datuk Yang di-Pertua, sebagai salah satu akta yang pemula ya, yang *stand alone* dalam isu ini, saya rasa kita harus mengambil ia nya sebagai satu *milestone* yang penting dalam sejarah kita menangani isu merokok di dalam masyarakat kita. Ertinya,

kita bermula setelah sekian lama menunggu. Kalau ada halangan-halangan, kita adalah sangat terbuka untuk melihatnya semula, memindanya, memperbaikinya supaya apa yang akhirnya kita hajatkan itu melalui satu proses yang tidak menimbulkan reaksi berat dalam negara kita.

Walaupun saya sebagai seorang doktor yang tidak pernah merokok- tidak pernah merokok ini, Datuk Seri, maksudnya bukan orang merokoklah. Nak kata kecil-kecil letak rokok dekat mulut itu macam membohong pula ya, tapi tak boleh merokok. Hisap rokok sekali tarik sahaja, mabuk muntah habis. Jadi, walaupun duduk sekolah asrama, saya tak hisap rokok dulu ya.

Saya merasakan bahawa langkah kita untuk mengemukakan akta GEG dulu ini, walaupun terhalang buat masa ini atas hujah-hujah yang dibawa oleh pihak *AG Chamber*, atas legitimasi undang-undang ini, kita terima itu sebagai suatu halangan sementara. Kita ada masa untuk menilai semula sama ada kita boleh mencari jalan supaya GEG ini dapat juga kita laksanakan dan berjaya dikemukakan.

Kerana, jangka hayat semasa lahir buat masa ini, seperti Menteri sebut tadi, wanita 75 tahun, orang lelaki 72 tahun ya. Jadi, kita ini tak lama lagi, Dr. Dzul ya, kalau ikut itulah ya. Kalau kita halang mereka daripada merokok pada umur 18 tahun, ertinya kita dalam masa 60 tahun, kita akan dapat hapuskan rokok ini- 60 tahun itu lama, tapi kalau ada GEG itu, kita dapat segerakan sampai kita melihat masyarakat kita ini bebas daripada merokok dalam masa yang- dalam hayat kita, kita dapat boleh melihat kejayaannya, tetapi apakan daya, kita kena tunggu.

Kita melihat isu rokok dan juga kawalan produk ini mesti diketengahkan dengan bersungguh-sungguh. Dengan bersungguh-sungguh. Menteri dulu pernah mengemukakan- sampai digelarlah, "*Menteri tiga meter*" lah ya kerana menghalang orang merokok tiga meter dari restoran atau tempat-tempat tertentu. Kalau boleh, panjang lagi. Lima meter. Biar keras lagi. Saya rasa itu tidak menjadi suatu halangan kepada kita untuk mengemukakan atau melaksanakan peraturan tersebut kerana ia nya ternyata telah dapat memberikan keselesaan kepada orang yang berada dalam kedai-kedai makan, restoran, contohnya.

Saya rasa ini, walaupun diketawakan orang dengan sinis dan sebagainya, tapi saya rasa kesannya ada. Bagi anak-anak kita yang ikut sama dengan kita, bila dapat dihindarkan asap rokok ini daripada *environment* kita, mereka akan menjadi sihat, lebih baik. Kalau tidak, kita akan sentiasa berhadapan dengan masalah 27,000 kematian setahun, Datuk Seri. Bukan sikit itu.

Kalau ini dapat kita kurangkan, kualiti hidup kita akan menjadi lebih baik, tetapi cabaran kita ialah bagaimana kita nak mengatasi kempen yang tidak terbuka untuk merokok ini. Kerana, kita ada syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan produk-produk rokok ini yang terlalu *establish* dalam dunia ini. Mungkin mereka bersedia sudah kalau ada- kalau merokok

ini nanti diharamkan, mereka sudah ada alternatifnya, *vape*. Kalau *vape* ini nanti diharamkan, sudah ada satu kaedah lain yang mereka rangka. Kerana mereka mempunyai keupayaan penyelidikan dan boleh mencari alternatifnya.

Jadi, bagaimana kita nak mendahului mereka *one step ahead of them*, dengan izin? Kalau tidak, kita akan sentiasa berhadapan dengan teknologi demi teknologi, peralatan demi peralatan, tapi walau macam mana pun, saya rasa untuk sementara GEG ini belum dapat kita laksanakan, kita didiklah anak-anak kita, keluarga kita dan semua pihak yang ada berkepentingan dalam hal ini seperti Kementerian Pendidikan. Cikgu Hussin dah sebut tadi ya. Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan sebagainya.

Begitu juga di pengajian tinggi, kita cuba memperkemarkan, memberikan nilai-nilai kehidupan sihat ini kepada anak-anak kita dengan contoh-contoh yang baik. Jangan sampai nanti ada daripada kita pula di-*caught on the screen vaping* dalam Dewan, contohnya. Itu beratlah ya. Ataupun di luar sana nanti, seorang Menteri merokok di luar, akan menjadi contoh yang tidak baik.

Jadi, perkara-perkara macam ini memerlukan kerjasama semua pihak, semua pemegang taruh supaya merokok ini dapat kita hapuskan. Jadi, saya rasa kita dalam menangani isu ini, sementara menunggu GEG ini, saya rasa mengehendkan sampai 18 tahun ini kena ikhtiar betul-betul. Kalau boleh dapat ditangkap mana-mana pihak yang menjual rokok ini pada budak bawah 18 tahun, gemparkan sedikit ya tentang hukuman RM20,000 atau penjara itu. Biar ia nya menjadi suatu pengajaran.

Kepada anak-anak kita, seperti yang disebut dalam rang undang-undang ini, ada lah hukumannya. Tidaklah berat ya. Kerja masyarakat, *social work*, contohnya. Menjadi sebagai satu pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat kita untuk mengelakkan satu perangai buruk ini daripada berterusan.

Dengan ini, Datuk Seri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

#### 6.27 ptg.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih, Datuk Seri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Congrats*, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Seumpama bak kata, "*Sirih pulang ke ganggang.*" *Welcome back Sir.*

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat pasukan Kementerian Kesihatan terutama penjawat awam yang telah membawa rang undang-undang untuk diluluskan di Parlimen. Sememangnya perkara ini telah lama *overdue*, dengan izin, memandangkan terdapat lakuna undang-undang berkaitan kawalan penjualan cecair rokok elektronik.



Ini ekoran keputusan kerajaan, bukan Kementerian Kesihatan sahaja, untuk memberikan pengecualian kepada produk yang mengandungi nikotin dalam bentuk cecair atau gel yang digunakan bagi tujuan merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik daripada senarai racun dalam Jadual Pertama Akta 366 pada 31 Mac 2023. Sudah hampir sembilan bulan kita menunggu untuk lakuna ini diperbaiki.

Datuk Seri Yang di-Pertua, *let me address the elephant in the room*, dengan izin, ketiadaan peruntukan Generasi Penamat Rokok (GEG) daripada pindaan RUU ini. Saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana mengambil keputusan untuk meleraikan peruntukan tersebut daripada pindaan RUU buat masa ini. Ia jelas daripada perbahasan Dewan Rakyat pada pembentangan RUU ini pada bulan Jun 2023 dan juga November 2023, masih terdapat terlalu banyak perbezaan pendapat berkaitan perkara ini dan ia tidak akan selesai dalam tempoh masa yang terdekat.

Saya harap peruntukan GEG ini akan dikaji dengan lebih mendalam dan *a comprehensive way forward*, dengan izin, dicadangkan apabila kementerian membawa perkara ini semula kepada Parlimen.

Peribahasa, di mana batang tergulung, di situ cendawan tumbuh- bermaksud di mana timbul sesuatu perkara, di situlah kita cuba selesaikan. Fokus kita seharusnya memastikan lakuna undang-undang dalam kawalan rokok penjualan cecair, rokok elektronik dapat diperhalusi terutamanya kepada remaja yang didefinisikan sebagai orang belum dewasa (OBD) di bawah akta ini.

Menurut *National Health Morbidity Survey 2022*, dengan izin, sebanyak 14.9 peratus mereka yang berumur bawah dari 18 tahun yang menghisap peranti rokok termasuk *vape*.

#### ■1830

Ini merupakan jumlah yang agak merisaukan di mana ia akan memberi dampak yang sangat besar terhadap sektor kesihatan di negara kita ini. Ya, tadi YB Menteri ada memberi jaminan yang OBD tidak akan dibenarkan untuk membeli rokok *vape* dan sebagainya ya.

Saya sendiri melihat Yang Berhormat Menteri, penjualan dan pengiklanan peranti rokok termasuk *vape* telah berleluasa. Kedai-kedai mamak kini menjualnya. Mesin layan diri, dengan izin,  *vending machine* berkaitan peranti rokok boleh kelihatan di sekitar Lembah Klang. Pelbagai poster penjualan *vape* ada di kawasan umum.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kelulusan RUU ini, penjualan peranti rokok di kedai mamak dan melalui mesin layan diri-  *vending machine*, dengan izin, akan kini dikirakan salah di sisi undang-undang? Jika tiada implikasi terus daripada kelulusan RUU ini, apakah inisiatif jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang akan dilakukan untuk mengawal pewujudan penjualan peranti rokok di kedai mamak dan di  *vending machine*? Ya, dengan izin.

Bagaimana pihak kementerian akan memantau dan mengawal penjualan peranti rokok dan produk tembakau berkaitan peranti tersebut di talian dalam platform *e-commerce* seperti *Lazada*, *Shopee* dan sebagainya? Apakah perancangan untuk memperketat lagi jualan produk tersebut di talian dan melalui sosial media?

Saya mohon kementerian untuk memperjelaskan mengapa terdapat pengguguran aplikasi RUU ini kepada peranti elektronik yang menggunakan bateri atau peranti lain termasuk *hookah* yang digunakan untuk memanaskan, mengewap atau membakar bahan rokok atau produk pengganti tembakau? Saya akui Menteri telah jawab di Dewan Rakyat bahawa iklan merokok melibatkan produk nikotin peranti dihalang. Namun, bagi saya implikasinya tetap membolehkan peranti ini diiklankan dan dijual sekiranya pihak penjual tidak menyatakan sama ada terdapat sebarang unsur nikotin atau tembakau di dalamnya.

Dato' Yang di-Pertua, sampai sini sahaja perbahasan saya. Saya menyambut baik usaha kementerian untuk memastikan situasi kucar kacir ekoran pengecualian kesediaan bahan nikotin itu terjawab dan golongan remaja kita terjaga daripada pengaruh untuk merokok. Para remaja adalah sumber dunia yang paling berharga dan merupakan harapan masa depan kita- semua. Dengan itu, saya amat menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum* dan terima kasih Yang Berhormat Menteri masih ada di sini untuk menjawab kita. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

### 6.33 ptg.

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi, mengizinkan saya untuk mengucap, membahaskan tentang RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana telah dilantik balik untuk menggalas tanggungjawab sebagai Menteri, *congratulations*. Tahniah selepas hampir 20 tahun seperti yang dimaklumkan oleh Menteri, RUU ini dibawa dan diluluskan di Dewan Rakyat dan mungkin hari ini diluluskan di Dewan Negara. Maka, daripada perbahasan tadi banyak rakan-rakan kita telah membahaskan tentang aspek-aspek teknikal dan juga betapa bahayanya nikotin kepada masyarakat dan juga khususnya anak-anak muda.

Maka saya ingin menyentuh daripada segi persepsi, Yang Berhormat. Suka atau tidak hakikatnya iaitu kerajaan perlu terima realiti bahawa Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini telah mengundang kritikan ramai dengan izin, *it is not popular move, it is not a right move*.

Dato' Yang di-Pertua, kenapakah saya berkata demikian? Pertama, rang undang-undang ini telah mengubah secara langsung kesan baik yang bakal diterima negara melalui

pelaksanaan Dasar GEG yang bertujuan untuk melarang individu yang dilahirkan selepas 2007 daripada memiliki, membeli mahupun merokok termasuk penggunaan *vape*. Ini merupakan cerminan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi mutu kesihatan awam secara menyeluruh di negara kita.

Pindaan baharu melalui Perkara 13 dalam RUU ini yang menyebut saya petik larangan penjualan produk tembakau dan sebagainya kepada orang yang belum dewasa membawa maksud golongan yang lahir pada 1 Januari 2007 masih boleh, masih boleh menggunakan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau selepas mereka berusia 18 tahun ke atas. Perkara ini jelas bertentangan dengan fungsi-fungsi utama GEG yang sendiri pada asalnya dibentangkan untuk melahirkan satu- generasi yang tidak merokok.

Kedua dengan pembentangan RUU ini, pihak Kementerian Kesihatan telah sekali lagi dilihat untuk membenarkan industri tembakau untuk terus merosakkan dan sekali gus membenarkan lagi sistem kesihatan negara. Dakwaan ini ada datanya. Kita- sedia maklum pada 2020 sahaja kerajaan telah berbelanja kira-kira RM6.2 bilion untuk merawat pesakit merokok. Jumlah ini pula diunjurkan untuk terus meningkat ke RM8.8 bilion pada tahun 2030, seperti mana yang diperakui oleh mantan Menteri Kesihatan dahulu.

Lebih memeranjatkan adalah jumlah yang dibelanjakan oleh negara untuk merawat pesakit merokok ini sebenarnya jauh lebih tinggi berbanding dengan RM3 bilion yang dijana melalui kutipan cukai produk tembakau. Dengan adanya pindaan yang akan membenarkan lebih ramai orang untuk terus merokok, bukankah kita secara langsung mewujudkan lebih banyak beban kepada sistem kesihatan negara kita?

Ketiga, pindaan pada RUU ini dikatakan berpandukan kepada nasihat Pejabat Peguam Negara yang mengatakan larangan merokok yang boleh dilaksanakan melalui GEG adalah bertentangan dengan aspek kesamarataan dan kebebasan diri yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Perubahan ini hanya berlaku setelah perubahan Menteri berikutan pilihan raya umum yang lalu. Sebelum itu pejabat yang sama telah menyatakan bahawa GEG adalah sah di sisi undang-undang.

Maka perubahan ini menimbulkan *trust deficit* Yang Berhormat Menteri, *trust deficit* daripada kalangan rakyat. Tindakan untuk memberi gambaran yang *inconsistency* dengan izin telah menimbulkan rasa sangsi dalam kalangan rakyat terhadap kerajaan, seolah-olah kerajaan lebih memihak kepada industri tembakau. Jadi tidak pelik jika dimaki hamun oleh di luar sana, ini realiti yang perlu kita terima oleh kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan terdahulu dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 di Dewan Rakyat tempoh hari berkata amat penting untuk RUU ini diluluskan dalam usaha menutup kelompangan undang-undang sedia ada. Namun, jika diteliti RUU ini memberi gambaran yang jauh berbeza dengan komitmen yang dinyatakan oleh pihak kementerian.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang baru dilantik dalam rombakan Kabinet tempoh hari akan dapat memberi penjelasan tentang beberapa persoalan yang saya ingin bangkitkan berhubung dengan perkara ini. Pertamanya, bagaimana RUU yang membenarkan golongan yang lahir pada 1 Januari 2007 untuk terus merokok atau menggunakan produk pengganti tembakau selepas mereka berusia 18 tahun ke atas akan membantu dalam usaha untuk menutup kelompangan undang-undang sedia ada.

Ini sama seperti undang-undang sedia ada. Sini siapa sahaja yang berusia 18 tahun ke atas boleh merokok. Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan menutup kelompangan undang-undang yang sedia ada? Keduanya, apa basis atau *moral ground*, dengan izin, pihak AG seperti mana yang dinyatakan oleh Menteri terdahulu mentafsirkan bahawa isu ketidaksamarataan dan diskriminasi kedudukan undang-undang dalam peruntukan dalam pelaksanaan GEG yang didakwa akan memberi layanan berbeza terhadap seorang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 berbanding dengan layanan terhadap orang yang lahir selepas 1 Januari 2007.

Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2020 mendapati bahawa cadangan untuk mengadakan peruntukan melarang orang yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2007 dan seterusnya daripada membeli dan merokok produk tembakau dan produk pengganti tembakau adalah merupakan satu tindakan yang tidak melanggar hak individu ke atas nyawa ataupun *right to live*, dengan izin.

Cadangan ini juga tidak melanggar hak terhadap kebebasan dirinya atau *personal liberty* seperti yang dijamin oleh Fasal 1, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan hak kesamarataan yang dijamin di bawah Perlembagaan, Perkara 8. Bagaimanakah dapatan ini berubah ikut Menteri? Adakah ini bermaksud pihak Kementerian Kesihatan mempunyai pendirian berbeza terhadap amalan merokok di bawah Menteri yang berlainan.

#### ■1840

Ketiganya, YB Menteri. Saya- Menteri yang baharu dilantik dalam rombakan Kabinet merupakan antara penyokong GEG. Tidak sampai beberapa jam selepas beliau dilantik, pelbagai pemegang taruh telah mengeluarkan kenyataan agar GEG dilaksanakan semula. Apakah pendirian Kementerian Kesihatan terhadap GEG? Apakah yang bakal terjadi dengan RUU- ini dengan jelas yang telah membelakangi bukan sahaja prinsip malah fungsi GEG itu sendiri?

Keempat, jika YB Menteri terbaru bakal kekal konsisten dengan pendirian untuk melaksanakan semula GEG, apakah strategi pihak kementerian dalam membendung tekanan yang diberikan oleh pemegang taruh dalam industri tembakau?

Kelima, kos rawatan pesakit dijangka meningkat RM8 bilion. Apakah inisiatif pihak kementerian selain pelaksanaan semula GEG untuk menangani isu ini?

Dengan itu, saya berharap Kementerian Kesihatan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri yang baru akan memberi penjelasan yang sewajarnya terhadap persoalan-persoalan yang telah saya bangkitkan dan segali gus menguatkuasakan semula Usul Larangan Merokok melalui GEG dan saya pohon, saya menyeru kepada Menteri janganlah biarkan pelobi-pelobi di luar sana untuk menentukan masa depan dan hala tuju negara dan juga nasib generasi muda kita.

Dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dengan mohon menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa pada mulanya rancangannya adalah untuk membenarkan Menteri menjawab esok, tapi saya tengok ramai dalam Dewan ini. Jadi, saya fikir elok panjangkan masa. Jadi, YB Menteri boleh habiskan? YB Menteri *prefer* esok? Baik. Fasal banyak pertanyaannya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), walau apa pun ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat pada pagi tadi, saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan... *[Disampuk]* Oh, tak. Minta maaf.

YB Menteri dah minta esok. Jadi saya tangguhkan persidangan selepas habis perbahasan. Jadi, kita sambung esok ya...? Boleh ya, setuju?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Jadi, sekarang saya ...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mula-mula nak baca ini dah... *[Menunjukkan sekeping kertas]* *[Ketawa]* Jadi, kita sambung perbahasan.

Saya menjemput YB Senator Datuk Paul Igai. Kalau boleh jimatkan masa. Kita- pasal tinggal satu, dua, tiga, empat, lima orang saja. Jadi, kalau seorang bercakap lima minit, kita boleh habis *on time* supaya saya boleh tangguhkan lepas- sedikit masa lepas pukul 7. Boleh ya Datuk Paul, kita habiskan perbahasan ini sampai pukul 7...?

**Datuk Paul Igai:** ...Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit ya. Baik.

**6.43 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang membentang tadi. *I go straight to the point.*

Kita sudah tahu amalan tentang merokok, berbahayanya penggunaan rokok khususnya asap rokok, ternyata merupakan satu punca penyakit kanser. Kita juga dimaklumkan, berdasarkan *World Health Organization Tobacco Fact Sheet 2019*, merokok menyumbang lapan juta kematian setiap tahun di seluruh dunia dan di Malaysia sebanyak

27,000 kematian akibat merokok pada tahun 2019. Semakin ketara juga datangnya rokok elektronik. Kita sudah ada bukti remaja kita berumur bawah 18 menggunakan *vape*. Ini sangat berbahaya, tetapi Datuk, banyak sudah negara-negara di luar menghalang kegunaan *vape*.

Datuk Yang di-Pertua, saya tertarik juga dengan fasal 8 Bahagian III, akta yang dicadangkan memperkatakan tentang larangan pengiklan, promosi dan tajaan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau dan tiruannya. Harap besarlah kita tentang kesannya dan kejayaan peraturan itu nanti.

Datuk Yang di-Pertua, untuk menjayakan objektif RUU ini, kerjasama semua kementerian, agensi dan semua rakyat sangat perlu. Jika kita sudah berjaya menghalang orang merokok dalam pesawat dan restoran, memang ada masanya matlamat RUU ini akan tercapai. Dengan itu Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih atas kerjasama kepada Yang Berhormat Datuk Paul.

Sekarang saya menjemput YB Senator Tuan Abun Sui Anyit. Lima minit ya, Tuan Abun.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya. Lima minit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit saja... *[Ketawa]*

**Tuan Abun Sui Anyit:** Okey. Boleh dua ayat pun boleh, kalau nak.

**6.46 ptg.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Jadi, terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan saya ingin ambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri yang baru dilantik semalam dan secara peribadi, saya memang minat Menteri ini dari dulu lagi kerana kita ini tidak merokok. Jadi, kerana dia buat peraturan yang- walaupun orang cuba untuk mengejeknya, tetapi itu sangat baik sebenarnya. Itulah sebabnya kita juga ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berusaha untuk membuat undang-undang menghalang ataupun memberi sesuatu panduan kepada kita supaya kita sentiasa hidup sihat. Saya sangat gembira juga kerana undang-undang ini merupakan undang-undang yang *stand alone*- untuk mengatur dan menguruskan hal-hal merokok di negara kita ini.

Jadi, sememangnya walaupun dikatakan ada lakuna dalam rang undang-undang ini, tetapi kemudian harinya kita masih boleh untuk membuat penambahbaikan dalam hal ini. Saya dapati bahawa tidak ada antara kita- saya percaya yang boleh mengatakan merokok itu baik untuk kita. Walaupun pada zaman dulu-dulu, kita pernah melihat iklan-iklan yang kononnya apabila kita merokok kita akan bangga. Seolah-olah kita akan menunjukkan sesuatu yang kita adalah orang yang berada. Jadi, rupa-rupanya keberadaan kita apabila pada masa itu ialah rupa-rupanya kita cari penyakit.

Jadi, oleh sebab itulah saya ingin menyatakan beberapa perkara yang seterusnya adalah berkaitan ketagihan. Dalam seksyen ini iaitu dalam seksyen 22 di mana juruanalisis-jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri, jadi adakah analisis-analisis yang telah dibuat berkaitan dengan kebaikan ataupun keburukan merokok ini? Kalau analisis sudah membuktikan bahawa analisis-analisis yang dibuat bahawa merokok adalah membahayakan, membawa penyakit, menyebabkan kematian yang telah dinyatakan oleh Menteri tadi, mengapakah kita harus menolak perkara yang begini? Oleh sebab itu, saya juga akan menyatakan satu cadangan kepada kerajaan kerana saya tidak mahu lupa perkara itu nanti.

Sekiranya, GEG yang telah- kononnya kita tarik balik dan tidak masukkan dalam rang undang-undang ini. Jadi, kita melihat ada pihak tertentu yang cuba kononnya akan *challenge* perkara ini di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, tetapi di dalam Perlembagaan Persekutuan juga, kita ada undang-undang yang boleh mengimbangi Perkara 8 ini di mana Perkara 153 telah dibuat seolah-olah tidak adil kepada seksyen 158.

Jadi, inilah perlembagaan itu boleh dipinda supaya perkara yang begini boleh dimasukkan dalam Perlembagaan supaya tidak ada cabaran ataupun *challenge* oleh pihak tertentu sebab perkara begini merupakan sesuatu yang membawa kebaikan kepada- kalau bukan kepada generasi kita, tetapi kepada anak cucu-cicit kita.

Apabila kita membuat pindaan perlembagaan yang membolehkan GEG ini dimasukkan dalam pindaan ini suatu hari nanti, saya pasti ini tidak lagi orang boleh mencabarnya di mana-mana mahkamah di Malaysia ini.

Justeru itu Datuk Seri Yang di-Pertua, saya berharap supaya contoh yang ada di dalam Perkara 153 ini yang nampaknya bertentangan dengan Perkara 8, tetapi kalau Parlimen sudah meluluskan pindaan sebegini yang selari dengan 153, maka GEG ini boleh dibuat kerana ia memberi manfaat kepada generasi kita pada masa depan.

#### ■1850

Justeru itu, saya berharap juga supaya institusi keagamaan diberi peruntukan juga untuk membantu supaya kita mempunyai moral untuk menolak. Bukan sahaja menggunakan undang-undang, tetapi gunakan moral supaya apabila kita ada moral yang kuat untuk tidak merokok, ini lebih baik daripada kita cuba untuk menggunakan undang-undang, menghalangnya tetapi kalau kita ada hati yang kuat, anak generasi kita yang kuat di dalam menolak rokok, maka lama-lama rokok ini boleh dilupakan. Jadi untuk itu, Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

**6.51 ptg.**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, saya di luar sana orang panggil ustaz. Bab rokok ini biasalah ustaz bersyarah, tapi oleh sebab masa yang agak pendek, saya akan usahalah. Cuma saya nak rakamkan bahawa Almarhum Ayahanda saya, bekas Menteri Besar Kelantan ini seorang yang cukup antirokok. Sampai dalam kisah dia, ada anak murid dia yang sanggup terbakar seluar kerana sembunyikan rokok depan ayah saya. Terbakar seluar.

Tadi Datuk Menteri menyebut bahawa mengenai kematian. Saya nak ambil berdasar pada ayat... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “*Jangan kamu campakkan diri kamu dalam kehancuran.*” Dalam masa dua tahun YB Menteri menyebut bahawa COVID telah membunuh 36,000 orang rakyat Malaysia, dua tahun. Dalam masa dua bulan, Zionis membunuh 20,000 orang rakyat di Palestin- hampir 20,000 dan dalam masa satu tahun, rokok telah membunuh 20,000 orang rakyat Malaysia.

Beza kematian ini ada tiga. Pertama, kematian dengan sebab bala daripada Allah. Kita tak boleh nak kata apalah, COVID-19. Kematian disebabkan oleh dibunuh, jenayah, sebagaimana Zionis. Satu lagi iaitu kematian disebabkan oleh bunuh diri sendiri- dan rokok ini iaitu bunuh diri sendiri. Itulah antara ayat yang digunakan oleh ulama kita, ayat ini... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “*Jangan kamu campakkan diri kamu dalam kehancuran*”.

Menunjukkan bahawa dari sudut agamanya seperti YB sebelum saya sebut tadi, kita heret institusi agama untuk turut serta. Perlunya fatwa diwartakan, Bukan hanya fatwa, tetapi setiap negeri sepatutnya mewartakan fatwa pengharaman rokok supaya selamat rakyat kita Malaysia.

Isu rokok ini Yang di-Pertua agak susah. Saya sebenarnya boleh bersetuju. Saya setuju RUU ini, tetapi dengan rasa terkilan dan saya rasa Menteri sendiri pun cara dia bercakap tadi macam kelat lidah. Dia pun nak juga GEG ini, tetapi sebagaimana yang disebutlah kaedah dia... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Tak dapat semua, dapat sikit, kita buat. Dapat kita buat juga sampai- ia satu perjalanan. Kita anggap akta ini ialah perjalanan kepada satu proses yang panjang.

Rokok ini isu dia isu *idman*. Dalam bahasa Arab kata- ataupun tabiat buruk ini dipanggil “ketagih”. Ketagih ini kaedah agamanya bila ketagihan yang benda buruk ini, Allah Taala kerat, arak- diharamkan arak. Cara dia Allah SWT haramkan. Mereka pernah mengharamkan arak, tapi tidak berjaya kerana di sebalik pengharaman itu tidak ada roh. Begitulah rokok ini.

Kita buat undang-undang, undang-undang ini kuat kuasa, tetapi kalau tidak ada roh dari dalam diri, tak berjaya. Sebab itulah akta sebelum ini, yang ada 2004 itu, yang kita tukar ini, dia berjalan, tetapi setiap tahun rokok sahaja bertambah, bertambah. Kerana apa? Kerana kita perlukan kesedaran dimainkan.



Kesedaran ini ada dua untuk rokok ini. Pertama, kesedaran kesihatan, ia menyeluruhlah. Oleh sebab itulah sahabat saya, YB Musoddak sebut- bahawa Tok Guru dia, Tok Guru saya jugalah. Bila sakit sangat, akhirnya dia terpaksa akui bahawa rokok ini bahaya, tetapi membawa kepada kematian dia. Semua orang sedar dengan sayangnya kepada kesihatan, tapi nak suruh sampai kepada sedar itu, agak susah. Itu kesedaran dari sudut kesihatan dan yang lebih besar iaitu kesedaran dari sudut iman. Kesan dia kesihatan akhirat. Ini 'kesihatan dunia'- tubuh, tapi yang besar lagi iaitu 'kesihatan akhirat.'

Jadi secara mudahnya Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup ini. Saya nak cadangkanlah supaya pertama, oleh sebab akta ini satu perjalanan yang masih jauh di hadapan untuk menyelamatkan rakyat Malaysia, saya cadangkan supaya pertama, kuat kuasa fatwa itu melalui pewartaan supaya institusi agama dapat memainkan peranan yang lebih baik.

Kedua, kempen kesihatan bersepadu. Tadi pun disebut oleh beberapa Yang Berhormat supaya semua kementerian, bukan hanya Kementerian Kesihatan sahaja, mengambil bahagian dalam usaha kempen terhadap rokok ini.

Yang kedua, kuat kuasa yang bersungguhlah terhadap remaja kita. Walaupun memang menyusahkan penguat kuasa, tapi ambil tahulah. Kita kena terpaksa. Termasuklah juga kuat kuasa dari sudut penyeludupan rokok.

Dulu pun ada syarikat rokok datang ke Parlimen. Jumpa saya, jumpa ramai Ahli Parlimen- sebut mengenai kalau GEG berjalan, masalahnya penyeludupan. So, kita ambil semua sebagai cabaran dan semua itu kerajaanlah kena ambil tindakan. Terima kasih. *Wallahualam.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Ada dua orang saja lagi.

Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Amir bin Ghazali.

**6.57 ptg.**

**Tuan Amir bin Ghazali:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Datuk Yang di-Pertua dan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Datuk Dzul selaku Menteri Kesihatan yang baharu dan juga rakan-rakan Ahli Dewan yang saya hormati.

Saya mengambil masa yang singkat. Ringkas perbahasan saya. Cuma nak mengambil balik ketika Kementerian Kesihatan yang di bawah Datuk Dzul suatu ketika dahulu iaitu tentang 'tiga meter.' Pada ketika itu, restoran-restoran di kawasan seluruh negara, kita melihat anak-anak muda *ker*, tua, dewasa, yang pengamal aktiviti merokok yang tegar. Mereka ini mematuhi undang-undang yang telah dikeluarkan sebab pada ketika itu rokok di bawah undang-undang makan. Peraturan 1983 di bawah Akta Makanan.

Jadi pada hari ini, akta ini amat disokong oleh badan-badan NGO seperti mana kita telah melaksanakan kempen-kempen kesedaran di bawah AADK, unit rakan AADK dan juga

Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) yang telah pergi ke sekolah-sekolah merata tempat untuk mengadakan satu taklimat pendidikan kepada anak-anak kecil, anak-anak sekolah ini tentang bahayanya dadah, tetapi di samping itu, GEG menjadi kempen utama kita pada ketika itu.

Sepanjang tiga, empat tahun yang lepas, kita meneruskan kempen-kempen menamatkan generasi merokok ini. Jadi apabila berlakunya pada hari ini tentang Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini, makna menggugurkan GEG itu, ini salah satu kehampaan kepada NGO-NGO yang telah selama ini memberi sokongan padu terhadap agenda ini. Jadi walau bagaimanapun tidak mengapa, sebagai satu- kerajaan yang telah mendengar nasihat daripada Peguam Negara maka digugurkan klausa ini, tetapi tidak mengapa, seperti orang Penang kata, "*Sat, pelan-pelan kita buat, pelan-pelan.*" Hari ini kita buat ini dahulu.

Mungkin ke depan *insya-Allah* GEG ini salah satu momentum yang cukup baik bagi kita memisahkan anak-anak ini, anak-anak remaja daripada aktiviti merokok. Sebab itulah dengan keadaan pada hari ini, saya melihat pendekatan yang telah dilaksanakan oleh kementerian, harus disokong dan dibantu oleh segenap lapisan masyarakat supaya kita dapat menjadikan negara kita ini berpandukan undang-undang, akta yang bakal diluluskan ini, supaya dapat bersihkan anak remaja kita.

#### ■1900

Tuan-tuan sendiri, YB-YB Senator pun ada anak-anak. Anak-anak cucu yang kian membesar. Saya pun ada anak. Jadi, perkara ini harus kita- Kementerian Kesihatan harus mempertimbangkan supaya selepas ini GEG pula kita buat supaya kita dapat sokongan sepenuhnya daripada Ahli-ahli Dewan Negara pada hari ini.

Jadi, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbahasan RUU Kawalan Produk Demi Kesihatan Awam 2023, dan saya sokong. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Sekarang kita pergi kepada pembahas terakhir kita. Saya jemput YB Senator Datuk Noraini binti Idris.

#### 7.00 mlm.

**Datuk Noraini binti Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil peluang membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 seperti yang telah dibentangkan oleh YB Menteri tadi.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada YB Menteri yang baru sahaja dilantik semula menjadi Menteri Kesihatan.

Jadi, saya cuba menghabiskan perbincangan ini dalam masa lima minit. Kurang daripada lima minit. Jika sebelum ini kawalan produk tembakau adalah di bawah Akta Makanan, ini sekali gus menjadikan ia nya terhad dan tertumpu kepada kawalan produk merokok yang berasaskan tembakau dan hasil tembakau sahaja.

Namun yang demikian, situasi pada ketika ini yang membimbangkan iaitu peningkatan ketara penggunaan rokok elektronik atau *vape* yang menggunakan cecair yang berasaskan bahan-bahan lain selain tembakau yang malahan kita sendiri tidak tahu keseluruhan bahan yang digunakan jika ia nya tidak dilabelkan.

Mengambil maklum akan situasi ini adalah penting untuk kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk merangka rang undang-undang khusus yang membolehkan kawalan sepenuhnya ke atas produk yang sudah tentunya akan mendatangkan mudarat khususnya kepada golongan bawah umur 18 tahun yang mudah mendapatkan produk rokok elektronik atau *vape* ini di pasaran.

Saya juga ingin merujuk kepada laporan akhbar Berita Harian pada April 2023, di mana Persatuan Pengguna Pulau Pinang mendedahkan hasil soal selidik mendapati seramai 200 daripada 300 orang kanak-kanak yang ditemukan CAP ketika Program Tanpa Nikotin. Bagi kanak-kanak mengakui mereka mengambil *vape* dua kali seminggu. Lebih menyedihkan kanak-kanak berkenaan yang berusia 9 hingga 12 tahun mengakui mereka mencuba *vape* dan e-rokok bapa mereka ketika berada di rumah ataupun di dalam kereta. Bahkan dengan data berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang telah dijalankan, jumlah perokok ini dijangka akan terus bertambah dengan kemunculan rokok elektronik atau *vape*. Khusus bagi rokok elektronik atau *vape* terdapat peningkatan peratusan penggunaan dewasa iaitu 15 tahun ke atas iaitu sebanyak 1.2 juta orang pada tahun 2019 berbanding 600,000 orang pada tahun 2016. Ini adalah perkara yang sangat menggusarkan.

Jadi, di sini saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Pertama, yang menghendaki semua produk tembakau bahan merokok atau produk pengganti tembakau untuk didaftarkan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan setelah RUU ini dikuatkuasakan. Berapakah tempoh masa yang akan diberikan kepada pengusaha produk untuk mendaftarkan produk mereka dan apakah bentuk denda atau penalti yang akan dikenakan sekiranya mereka gagal untuk mendaftar? Seterusnya, saya juga ingin menyentuh fasal 8 untuk melarang apa-apa penerbitan, apa-apa iklan produk tembakau bahan merokok atau produk pengganti tembakau tiruan dan mana-mana orang yang gagal mematuhi fasal ini melakukan suatu kesalahan.

Jadi, apakah jaringan kerjasama antara kementerian dengan MCMC bagi memastikan pengiklanan produk ini akan terhenti khususnya di media sosial seperti *TikTok* dan *Facebook* yang memberi akses kepada golongan bawah umur untuk mendapatkan produk ini secara terbuka?

Saya juga ingin di sini mencadangkan agar kementerian turut bekerjasama dengan pihak NGO bagi terus mengadakan kempen kesedaran di peringkat institusi pengajian bermula di sekolah hinggalah ke institusi pengajian tinggi bagi mempromosikan Kempen Kesedaran Gaya Hidup Sihat- zero rokok dan rokok elektronik. Malahan, penguatkuasaan turut diperhebat dalam kalangan warga pendidik dengan melarang penggunaan peranti produk elektronik dalam kawasan sekolah atau universiti.

Jadi, saya mengharapkan dengan adanya RUU yang baharu ini akan terus memperkasa generasi *zero* tembakau dan nikotin bagi terus memastikan kelangsungan dan kesejahteraan terutamanya bagi anak muda di bawah umur 18 tahun. Sekian sahaja Datuk Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB.

Maka, selesai lah sesi perbahasan dan YB Menteri akan mula menjawab esok pagi ya. *Alright*, terima kasih.

Jadi, dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 14 Disember 2023.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.05 malam]***